



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1013]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 1102]
- Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) [Ruangan 1119]
- Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 1128]
- Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan) [Ruangan 1137]
- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984) [Ruangan 1149]
- Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 1153]
- Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) [Ruangan 1155]
- Rang Undang-undang Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing [Ruangan 1160]
- Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 1165]

USUL:

- Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 1159, 1165]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- .. LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABDULWAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- .. TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- .. DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak).
- .. TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- .. DATO'S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDULGHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- .. PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- .. PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- .. TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- .. DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat TANSRI ISMAIL.KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- .. TUAN JAAPAR BIN HARUN (Dilantik).
- .. DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- .. PUAN SRI JANAKI ATHINAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. DATOKAMARUZAMAN BINAHMAD (Dilantik).
- .. TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan).
- .. TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- .. DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- .. DATOK. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- .. CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- .. TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- .. DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAPAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.
(Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- .. TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- .. TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- .. TUAN MOHD. YUSOFF *alias* Yusof Haji Md. Noor (Kelantan).
- .. TUAN NASIR BIN HAJI MANAF, A.M.N., P.J.K., (Melaka).
- .. PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- .. TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- .. TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- .. TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- .. DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- .. TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

Yang Berhormat TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD,
(Dilantik).

„ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULIOK (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., (M.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 23hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KONTRAKTOR LUAR NEGERI—
TAWARAN TENDER**

1. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kontrak-kontrak bumiputera dan bukan bumiputera boleh membuat binaan besar-besar dan tinggi-tinggi dan mengapa Kementerian Kerjaraya meluluskan tender kepada kontraktor-kontraktor luar negeri umpamanya Jepun dan Korea.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya tender-tender yang dianggarkan bernilai lebih daripada \$10 juta yang dibuka kepada kontraktor-kontraktor luar negeri. Tender-tender yang dianggarkan bernilai kurang daripada \$10 juta adalah dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor tempatan sahaja. Namun begitu, kontraktor-kontraktor tempatan tidak dihalang untuk mengemukakan tawaran-tawaran mereka bagi tender yang melebihi dari \$10 juta.

Sebenarnya, tender-tender yang bernilai \$10 juta ke atas dibuka kepada kontraktor-kontraktor luar negeri adalah kerana projek-projek berkenaan kebanyakannya memerlukan kepakaran dan teknologi-teknologi baru yang tiada di pasaran tempatan. Di samping itu projek-projek berkenaan perlu pula disiapkan dalam tempoh masa yang singkat mengikut spesifikasi dan mutu kerja yang terjamin.

Selain dari itu, bagi projek-projek yang dibiayai oleh Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan pinjaman-pinjaman dari Kerajaan-kerajaan luar negeri, tawaran-tawaran berkenaan dikehendaki dibuka kepada kontraktor-kontraktor luar negeri sebagai mematuhi syarat-syarat pinjaman daripada badan-badan yang tersebut.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, sampai bilakah dasar Kerajaan kita masih berpegang lagi kepada kedudukan sekarang iaitu tender yang berharga \$10 juta ke atas diberi peluang kepada kontraktor-kontraktor luar negeri, tidak dalam negeri. Kita tahu sekarang peralihan teknik moden telah pun berjalan lebih daripada 10 tahun ke negara kita, maka saya percaya kontraktor-kontraktor bumiputera kita ataupun yang bukan bumiputera dalam negeri ada kebolehan membina rumah-rumah atau bangunan-bangunan atau projek yang lebih \$10 juta. Harap dapat penjelasan.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang kita kata lebih daripada \$10 juta itupun bukanlah kita menyekat kontraktor-kontraktor tempatan sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera mengambil bahagian dan ini terpulang kepada kemampuan kontraktor-kontraktor yang berkenaan memberi kemudahan-kemudahan dan kepakaran-kepakaran yang diperlukan dalam pembinaan yang tertentu.

Pada masa ini pun saya dapat menyatakan di dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi daripada pemindahan teknologi daripada luar negeri kita telah menetapkan sekurang-kurangnya 30% kontraktor-kontraktor asing hendaklah memberi peluang kepada kontraktor tempatan sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera melibatkan diri dalam usaha-usaha menjalankan kerja-kerja yang ditawarkan oleh Kerajaan.

Selain daripada itu, sungguhpun kenyataan yang saya katakan tadi lebih daripada \$10 juta diberi kepada kontraktor asing dan kontraktor luar negeri, terdapat juga kontraktor-kontraktor yang besar, sebagai contoh, yang berharga \$33 juta iaitu projek Kem Batalion bagi Pasukan Polis Hutan di Kulim, Kedah adalah dibuat oleh kontraktor tempatan. Tetapi yang ditimbulkan di dalam soalan asal tadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara-perkara yang kita jawab mengenai teknologi tinggi dan kepakaran-kepakaran yang tertentu. Maka inilah kita buka kepada kontraktor-kontraktor luar negeri dan di samping itu adalah menjadi syarat, saya ingin ulangkan, bahawa bila kita meminjam wang-wang daripada perbadanan luar negeri; Bank Dunia dan sebagainya, dan badan-badan ini meletakkan syarat supaya kita membuka tender kita ini

bukan sahaja kepada kontraktor-kontraktor dalam negeri bahkan kepada kontraktor luar negeri. Tetapi kita sedang berusaha untuk meyakinkan rakyat dan para kontraktor tempatan supaya dapat meningkatkan prestasi mereka demi mencapai kehendak rakyat keseluruhannya di mana pembangunan di negara ini dibuat oleh rakyat tempatan.

Puan Nen Abidah binti Ahdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu daripada pihak Kementerian yang berkenaan adakah benar" kontrak-kontrak dari Jepun dan Korea mengambil buruh-buruh yang lebih ramai dari Jepun dan Korea dan hanya sebilangan kecil sahaja dari Malaysia, dan adakah gaji yang diberi sama, iaitu buruh dari Jepun dan Korea dengan buruh dari Malaysia?

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak diistilahkan daripada soalan ini buruh-buruh ini dikatakan buruh ialah pekerja-pekerja yang tidak ada kecekapan, dengan izin, bukan skilled labour. Kalau kita kata bukan skilled labour saya tidak dapat menyetujui kerana buruh-buruh biasa adalah lebih banyak bilangannya diambil daripada anak-anak tempatan.

Sungguhpun demikian, terdapat pekerja-pekerja yang mahir yang ada dibawa oleh syarikat-syarikat yang berkenaan demi untuk mengadakan satu prestasi pembangunan ataupun kerja yang baik terhadap projek-projek yang tertentu dan kita sentiasa memerhatikan supaya usaha-usaha pemindahan teknologi dan pengetahuan dalam pembinaan bangunan-bangunan ataupun rekabentuk-rekabentuk yang sophisticated dapat diperhati ataupun dipelajari oleh anak-anak tempatan sebagai contohnya pembinaan Jambatan Pulau Pinang, pembinaan lebuhraya-lebuhraya di negara ini.

PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

2. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana kebenaran adanya berita-berita menyatakan bahawa ada penuntut-penuntut kita di luar negeri kurang mendapat perhatian Duta-duta dan Wakil-wakil Kerajaan kita di luar negeri; dan mereka lebih kerap didatangi dan dilawati oleh badan-badan sukarela dan pendakwah-pendakwah yang tidak bertanggungjawab; jika benar nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa ada penuntut-penuntut kita di luar negeri kurang mendapat perhatian Duta-duta dan Wakil-wakil Kerajaan kita di luar negeri adalah tidak benar dan merupakan dakwaan yang bersifat terlalu umum. Seperti yang kita sedia maklum, bidang tugas perhubungan agensi Kerajaan dengan penuntut-penuntut kita di luar negeri terpaksa mengambil kira dua faktor iaitu kerumitan mengesan pelajar-pelajar persendirian dan pengawasan berkaitan dengan kebajikan pelajar yang merangkumi pertaburan pelajar yang luas.

Penuntut-penuntut kita di luar negeri terdiri dari dua golongan iaitu pelajar-pelajar persendirian dan pelajar-pelajar tajaan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan. Bilangan pelajar-pelajar persendirian adalah lebih besar dari bilangan pelajar-pelajar Kerajaan. Berbanding dengan perangkaan pelajar-pelajar Kerajaan data mengenai pelajar persendirian diperolehi setara anggaran sahaja oleh sebab ia bergantung kepada kesediaan atau kelapangan pelajar itu sendiri untuk melaporkan diri kepada

perwakilan kita atau jasa baik institusi-institusi pengajian di luar negeri untuk memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Jabatan-jabatan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri diberi tanggungjawab khusus untuk mengendalikan urusan kebajikan am, pengawasan kemajuan dan khidmat nasihat akademik, pembayaran biasiswa, yuran sekolah dan universiti dan rawatan perubatan kepada pelajar-pelajar Kerajaan.

Perkhidmatan yang saya juga diberi oleh Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia kepada pelajar-pelajar. Nasihat dan kaunseling yang berkaitan dengan pemilihan kursus-kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan dan peluang-peluang pekerjaan di Malaysia serta bantuan kecemasan, menyelesaikan masalah berkaitan dengan urusan pembaharuan pasport dan aktiviti pelajar melalui persatuan pelajar.

Di tempat yang tidak ada Jabatan Penuntut tugas ini dijalankan oleh Kedutaan.

Faktor pertaburan pelajar-pelajar Malaysia yang luas di sesatu negara asing juga menyulitkan perhubungan antara agensi kita dengan mereka. Keadaan ini jelas dilihat di Australia di mana terdapat jarak antara pejabat Jabatan Penuntut Malaysia dan institusi-institusi pelajar-pelajar Malaysia menuntut melebihi 1,000 kilometer telah menghadkan hubungan dibuat melalui surat menyurat, hubungan telekom dan lawatan oleh pegawai-pegawai dari masa ke semasa.

Di Amerika Syarikat juga Jabatan Penuntut Malaysia Wilayah Tengah Chicago misalnya menjaga sejumlah 5,000 pelajar-pelajar Kerajaan yang bertabur di merata-rata 12 negeri di Wilayah Tengah Amerika itu.

Kawasan tengah USA ini juga merupakan tempat tumpuan penuntut-penuntut dan aktiviti-aktiviti persatuan penuntut-penuntut. Tetapi hanya diawasi oleh segelintir pegawai dan kakitangan JMP Chicago yang terhad kepada 4 orang dan dengan ketiadaan Konsul Malaysia di Chicago.

Pengawasan terhadap pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri walau bagaimanapun, telah dilipatgandakan melalui;

- (1) Siri lawatan ke kampus-kampus oleh pegawai-pegawai Jabatan Penuntut Malaysia;
- (2) Penubuhan Jawatankuasa Halehwal Pelajar di semua Perwakilan Malaysia di luar negeri dan di peringkat pusat.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, adakah kita beri perintah sama penuntut-penuntut yang pergi ke luar negeri dikenakan syarat mendaftarkan diri mereka ke pejabat-pejabat kita atau Jabatan Penuntut atau Kedutaan Malaysia? Kalau tidak, apa langkah Kerajaan telah ambil atas perkara ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kepada semua penuntut sama ada Kerajaan ataupun persendirian yang membuat permohonan menerusi Kementerian Pelajaran ataupun Jabatan agensi Kerajaan maka digalakkan supaya mereka mendaftarkan diri di pejabat-pejabat Kedutaan kita. Tetapi yang timbul adalah masalah mengenai penuntut-penuntut kita yang pergi tanpa pengetahuan Kedutaan kita ataupun tanpa pengetahuan Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Luar Negeri sedar pelajar-pelajar kita di datangi oleh orang-orang, yang tertentu yang tidak bertanggungjawab memberi pandangan-pandangan yang lari daripada dasar Kerajaan kita yang

meracuni fikiran pelajar-pelajar kita. Apakah ada satu dasar Kementerian Luar Negeri untuk menyekat orang-orang yang berkenaan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak boleh menyekat pelajar-pelajar kita bertemu dengan orang-orang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi sebab kita mengamalkan sikap terbuka, semangat demokrasi dan sebagainya. Namun demikian, kita sangat kesal sikap pemimpin-pemimpin ataupun orang-orang yang berkenaan yang oleh sebab kepentingan politik yang sempit sanggup memutarbelitkan keadaan dan meracuni pemikiran bakal-bakal pemimpin kita itu.

Oleh sebab itulah maka Kerajaan telah pun menghantar begitu ramai pegawai-pegawai kita supaya dapat kita menyekat dari hasutan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini dan di samping itu juga Kerajaan selalu menggalakkan pemimpin-pemimpin Kerajaan juga yang melawat ke luar negeri untuk selalu mendampingi penuntut-penuntut dan juga seboleh-bolehnya berceramah kepada mereka.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Daripada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi setakat kita menyatakan kesal sahaja tidak memadai kerana kita ingin bertanya hubungan duta-duta, attache-attache pelajaran ataupun penerangan kepada penuntut-penuntut kita terutama sekali dengan maklumat-maklumat akhbar-akhbar tempatan daripada negeri ini semuanya ini tidak bahyak dibekalkan kepada penuntut-penuntut kita. Apakah satu langkah yang segera, yang segar yang boleh berkesan yang dilakukan oleh Kementerian Luar Negeri demi untuk menjaga kebajikan dan juga supaya dapat menyekat pendakwah dan juga dengan dakyah-dakyah yang merosakkan pemikiran penuntut-penuntut kita apabila balik

ke negeri ini? Ini langkah-jangkah yang kita hendak dengar.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pernah saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari sudah bahawa kita memang melengkapi penuntut-penuntut kita dengan akhbar-akhbar yang cukup, saya rasa untuk kepentingan mereka. Cuma yang menjadi masalah kita tidaklah boleh menghantar akhbar-akhbar kepada setiap penuntut kerana biayanya terlalu tinggi. Misalnya akhbar harian yang kita beli di sini lebih kurang 50 sen senaskah kita terpaksa membelanjakan sebanyak antara \$5 hingga \$10 kadangkala untuk menghantar akhbar ini kepada penuntut. Ini bermakna pembiayaan lebih "kurang \$1 juta untuk membekalkan akhbar-akhbar sahaja kepada penuntut.

, Saya ingin menegaskan di sini bahawa baru-baru ini pihak Wisma Putra telah membuat sedikit sebanyak kajian dan ingin saya menyatakan tidak ada sebarang negara dalam dunia ini yang begitu banyak membekalkan wang dan kemudahan-kemudahan pelajar kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri dari Malaysia. Malah apabila kita bandingkan angka-angka yang kita belanjakan untuk kebajikan penuntut-penuntut kita di luar negeri dengan perbelanjaan oleh negara-negara lain seperti Singapura, Indonesia, Thailand, negara-negara Afrika dan negara-negara maju juga maka kita rasa bahawa perbelanjaan kita adalah terlalu tinggi. Dan saya ingin menyatakan juga untuk pengetahuan bahawa di negara kita sendiri pun di mana kita mempunyai jentera yang begitu cukup kita sukar untuk menyekat ahli-ahli politik untuk memutarbelitkan keadaan ataupun untuk memutarbelitkan kenyataan.

Jadi, begitu jugalah kita begitu sukar sekali untuk menyekat mereka secara langsung untuk memutarbelitkan

kenyataan apabila mereka melawat dan bertemu dengan penuntut-penuntut di luar negeri.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Menteri sedar bahawa dari maklumat-maklumat daripada penuntut-penuntut sendiri bahawasanya Pegawai-pegawai Kebajikan yang di hantar ke luar negeri untuk menjaga kebajikan penuntut-penuntut di sana, mereka berlagak sebagai diplomat tetapi bukan sebagai bapa angkat. Dengan sebab itulah penuntut-penuntut di sana berasa bosan dan tidak dapat menerima perhatian sepenuhnya dan dengan sebab itulah mereka dapat dimasuki oleh anasir-anasir yang tidak diingini oleh Kerajaan kita.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, pegawai-pegawai kita yang kita hantar ke luar negeri adalah terlalu kecil bilangannya jika dibandingkan dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Tugas pegawai-pegawai kedutaan misalnya adalah untuk memajukan kepentingan politik dan keselamatan kita di luar negeri.

Sekarang ini kita telah membebaskan mereka dengan satu tugas yang lebih penting iaitu memajukan kepentingan ekonomi kita di luar negeri, tidak kira tugas-tugas protokol dan sebagainya. Oleh sebab itu kerja untuk menjaga penuntut-penuntut ini tidaklah boleh diberi tumpuan yang mereka kehendaki. Itu sebabnya di setengah-setengah tempat, kita telah pun mengadakan Jabatan Penuntut dan juga pegawai-pegawai yang mewakili agensi-agensi yang lain untuk menjaga penuntut-penuntut ini. Tetapi suka saya menyatakan bahawa tidaklah benar menyatakan bahawa pegawai-pegawai kita ini kebanyakannya beraksi seperti diplomat ataupun orang besar. Sudah tentulah di mana-mana kelompok manusia, akan ada "black sheep".

Tetapi pada keseluruhannya, saya rasa pegawai-pegawai kita menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, dengan cukup cemerlang dalam keadaan yang begitu membebankan.

UNIVERSITI—OBJEKTIF PENGELUARAN PELAJAR-PELAJAR

3. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa "Merancang universiti bukan semudah mendirikan kilang" dan nyatakan apakah dasar dan sistem mengesan Kementerian untuk memastikan bahawa objektif kuantiti lulusan pengajian tinggi tidak mengorbankan objektif kualiti lulusan tersebut.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa untuk membina universiti itu bukan begitu mudah dan tidak gemudah kita mendirikan kilang. Malahan Kerajaan memang mempunyai dasar dan sistem dan cara-cara tertentu untuk memastikan bahawa objektif mengeluarkan pelajar-pelajar dengan ramai (quantity), tidak mengorbankan objektif kualiti seperti Yang Berhormat sebutkan itu. Semasa kita merancang penubuhan sesebuah universiti, perancangan yang teliti akan dibuat dari berbagai-bagai aspek dan untuk mengesan supaya kualiti lulusan sentiasa di tahap yang tinggi, beberapa cara kita gunakan memilih tenaga pengajar yang terlatih, matang dan mempunyai kelulusan yang baik yang diiktiraf. Pelajar-pelajar yang diterima masuk ke universiti pula dipilih melalui proses-proses tertentu berdasarkan kelulusan yang sesuai dan sistem pemeriksaan terhadap pelajar-pelajar juga sentiasa dikawal dan dipastikan supaya pelajar-pelajar mencapai tahap dan prestasi pencapaian yang tinggi.

Juga bagi setengah-setengah kursus pemeriksa-pemeriksa luar telah dijemput untuk menilai prestasi dan pencapaian pelajar-pelajar setanding dengan pencapaian di peringkat antarabangsa. Kita juga mengadakan kajian dan penilaian semula kursus-kursus dari masa ke semasa untuk menentukan matlamat dan kualiti kursus tercapai pada tahap yang sempurna dan juga kita mengkaji semula kurikulum dari masa ke semasa untuk memenuhi kehendak keperluan pembangunan negara.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar Kerajaan memberi pelajaran yang secukupnya kepada rakyat. Walaupun demikian, sekarang terdapat ramai siswazah-siswazah yang menganggur. Ini bukannya menjejaskan kualiti mahasiswa-mahasiswa kita. Kalau hakikat ini benar, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasinya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, kaiaupun ramai mahasiswa-mahasiswa yang menganggur ertinya yang belum mendapat kerja tetapi pengangguran mereka itu tidaklah dianggap sebagai penjejakan kepada kualiti mereka. Apa yang mereka perolehi daripada universiti iaitu satu pelajaran dan pendidikan yang baik tetap ada pada mereka. Cuma masalah pengangguran ini ialah masalah kedudukan ekonomi kerana kekurangan peluang-peluang pekerjaan dan tambahan pula dalam Kerajaan kita sendiripun dengan pembekuan banyak jawatan-jawatan pula, maka pengambilan mahasiswa-mahasiswa kita yang telah keluar, ertinya siswazah-siswazah tentulah tidak seramai seperti tahun-tahun dahulu. Maka sebab itulah kita biasa membaca dalam akhbar adanya ramai pelajar-pelajar kita yang belum mendapat pekerjaan yang sedang menunggu untuk dipanggil oleh pihak Kerajaan.

Sebagaimana saya katakan awal-awal tadi, walaupun mereka menunggu dan kena menganggur sementara, ini tidak akan menjejaskan kualiti pendidikan dan pelajaran yang mereka telah dapati dari universiti.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini ada masalah apa yang dipanggil "miss-matching" antara jenis lulusan pengajian tinggi dengan permintaan di pasaran tenaga kerja mahir. Saya ingin bertanya apakah peranan Kementerian bergama-sama dengan universiti-universiti untuk memastikan bahawa keluaran universiti sama ada dari segi kuantiti ataupun jenis lulusan adalah menepati dengan kehendak perubahan masa.

Yang keduanya, ialah saya maklum bahawa pihak Kementerian mempunyai peranan untuk mengarah universiti dalam bidang-bidang tertentu termasuk akademik dan yang terakhir ini ialah mengarahkan pihak Universiti Malaya mengubah daripada sistem penggal kepada sistem semester. Saya ingin bertanya adakah arahan itu berdasarkan kepada perkiraan akademik ataupun hanya semata-mata untuk menseragamkan antara Universiti Malaya dengan Universiti-universiti yang lain. Jika sekiranya tujuan itu adalah untuk menseragamkan semester dengan universiti-universiti yang lain adakah perlu pihak Kementerian memikirkan bahawa kita juga menseragamkan daripada 3 tahun kepada 4 tahun. Seterusnya saya bertanya adakah pihak Kementerian berfikir perlu dalam soal akademik ini, pihak Kementerian mendapatkan pandangan terlebih dahulu daripada pihak akademik daripada universiti terutama sekali daripada bahagian Senate tentang baik, buruknya sistem semester berbanding dengan sistem penggal.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan yang sebenarnya yang ditanya

oleh Ahli Yang Berhormat. Yang pertama berhubung dengan perkara "miss-matching" ini. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Behrormat, segala kursus yang diadakan di universiti-univeristi kita itu dikaji terlebih dahulu sebelum ianya diadakan, dari segi keperluan tenaga manusia di negara kita ini. Jika difikirkan umpamanya kita memerlukan ramai tenaga jurutera (engineer), maka kita pastikan supaya kursus-kursus yang diberi di universiti itu mencukupi. Kalau satu fakulti di Universiti Malaya sahaja tidak mencukupi, maka ada lagi Universiti Teknologi yang memberi kursus yang sama dan setelah dikaji dan diperhati semua kita fikir itupun tidak cukup, maka dibenarkan pula Universiti Sains Malaysia dan dibenarkan pula Universiti Kebangsaan dan Universiti Pertanian untuk menubuhkan Fakulti Engineering masing-masing ataupun untuk mengadakan kursus engineering masing-masing.

Dalam lain-lain perkataan apa yang sebenarnya berlaku iaitu setiap perancangan untuk universiti itu dari segi hendak mengadakan kursus-kursus yang tertentu, ini memang dihubungkan dengan keperluan tenaga manusia di negara kita ini. Itu dari segi perancangan dan apa yang berlaku dalam pembangunan ataupun apa yang berlaku dalam pembangunan sektor-sektor yang tertentu sama ada perindustrian atau dalam bidang swasta atau Kerajaan dalam jangka mana yang tertentu ini pula bergantung kepada faktor-faktor yang begitu banyak. Boleh jadi dalam rancangan kita awal-awal iaitu tidak sama dengan apa sebenarnya yang berlaku setelah masa beredar dan situasi berubah dan permintaan berubah. Misalnya kita tahu, kalau kita hendak mengadakan tenaga jurutera yang cukup, dia akan mengambil masa yang panjang kerana kursus jurutera di universiti itu pun mengambil masa yang panjang. Tetapi kalau kita hendak mengadakan kilang

misalnya ataupun kita hendak mengadakan perusahaan-perusahaan yang tertentu yang memerlukan kepada tenaga jurutera ini cepat dan boleh diadakan dengan cepat.

Jadi apabila ini berlaku kadang-kadang tenaga pekerja yang diperlukan itu belum keluar lagi, tetapi kilang sudah ada, kadang-kadang sudah keluar dahulu tetapi kilang belum siap. Itu dalam bidang Jurutera. Dalam bidang Sains dan bidang-bidang yang lain pun biasa jadi begitu. Tetapi apa yang Kerajaan buat masa dahulu ialah tiap-tiap government scholar yang telah lulus di universiti dengan ijazah-ijazah yang tertentu sebolehnya kita mengambil dia untuk memberi sebarang pekerjaan yang masih ada, yang difikirkan sesuai untuk dia walaupun daripada segi "matching" itu tidak begitu tepat tetapi oleh sebab kita ada pekerjaan-pekerjaan yang tertentu yang difikirkan berkelayakan dia bolehlah disesuaikan maka kita ambil, ini akan berlaku mismatching. Tetapi kemudian nanti apabila berlaku perkembangan dalam sektor-sektor tertentu dan bila berlakunya pengujudan jawatan-jawatan baru, peluang-peluang pekerjaan baru maka mismatching ini pula dia melalui satu proses re-adjustment ertinya kalaulah dahulu orang-orang yang ada kelulusan dalam bidang engineering tetapi specialisationnya ini di bidang computer misalnya, kalau sudah ada peluang dia meninggalkan jawatan dia yang lama yang tidak ada hubung kait dengan specialisation dan meminta jawatan baru dan inilah adjustment yang sentiasa berlaku. Mula-mula boleh jadi mismatching dan pada peringkat yang kedua ada readjustment.

Tetapi pada keseluruhannya yang saya lihatlah dengan pengalaman saya sama ada di Jabatan Perdana Menteri dahulu dan sekarang di Kementerian Pelajaran, secara umumnya kita dapat

memberi pekerjaan mengikut kelulusan ataupun siswazah-siswazah yang ada kelulusan yang tertentu itu mendapat pekerjaan yang sesuai dengan ijazah yang mereka dapati sebab mereka adalah sponsored students, sponsored untuk mengikuti pelajaran yang tertentu bagi memenuhi kehendak-kehendak Jabatan tertentu. Itu dari segi mismatching.

Yang lagi satu berhubung dengan fasal semester seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, jadi arahan Kementerian supaya diadakan sistem semester bagi semua universiti-universiti, ini bukan satu arahan yang dibuat dengan tiba-tiba sahaja. Sebenarnya arahan itu adalah hasil daripada satu kajian Jawatankuasa antara Universiti yang telah ditubuhkan dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Vice-Chancellors yang saya menjadi Pengerusinya dan Jawatankuasa itulah yang diwakili oleh semua universiti tempatan yang telah membuat recommendations bagaimanakah sistem semester itu dapat dilaksanakan secara seragam bagi universiti-universiti yang ada. Tujuan kita hendak mengadakan sistem semester yang seragam itu ialah untuk memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pelajar-peleajar yang kita mengambil kursus di berbagai-bagai universiti. Biar saya terangkan sistem. Semester ini diasaskan kepada GPA (Grade Point Average) mengikut Credit hours. Jadi kalau semua universiti mengikut sistem seperti itu yakni academic system semester ini, seorang pelajar yang belajar di Universiti Malaya dalam bidang Ekonomi boleh merancangkan kursus dia itu dengan satu cara yang membolehkan dia mulanya kalau dia pergi ke Universiti Kebangsaan untuk sekian banyak Credit mengambil kursus dalam bidang Fakulti Islam misalnya kerana ianya memikirkan seorang ahli Economist nanti ataupun sebagai siswazah jurusan Ekonomi dia perlu juga faham aspek-aspek yang ada

berkaitan dengan agama Islam dan jika difikirkan itu boleh didapati di Universiti Kebangsaan maka dia boleh berpindah di situ dengan tujuan untuk mengambil kursus sekian banyak, sekian credit dan kemudian balik ke Universiti Malaya untuk menyempurnakan kursusnya dan kemudian mendapat ijazah dalam bidang ekonomi. Dan begitulah halnya dengan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan. Jadi kita membuka bidang yang lebih luas kepada pelajar-pelajar yang ada di universiti-universiti itu untuk memilih kursus-kursus yang dianggap paling sesuai untuk keperluan mereka.

Yang keduanya juga kalaulah pelajar-pelajar yang biasanya dahulu mengambil kursus di satu universiti tetapi kemudian ingin berpindah ke universiti yang lain maka credit yang dia sudah dapat itu masih boleh di bawah ke universiti baru yang dia masuki itu. Jadi, sistem yang ada sekarang ini tidak membenarkan dan ia menjadi begitu compartmentalised, ada sekatan-sekatan ertinya apa yang telah dibelajar di sana dikumpul di bawa ke universiti ini kerana disekat. Saya kira cara ini akan memberi pelajar-pelajar kita satu peluang yang memang luas daripada segi penjenisan (categorisation) memang luas dan satu peluang yang lebih baik. Dan juga hasil daripada ini ialah dia akan dapat memberi faedahnya yang paling maksima kepada pelajar-pelajar kita untuk mendapat pelajaran peringkat universiti di tanahair kita sendiri. Dan juga secara sistem semester ini akan lahirlah satu gabungan tenaga seluruh universiti untuk memberi peluang pelajaran yang lebih baik kepada pelajar-pelajar kita itu.

Yang lagi satu, saya terlupa kerana bercakap sebab terlalu panjang. Apa soalan Yang Berhormat yang satu lagi tadi? Mungkin Yang Berhormat sendiri lupa. (*Ketawa*).

ORANG ASLI— JUMLAH PERKAMPUNGAN

4. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah perkampungan Orang-orang Asli yang ada dalam Semenanjung Malaysia sekarang mengikut bilangan tiap-tiap negeri dan dari jumlah semuanya itu adakah semua rumah tempat tinggal mereka dibina oleh Kerajaan; jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memerlukan jawapan yang panjang dan mengandungi angka-angka yang agak banyak. Oleh itu saya pohon membuat jawapannya secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih.

WANITA DALAM JAWATAN TERTINGGI— KENAIKAN PANGKAT

5. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa lebih ramai wanita dalam jawatan-jawatan tinggi di semua bidang perkhidmatan awam dapat diberi kenaikan pangkat yang berpatutan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Dato' Syed Mohammed): Tuan Yang di-Pertua, di dalam dasar kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan tertinggi bagi pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam Kerajaan tidak mengabaikan faktor jantina seseorang pegawai itu. Kesemua pegawai yang layak adalah

dipertimbangkan berdasarkan kepada kebolehan yang diukur berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- (1) kecekapan yang ditunjukkan ketika menjalankan tugas-tugasnya;
- (2) sifat-sifat peribadi;
- (3) kelulusan; dan
- (4) kesesuaian dengan jawatan yang hendak diisi.

Disebabkan dasar yang sedang diamalkan sekarang adalah wajar dan adil kepada semua pegawai awam maka Kerajaan tidaklah mempunyai rancangan untuk mengambil langkah-langkah tertentu secara berasingan bagi menentukan lebih ramai kaum wanita dinaikkan pangkat ke jawatan-jawatan tertinggi.

TINDAKAN TERHADAP PEMANDU LORI

6. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pemandu-pemandu lori memberhentikan lori mereka di sepanjang bahu jalan raya ketika pemeriksaan dijalankan oleh pihak J.P.J./Polis sedangkan J.P.J./Polis tidak dapat mengambil tindakan dan sama ada beliau bercadang untuk mewujudkan satu akta/pindaan akta supaya tindakan boleh diambil terhadap lori/pemandu yang cuba mengelakkan diri dari tindakan diambil walaupun mereka berhenti di bahu jalan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedar bahawa pada masa ini terdapat pemandu lori memberhentikan lori mereka di sepanjang bahu jalan raya ketika pemeriksaan dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis.

Tindakan tidak dapat diambil oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis terhadap pemandu lori yang berbuat demikian oleh kerana pada masa ini tidak ada peruntukan undang-undang untuk membolehkan mereka mengambil tindakan.

Kementerian Pengangkutan memang bercadang untuk membuat pindaan-pindaan kepada Ordinan Lalulintas Jalan 1958 bagi membolehkan dan memberi kuasa kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis untuk mengambil tindakan walaupun lori-lori berkenaan diberhentikan oleh pemandu-pemandunya di sepanjang bahu jalan raya.

PERKHIDMATAN TELEFON DI LUAR BANDAR

7. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menyediakan sistem teleton melalui radio yang murah untuk keperluan rakyat di luar bandar.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, sebagai suatu perkhidmatan yang menggunakan teknologi baru, harga alat radatelefon yang boleh disambungkan kepada perkhidmatan network Automatic Telephone Using Radio pada masa ini adalah agak tinggi. Meskipun begitu, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan telefon jenis ini sebagai alternatif kepada telefon awam biasa. Walau bagaimanapun, pemasangan teleton awam menggunakan network ini yang boleh dipasang dari masa ke semasa di kampung-kampung terpencil di pedalaman yang tidak boleh dipasang dengan telefon awam biasa adalah juga bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan.

SYARIKAT INSURAN LUAR NEGERI

8. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa syarikat-syarikat insuran luar negeri enggan menerima pengisuran semula (reinsurance) daripada syarikat-syarikat insuran tempatan; dan juga kesan terhadap syarikat insuran tempatan dan negara dari segi ekonomi.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dikatakan bahawa syarikat-syarikat insuran luar negeri enggan menerima pengisuran semula dengan izin, reinsurance daripada syarikat-syarikat tempatan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah syarikat-syarikat insuran luar negeri ini telah mengenakan syarat-syarat dan terma insuran semula yang lebih ketat dan mengurangkan capacity bagi risiko-risiko yang mempunyai penanggungan yang buruk. Ini merupakan trend yang terdapat sekarang di pasaran insuran semula antarabangsa kerana syarikat-syarikat insuran semula ini mengalami kerugian yang bertambah banyak disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia. Pada umumnya beberapa industri insuran di negara-negara yang sedang membangun menghadapi masalah mendapatkan perlindungan insuran semula ini.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Syarikat-syarikat Insuran Semula Antarabangsa mengetatkan syarat-syarat, terma-terma dan mengurangkan capacity bagi risiko yang buruk ini telah memaksa syarikat-syarikat insuran tempatan memperolehi insuran semula pada kadar kos yang lebih tinggi. Sementara itu Kerajaan sedang memperhatikan perkembangan ini dan mengambil tindakan-tindakan di mana mungkin. Kerajaan juga telah menggesa industri insuran mengambil tindakan disiplin terhadap ahli-ahli mereka yang tidak

mengikuti norma-norma yang dibenarkan terutamanya di dalam bidang insuran kebakaran, ke arah ini syarikat-syarikat insuran tempatan telah pun mengadakan perjanjian ataupun pakatan di kalangan mereka untuk mengurangkan persaingan dan kos perolehan bagi insuran kebakaran.

PITA VIDEO YANG DISEWA

9. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar pita video yang boleh disewa di kedai-kedai boleh mengancam ketenteraman negara, dan jika sedar nyatakan langkah-langkah Kerajaan terhadap mengawal keadaan ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa masih banyak pusat perniagaan pita video yang memperniagakan pita-pita video tanpa sijil tapisan. Ada di antara mereka itu yang mengedarkan pita video yang tidak bermoral atau yang bercorak keganasan.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas dan mendakwa di mahkamah mereka yang tidak bertanggungjawab ini di bawah Akta Filem Wayang Gambar Tapisan (Pindaan) 1981.

Untuk meningkatkan lagi keberkesanan usaha Kerajaan dalam membasmi pengedar-pengedar pita video yang tidak ditapis atau tidak mempunyai sijil tapisan, Kerajaan berkehendakkan maklumat dari orang ramai mengenai mereka yang terlibat dalam kegiatan yang tidak diingini ini. Maklumat ini akan membolehkan Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang terlibat. Di samping itu orang ramai juga dapat membantu Kerajaan

sekiranya mereka tidak menyewa, tidak membeli atau menonton mana-mana pita video atau filem yang disyaki mengandungi bahan lucu, tidak ditapis atau tidak mempunyai sijil tapisan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua filem wayang gambar dan pita video yang dibawa masuk ke negara ini hendaklah ditapis dan mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Lembaga Penapis filem.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semenjak Kerajaan telah mengenakan penapisan filem-filem lucu atau video lucu yang masuk ke negara kita ini, adakah Kementerian ini dapat mengesan daripada manakah video-video lucu ini diterbitkan, sama ada daripada dalam negeri ini atau datang daripada Hong Kong dan ada berita setengah-setengahnya mengatakan filem lucu ini digambarkan di Seremban, adakah betul perkara ini? Jadi kalau ada filem-filem ini, adakah Yang Berhormat sendiri telah menyaksikan filem-filem ini (*Ketawa*).

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat ingin untuk bersama-sama menonton filem lucu yang ditangkap.

Untuk makluman Yang Berhormat semenjak dilancarkan operasi untuk merampas mereka yang memiliki filem-filem lucu; sebanyak 652 filem lucu atau video lucu telah pun dirampas tetapi untuk makluman Yang Berhormat juga, saya tidaklah turut menyaksinya, itu terpulangnya kepada pihak Polis.

Dari maklumat yang diterima video lucu yang dirampas kebanyakannya datang daripada luar negeri, walaupun ada khabar-khabar berita sepertimana yang saya juga dengar seperti Yang Berhormat kata kononnya ada video

yang dibuat di dalam negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan bertindak tegas kepada mereka yang memiliki Video lucu ini yang dibuat dalam negeri ataupun di luar negeri dan kalau mereka ini dibuat dalam negeri mungkin kita akan bertindak dengan secepatnya untuk mengesan dan menangkap mereka.

**PENGEDAR/PENAGIH DADAH
—HUKUMAN BERAT**

10. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengedar-pengedar dadah akan tidak berhasil sekiranya tidak ada penagih-penagih dadah; dan dengan demikian sama ada beliau akan mengenakan denda yang lebih berat kepada penagih-penagih dadah, sama ada terlibat secara besar atau sedikit sekalipun untuk mengelakkan masyarakat kita daripada musuh yang besaritu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa jika tidak terdapat bekalan dadah dalam negara kita tidak akan terdapat penagih dadah. Namun demikian dengan wujudnya bilangan penagih yang ramai di kalangan masyarakat akan meningkatkan lagi permintaan ataupun dengan izin, demand dadah ini.

Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang membolehkan Kerajaan mengenakan tempoh rawatan dan pemulihan terhadap penagih-penagih dadah baik dalam institusi mahupun secara pengawasan di dalam masyarakat.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada laporan mengatakan bahawa ramai rakyat Malaysia setelah kehilangan dadah iaitu dadah kurang diperolehi di negara ini, mereka ini

pergi ke Thailand dan di sana pula mereka ini setengah-setengahnya mendapat rawatan di pemulihan dadah di Thailand. Adakah kerana mereka ini mencari dadah ataupun sebenarnya untuk mendapatkan rawatan di Thailand? Jika angka-angka ini benar diperolehi oleh Kerajaan kita berapa ramai orang-orang atau rakyat Malaysia ini ke Thailand dengan sebab mencari rawatan atau sengaja hendak mendapatkan dadah di sana. Terima kasih.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ramai orang yang pergi ke Thailand, adakah untuk mencari dadah atau untuk mencari apa-apa bahan itu bukanlah tanggungjawab Kerajaan, dan kita tidak ada menyimpan bilangan orang yang pergi ke Thailand, malahan mereka yang keluar pergi ke negeri-negeri lain. Pihak Kementerian Dalam Negeri hanya bertanggungjawab tentang penyalahgunaan dadah di dalam negeri.

MUTU PELAJARAN

11. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana beliau boleh menentukan bahawa mutu pelajaran (standard of education) di dalam negara berada di peringkat yang tinggi dan apakah cara Kementerian dapat menjamin bahawa mutu pelajaran kita sentiasa di peringkat yang tinggi dan baik.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan taraf mutu pelajaran berada sentiasa di peringkat yang tinggi dan baik, Kementerian Pelajaran menjalankan kajian semula dan membuat penilaian mengenai pelaksanaan dan prestasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kita dari semasa ke semasa.

Kemudahan pelajaran sebaik yang mungkin juga disediakan. Kurikulum yang sedia ada dikaji dan diubahsuai dengan kehendak-kehendak semasa.

Kementerian Pelajaran menyediakan guru-guru yang terlatih dan berkelayakan. Di samping itu, kursus di dalam perkhidmatan juga diadakan di dalam dan di luar negeri bagi meningkatkan mutu perkhidmatan guru-guru tersebut dan mutu profesionalisme mereka.

Kementerian Pelajaran menyediakan guru-guru yang terlatih penglibatan ibu bapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk memajukan pelajaran di sekolah-sekolah melalui Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu seperti PIBG, Jawatankuasa Sekolah sebagai institusi masyarakat. Ini adalah berupa cara-cara penglibatan ibu bapa dan pemimpin masyarakat itu dibawa untuk membantu ke arah memajukan lagi sekolah-sekolah kita. Maklum balas daripada ibu bapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat ini sentiasa diberi perhatian untuk memajukan lagi pelajaran di negara kita ini.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah keutamaan dan penekanan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran kepada sekolah-sekolah di luar bandar seperti yang telah dinyatakan oleh Yang berhormat Menteri.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya biasa mengatakan bahawa untuk sekolah-sekolah luar bandar kita akan memberi perhatian untuk:

- (1) memastikan kemudahan-kemudahan yang cukup diberikan. Itu daripada segi alat-perkakas pelajaran; dan
- (2) kemudahan khidmat guru. Ertinya kita mahu supaya guru-guru yang dihantar untuk

berkhidmat di sekolah-sekolah di luar bandar juga adalah guru-guru yang berkelayakan dan biarlah bilangannya pun mencukupi.

Ini adalah dua aspek yang kita buat.

Memanglah kalau kita hendak adakan penceriaan apakah yang dimaksudkan dengan kemudahan-kemudahan itu, jadi kemudahan itu bukan hanya kemudahan dalam bilik darjah, kalau KBSR misalnya kita hendak pastikan ada alat-alat yang digunakan, tetapi kemudahan itu juga termasuk mengadakan bilik-bilik darjah tambahan. Bagi kawasan-kawasan yang memang jauh, kawasan-kawasan benar-benar dalam pedalaman, maka kita juga memberi peluang kepada murid-murid di situ untuk belajar di kawasan bandar yang berdekatan dalam asrama-asrama yang kita dirikan.

Ertinya, untuk kawasan-kawasan luar bandar juga Kementerian Pelajaran akan mendirikan asrama supaya pelajar-pelajar dari kampung-kampung yang terpencil akan dapat duduk dalam asrama itu dan dengan itu akan dapat memberi perhatian yang penuh kepada pelajaran mereka. Kalau tidak, perjalanan antara rumah dan sekolah itu akan mengambil masa dan akan menggunakan banyak tenaga dan paling merugikan pelajar-pelajar kita di luar bandar.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, adakah penyusunan kurikulum telah dimasukkan di dalam matapelajaran untuk dijadikan sejarah perjuangan bangsa?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang memperkenalkan satu matapelajaran yang dipanggil Pelajaran Didikan Kewarganegaraan dan Pelajaran.

Didikan Kewarganegaraan ini mempunyai 3 aspek:

- (1) Sejarah;
- (2) Kebudayaan; dan
- (3) Pembangunan ataupun yang dahulu dipanggil "Sivik".

Jadi, inilah menjadi 3 komponen, 3 aspek dalam matapelajaran Pendidikan Kewarganegaraan yang akan menjadi pelajaran yang wajib diikuti oleh pelajar-pelajar dalam semua peringkat persekolahan.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa kemudahan-kemudahan yang disebutkan tadi boleh dikatakan kebanyakannya di sekolah-sekolah luar bandar yang tidak mencukupi langsung. Apa yang saya hendak tanya, oleh kerana kita ada 2 Timbalan Menteri Pelajaran supaya dapat melawat menengok dengan sendirinya kesulitan-kesulitan sekolah-sekolah yang tersebut dan tidak pula kita mengharap kepada pegawai-pegawai kita sahaja kerana ini adalah sungutan berbagai-bagai timbul. Apakala kita datang ke sekolah yang tersebut, ini tak ada, itu tak cukup, bilik darjahnya kurang, guru yang terpelajar tak dihantar, berbagai-bagai lagi.

Saya berpendapat kita tak dapat menyelesaikan masalah yang sedemikian dalam Dewan yang mulia ini, kita dapat menyelesaikan masalah itu apakala kita melawat, kita tentukan apa yang kita kata kita kotakan. Umpamanya, baiklah tahun depan insya Allah bilik ini akan ditambah, kita tetap tambah; jangan tahun depan kita tambah, 2 tahun lagi tak bertambah. Ini adalah memarahkan terutama rakyat yang di luar bandar. Nampak sangat apakala dikatakan sekolah luar bandar, kalau saya hendak katakan di sini panjang, nanti Tuan

Yang di-Pertua tegah saya, ini bukan berucap, tetapi saya terangkan. Umpamanya padang-padang permainan di sekolah-sekolah di luar bandar, apakala air pasang naik 3 kaki, maka berlumpurlah budak-budak bermain di padang yang tersebut. Apakala kita tengok, kenapa engkau tak pandai main? Macam mana hendak main dalam air. Begitulah keadaan sekolah-sekolah di luar bandar.

Kita berharap kepada Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri yang berkenaan supaya dapat melawat, jangan bercakap menjawab soalan di Dewan ini, apakala kita soal, ini jawabannya. Ini menyedihkan hati sedangkan Yang Berhormat tak tahu tempat yang berkenaan, apatah lagi kalau yang menjawab itu bukan Kementeriannya, lagi dia tidak tahu.

Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa apa yang saya katakan ini benar, kalau benar terima kasih (*Ketawa*).

Datuk AbduHah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebab sedar itulah maka kita adakan dasar sekarang ini supaya dalam perancangan pembangunan itu diberi tekanan lebih kepada keperluan-keperluan sekolah luar bandar, jadi mengenali dan memahami keadaan Yang Berhormat sebutkan tadi itulah.

JAMBATAN KEDUA MENYEBERANGI SUNGAI SARAWAK—PEMBINAAN

12. **Tuan Kenneth Kanyan** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk membina jambatan yang kedua menyeberangi Sungai Sarawak.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang ada rancangan untuk hendak membina sebuah jambatan yang baru

menyeberangi Sungai Sarawak. Jambatan yang kedua ini dicadangkan dibina di sebelah Sungai Sekama, iaitu lebih kurang 7 kilometer di hilir Sungai Sarawak. Jambatan ini kalau dibina panjangnya lebih kurang 609.9 meter dan dianggarkan memakan belanja sebanyak \$40 juta.

Projek ini adalah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Jika projek ini diluluskan, kerja-kerja ukur dan penyiasatan akan dijalankan dalam tahun 1986 dan kerja-kerja pembinaan akan bermula dalam tahun 1987 dan dijangka siap kalau kita bina dalam tahun 1987, iaitu siap dalam tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-13.

PROJEK PEMBANGUNAN NEGARA

13. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana projek-projek pembangunan negara, khasnya matlamat pembasmian kemiskinan serta pembangunan industri-industri oleh pihak swasta akan terpengaruh berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk mengurangkan pinjaman wang asing.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan untuk mengurangkan pinjaman luar negeri adaiiah salah satu daripada beberapa langkah untuk memperbaiki lagi imbalan pembayaran dan mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan. Dengan mengurangkan pinjaman tersebut, Kerajaan dapat mengawal jumlah bayaran faedah dan bayaran pokok hutang luar negeri untuk menjamin kestabilan ekonomi

dan kekukuhan kedudukan kewangan Kerajaan pada tahun-tahun yang akan datang.

Berikutan dari keputusan Kerajaan mengurangkan pinjaman luar negeri, Kerajaan Persekutuan telah mengurangkan perbelanjaan pembangunan. Ini telah dilaksanakan dengan mengurangkan peruntukan bagi projek pembangunan berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan. Pertimbangan telah diambil untuk memastikan bahawa tindakan ini tidak menjejaskan keupayaan kita mempertahankan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek pembangunan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan telah dan akan terus diberi keutamaan dalam peruntukan perbelanjaan pembangunan. Misalnya, perbelanjaan pembangunan bagi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar telah ditingkatkan dari tahun ke tahun.

PARTI KOMUNIS MALAYA—MEMBANTERAS

14. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Parti Komunis Malaysia telah dapat dihapuskan atau masih wujud di negara ini dan jika masih wujud apa langkah Kerajaan bagi membanteras pengacau negara ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat sebilangan kecil anggota PGK yang sedang bergerak di Semenanjung Malaysia pada masa ini. Jumlah mereka adalah dianggarkan lebih kurang 200 orang yang bergerak di dalam kumpulan-kumpulan kecil di pinggir-pinggir hutan di antara Utara Perak, Pahang Barat dan Ulu Kelantan. Pada masa kini pihak berkuasa Thailand meluaskan operasi terhadap anasir-anasir PGK di Selatan Thailand. Begitu juga pihak berkuasa

Malaysia yang dibantu oleh Pasukan Keselamatan dan juga berbagai-bagai agensi Kerajaan yang lain juga menjalankan operasi terhadap saki-baki PGK di Semenanjung.

Kesemua operasi ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengusir pengganas-pengganas komunis tersebut dari tempat persembunyian mereka, memisahkan mereka dari rakyat, memusnahkan bekalan logistik-logistik mereka, seterusnya mengganggu dan menghapuskan gerakan-gerakan mereka.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, adakah komunis ini mendapat bantuan daripada orang ramai lagi?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan oleh Kerajaan bahawa saki-baki pihak-pihak komunis yang terdapat di negara ini tidak mendapat bantuan baik dari segi material ataupun moral dari orang ramai.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa terdapat komunis menyamar sebagai orang ramai duduk di bandar tetapi bila sampai ketikanya mereka ini masuk ke dalam hutan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat ada makluman yang tepat siapa yang menyamar sebagai komunis yang berada di bandar, saya berharaplah Yang Berhormat akan menyampaikan maklumat kepada saya dengan secepat mungkin agar kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di antara 200 orang saki-baki komunis

yang masih tinggal di dalam hutan ini, adakah mereka ini berpasangan yang berkahwin dalam hutan itu, (*Ketawa*) dan juga berapa banyak mereka itu yang berumur di antara 60 tahunkah, berapa umur tuakah ataupun yang muda dalam pergerakan komunis ini. Dan lagi mereka yang berkahwin di dalam hutan ini adakah anak-anak mereka ini disogokkan, dihantar, dijual kepada orang luar sebagai bekalan kepada komunis?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak Komunis Malaya ataupun komunis di mana-mana negara sekalipun adalah manusia biasa dan mungkin mereka ingin juga berkahwin, tetapi adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk memisahkan mereka supaya mereka tidak dapat berkahwin. Jika mereka tidak dapat berkahwin mungkin akan timbul kesedaran untuk menyerah diri dan berkahwin, duduk sebagai orang biasa di bandar-bandar dan di perkampungan di negara kita. Jadi, itulah jawapannya kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 64 adalah diberi di bawah ini].

PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH—PERLAKSANAAN

15. **Tuan Nasir bin Haji Manap** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah rumah kos rendah di peringkat negeri-negeri yang sepatutnya disediakan pada akhir tahun 1984 tetapi tidak dapat dilaksanakan.

- (b) sebab-sebab mengapa projek-projek tersebut tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual; dan
- (c) usaha dan tindakan Kerajaan supaya projek-projek yang berkenaan tidak menempuh kegagalan di masa akan datang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (**Dato' Dr Neo Yee Pan**):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program perumahan awam kos rendah adalah didasarkan kepada perancangan lima tahun dan bukannya dari tahun ke setahun. Dengan yang demikian, saya akan menjawab soalan Ahli Yang Berhormat berdasarkan kepada perancangan lima tahun Rancangan Malaysia Keempat, di bawah Rancangan Malaysia Keempat (sehingga 25hb Januari, 1985) daripada jumlah sasaran sebanyak 176,500 unit, sebanyak 68,257 unit rumah awam kos telah diluluskan pinjaman untuk-dilaksanakan di seluruh negara. Daripada jumlah ini sebanyak 42,767 unit ataupun 62.7% telah disiapkan, manakala bakinya sebanyak 26,375 adalah diberbagai peringkat pelaksanaan. Cuma sebanyak 4,963 unit (18.8%) sahaja yang tergendala dari segi perlaksanaanya.
- (b) Daripada bilangan unit yang telah diluluskan itu, jumlah yang telah tergendala atau tidak dilaksanakan mengikut jadual adalah kecil bilangannya dan masalah ini boleh dan sedang diatasi. Faktor utama yang telah menyebabkan berlakunya keadaan ini ialah masalah-masalah teknikal berhubung dengan tapak pembinaan. Beberapa projek juga telah

terlewat perlaksanaannya akibat daripada kegagalan kontraktor untuk menyiapkan pembinaan mengikut jadual.

- (c) Kernenterian saya memang sedar tentang wujudnya masalah-masalah yang disebutkan tadi dan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasinya. Antara langkah-langkah ini ialah:
- (i) menggalakkan penggunaan sistem pasang siap dalam pembangunan perumahan awam kos rendah bagi mempercepatkan lagi pembinaan rumah, dan
 - (ii) mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan ke arah mengurangkan kos binaan termasuk pengenalan modular-coordination ke dalam industri perumahan.
 - (iii) meneruskan usaha ke atas pengswastaan projek-projek perumahan awam untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam penyediaan perumahan awam kos rendah di samping mempertingkatkan pelaksanaan program perumahan awam.

RUMAH AWAM KOS RENDAH—MATLAMAT

16. **Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang baru yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan bahawa rumah-rumah awam kos rendah yang

mencukupi akan dibina untuk rakyat di seluruh negara.

Dato' Dr Neo Yee Pan:

- (1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk memastikan supaya semua golongan rakyat negara kita terutamanya, golongan yang berpendapatan rendah dapat menikmati kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa, lengkap dengan kemudahan asas sosio-ekonomi.
- (2) Selaras dengan matlamat yang telah digariskan itu, Kerajaan senantiasa mengkaji dari masa ke semasa tentang keperluan perumahan golongan rakyat yang berpendapatan rendah khususnya, berdasarkan kepada kadar pertambahan penduduk dan tingkat keupayaan pendapatan mereka.
- (3) Bagi menentukan supaya rumah-rumah awam kos rendah yang mencukupi dapat dibina atau dibekalkan kepada rakyat, Kerajaan telah pun merangka beberapa langkah-langkah baru seperti berikut:
 - (i) Selain daripada meneruskan program-program perumahan yang sedia ada, Kerajaan akan melaksanakan program-program baru. Antara lainnya ialah sekim pertapakan dan kemudahan yang akan mengandungi rumah inti (core house) dan mungkin juga rumah separuh papan. Program ini akan dituju khas kepada rakyat yang berpendapatan kurang daripada \$400 sebulan di kawasan

- desa dan pinggir bandar (urban fringes) di mana harga tanah adalah masih rendah.
- (ii) Merancang pelaksanaan kepadatan tanah perumahan yang tinggi serta mengubah-suaikan keperluan plawaian perancangan yang terdapat pada masa sekarang tanpa menjejaskan kesihatan dan keselamatan rakyat.
 - (iii) Mempergiatkan lagi kegunaan pelan seragam bangunan bagi tujuan mempercepat dan mempermudah lagi kelulusan pelan-pelan tersebut di peringkat Penguasa Tempatan.
 - (iv) Menggalakkan pemakalan sistem-sistem pembinaan yang moden dan bercorak perindustrian untuk mempertingkatkan pembangunan industri perumahan dengan lebih sistematik dan cekap.
 - (v) Menentukan supaya rumah-rumah dibina mengikut jenis dan kemampuan setiap golongan rakyat terutamanya di kawasan-kawasan yang benar-benar menghadapi masalah kekurangan rumah khususnya di bandar-bandar besar seperti Wilayah Persekutuan, Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor Bahru.
 - (vi) Membina banyak lagi rumah terutama perumahan kos rendah bukan sahaja untuk dijual kepada golongan berpendapatan rendah tetapi juga untuk disewakan kepada yang tidak mampu membeli rumah. Pertambahan pembinaan perumahan kos rendah untuk disewa di kawasan bandar akan membantu mengurangkan dan mengawalkan pertumbuhan kawasan setinggan. Rumah-rumah sewa ini adalah bagi menampung keperluan "transitional" sebelum adanya keupayaan untuk memiliki rumah.
 - (vii) Meningkatkan lagi perumahan luar bandar di samping meningkatkan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan, manakala di bandar pula penekanan ialah ke arah memperbanyakkan unit rumah dalam bentuk rumah-rumah pangsa yang tidak melebihi 5 tingkat (walk-up flats).
 - (viii) Meneruskan usaha ke atas pengswastaan projek-projek perumahan awam untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam penyediaan perumahan awam kos rendah di samping mempertingkatkan pelaksanaan program perumahan awam.

MAHKAMAH RAYUAN

17. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan dalam setahun untuk melaksanakan sebuah lagi Mahkamah rayuan di antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung; dan
- (b) sama ada kita sudah mempunyai hakim-hakim yang mencukupi bagi kesemua sistem serampang tiga.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sebuah lagi Mahkamah Rayuan antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung atau struktur tiga tingkatan seperti yang dimaksudkan dengan perkataan "sistem serampang tiga" oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh yang demikian, soal jumlah perbelanjaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan dan soal keperluan hakim-hakim bagi sebuah lagi Mahkamah Rayuan itu tidaklah berbangkit.

RANCANGAN AGAMA ISLAM DI RADIO/TV

18. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh mana nilai-nilai Islam telah diserap dalam pentadbiran Radio dan Televisyen sekarang ini dan juga di dalam rancangan-rancangan siaran Radio dan Televisyen.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Rancangan-rancangan Agama Islam disiarkan dalam semua Bahasa menerusi Radio dan TV Malaysia. Jumlah siaran Agama Islam ialah lebih kurang 27% daripada jumlah keseluruhan rancangan-rancangan

Radio dan TV. Matlamat utama rancangan-rancangan agama ialah penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pemikiran dan cara hidup rakyat. Selain daripada rancangan-rancangan khusus mengenai Agama Islam, RTM juga menyelitkan unsur-unsur penerapan nilai-nilai Islam dalam semua rancangan-rancangan penerbitan tempatan. Sama ada dalam satu kalimah seperti ucapan Assalamualaikum sebelum pembacaan Berita, atau dalam satu tauladan seperti menunjuk anak mencium tangan ibubapa tanda hormat kepada orang tua dalam satu drama, RTM sedikit sebanyak menunjukkan nilai-nilai Islam. Di samping itu RTM juga memberi publisiti serta liputan bagi pelbagai peristiwa yang ada kaitan dengan nilai-nilai Islam seperti penerangan mengenai Bank Islam, liputan upacara-upacara yang berunsur agama seperti Musabqah membaca Al-Quran dan lain-lain. Dan mulai 30 Jun 1984 (bersamaan 1 Syawal 1405) Radio Malaysia menyiarkan rancangan-rancangan dan berita mengenai Agama Islam selama sejam tiap-tiap hari secara langsung dari Mekah.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran radio dan TV Malaysia, pelaksanaannya adalah selaras dengan langkah-langkah Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai yang mulia yang bertujuan untuk menerapkan satu sikap bekerja yang bersungguh-sungguh serta pentadbiran yang cekap (efisen) untuk meninggikan proiuktiviti.

KECEKAPAN DAN DAYA PENGELUARAN AGENSI KERAJAAN

19. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri

menyatakan perkara-perkara berikut berhubung dengan arahan yang dibuat berulang-ulang meminta semua agensi Kerajaan meningkatkan kecekapan meniggikan dengan pengeluaran dan lain-lain untuk mencapai objektif-objektif Kerajaan:

- (a) sama ada arahan yang dibuat berulang-ulang ini ialah oleh kerana pengeluaran dan kecekapan sektor awam masih tidak memuaskan; dan
- (b) langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan kecekapan dan daya pengeluaran di sektor awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob); Adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa arahan-arahan yang dikeluarkan berulang-ulang kali meminta agensi-agensi Kerajaan meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran itu bererti bahawa kecekapan dan daya pengeluaran itu belum memuaskan. Arahan-arahan itu merupakan ingatan supaya usaha terus diperhebatkan untuk meniggikan lagi daya pengeluaran dan kecekapan agensi-agensi Kerajaan. Walaupun sudah dibaiki ia terus mahu diperbaiki supaya monopoli tahap yang betul-betul cemerlang. Sesungguhnya peningkatan daya pengeluaran dan kecekapan adalah proses yang berterusan, di mana ianya tidak mempunyai had maksima ataupun minima kerana tahap pencapaiannya adalah relatif. Oleh hal yang demikian, kita tidak seharusnya merasa puas hati walaupun tahap yang sudah dicapai adalah dianggap tinggi kerana apabila perasaan puas hati wujud secara berpanjangan, maka perasaan lali (Complacent) akan wujud di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan ini akan membahayakan bagi kemajuan dan pembangunan negara.

Berbagai langkah telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan daya pengeluaran di sektor awam. Di antaranya ialah:

- (a) Melancarkan Kempen Kepimpinan Melalui Teladan;
- (b) Mengadakan Kad Perakam Waktu;
- (c) Menubuhkan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja;
- (d) Mengadakan fail meja dan manual kerja bagi semua peringkat kakitangan.

Langkah-langkah itu akan mendorong pegawai-pegawai Kerajaan berkhidmat dengan lebih cekap dan bertindak dengan pantas. Kerajaan juga telah menanamkan kesedaran mengenai betapa pentingnya untuk meniggikan kecekapan dan daya pengeluaran melalui kempen untuk meniggikan daya pengeluaran yang telah dilancarkan pada tahun lalu.

Satu kajian awal sedang dijalankan mengenai cara-cara pengakuan daya pengeluaran di sektor awam. Hasil kajian ini akan dijadikan asas untuk mengukur daya pengeluaran di sektor awam. Kemajuan usaha-usaha meningkatkan kecekapan pentadbiran awam itu sedang dikesan melalui sistem yang menggunakan komputer. Sistem itu mengukur kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan seperti Kepimpinan Melalui Teladan, peti cadangan, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, pengurusan harta benda Kerajaan dan lain-lain.

Di samping itu Kerajaan sentiasa memikirkan cara-cara baru untuk mempertingkatkan lagi daya pengeluaran perkhidmatan awam di samping meneruskan langkah-langkah yang telah diambil itu.

**FILEM LUAR NEGERI
DI TV—TAYANGAN**

20. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan filem yang dibawa masuk ke negara ini yang ditayangkan oleh RTM sedikit sebanyak mengandungi unsur-unsur yang tidak baik dan tidak menggalakkan pembangunan sihat mental rakyat; jika sedar nyatakan tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki lagi rancangan Televisyen Malaysia.

Dato Rais Yatim: Kita tidak harus lupa bahawa filem-filem dari negara lain juga mempunyai unsur-unsur utama drama. Tidak ada "conflict" maka tidak ada drama. Sedangkan cerita "Hang Tuah," "Megat Terawis", "Bawang Putih Bawang Merah" dan lain-lain ada dengki khianat, fitnah, kekejaman dan pembunuhan, kerana ini adalah lumrah drama.

Oleh yang demikian kita tidak harus memetik satu adegan pembunuhan dalam filem dan mengatakan filem itu mempunyai unsur-unsur yang tidak baik. Kita harus kaji kesan cerita itu keseluruhannya. Sepanjang ingatan saya RTM tidak pernah menyiarkan satu cerita pun yang mengagung-agungkan jenayah atau "crime does pay". Akhir kata semua cerita menunjukkan bahawa jenayah akan mendapat balasan "crime does not pay". Menyedari tentang pengaruh buruk yang boleh diakibatkan oleh filem-filem import, terutama dari barat yang mempunyai nilai hidup (sosial values) yang berlainan dari kita, Kementerian saya amatlah berhati-hati dalam tugas pengawasan serta penapisan filem-filem import. Bilangan filem yang telah diharamkan oleh Kementerian saya amatlah banyak. Pengawasan yang ketat ini akan diteruskan demi memelihara

kesusilaan masyarakat Malaysia daripada pencemaran dari luar.

**PERSYARIKATAN MALAYSIA
DAN PENSWASTAAN**

21. **Tuan M. G. Pandithan** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam melaksanakan polisi-polisi Persyarikatan Malaysia dan Pensewastaan.

Perdana Menteri:

- (i) Semenjak ia diumumkan dalam tahun 1983, Dasar Persyarikatan Malaysia telah banyak memberi kesan positif dalam mempertingkatkan hubungan dan kerjasama antara pihak swasta dengan pihak awam. Kita boleh melihat sekarang ini wujudnya dialog-dialog dan perbincangan dua hala serta pertukaran pendapat antara kedua-dua pihak dengan lebih luas lagi sebagaimana yang terbukti daripada banyaknya seminar-seminar dan forum-forum yang diadakan untuk membincang isu-isu yang memberi faedah kepada negara. Perkhidmatan awam umumnya telah bertambah baik dalam hubungannya dengan pihak swasta yang mencerminkan kesan dasar Persyarikatan Malaysia.

Selain daripada itu, berbagai bidang kerjasama antara pihak swasta dengan pihak awam telah dikesan untuk dimajukan selaras dengan dasar ini. Ini termasuk penempatan pegawai-pegawai Kerajaan di firma-firma British untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan mengetahui masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pihak swasta

di samping mengetahui dan mempelajari teknik-teknik pengurusan di sektor swasta.

Penglibatan pihak swasta dalam penggubalan dasar awam juga telah digalakkan. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah mengarahkan penubuhan panel perunding di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta di peringkat negeri yang dianggotai bersama oleh pihak swasta dan awam. Melalui panel tersebut, diharapkan sektor awam akan dapat menjadi lebih sensitif terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak swasta, Panel-panel perundingan ini adalah tambahan kepada sesi dialog Belanjawan di Perbendaharaan, Panel Ekonomi dan Jawatankuasa Perunding di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang telah sedia berjalan pada masa sekarang.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia ini di peringkat sekolah untuk menanam semangat kerjasama daripada peringkat awal lagi.

Namun begitu, perlu ditekankan di sini bahawa pencapaian sebenar dasar Persyarikatan Malaysia memerlukan kepada perubahan sikap di kalangan rakyat dan, oleh itu, adalah satu proses jangka panjang. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk mengharapkan kesan yang serta-merta daripada dasar ini.

- (ii) Kemajuan yang telah dicapai dalam dasar Penswastaan boleh dilihat dari dua segi iaitu penerangan dan pelaksanaan.

Kemajuan yang telah dicapai dari segi penerangan adalah seperti berikut:

- (a) Dua jenis garis panduan iaitu garis panduan mengenai penswastaan untuk kegunaan sektor awam dan garis panduan mengenai penswastaan untuk kegunaan sektor swasta telah disediakan.
- (b) Garis-garis panduan itu telah diedarkan kepada agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, perpustakaan-perpustakaan, bank-bank, dewan-dewan perniagaan dan kepada syarikat-syarikat yang memohonnya.
- (c) Penerangan-penerangan menerusi ceramah, dialog, temubual dan sebagainya telah diberikan kepada agensi-agensi kerajaan, kooperatif dan sektor swasta.

Kemajuan yang telah dicapai dari segi pelaksanaan adalah seperti berikut;

- (a) Sebuah Jawatankuasa Induk Penswastaan dan beberapa Jawatankuasa Teknikal Penswastaan telah ditubuhkan untuk merancang, mengawas, menyelaras dan menilai kemajuan penswastaan telah ditubuhkan.
- (b) Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan telah diminta dan telah mengenal pasti bidang-bidang yang boleh diswastakan.
- (c) Beberapa aktiviti telah diswastakan seperti jalan ke Pelabuhan Kelang (North Klang Straits Bypass), tempat penyembelihan babi di Shah Alam, pembaikan kapal terbang (AIROD).

- (d) Beberapa aktiviti lagi berada di dalam berbagai peringkat penswastaan. Antara aktiviti yang berada di peringkat pertengahan hingga ke akhir adalah terminal kontena Pelabuhan Kelang, Telekom, Sistem Penerbangan Malaysia, beberapa aktiviti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan beberapa aktiviti Kementerian Pertanian.

**PURDAH BAGI PELAJAR
PERUBATAN DI UNIVERSITI
KEBANGSAAN**

22. **Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan penuntut perubatan yang mendapat biasiswa Kerajaan yang sanggup menukar jurusan mereka semata-mata kerana enggan membuka purdah dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka kerana telah melanggar perjanjian yang ditandatangani semasa menerima biasiswa dahulu dan tidakkah ini satu kerugian kepada Negara memandangkan Negara kita amat kekurangan doktor-doktor.

Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Noor: Pelajar-pelajar perubatan yang memakai purdah hanya terdapat di Unwersiti Kebangsaan Malaysia. Pada awal tahun ini, jumlah pelajar perubatan yang bcrpurdah ialah tujuh orang. Tiga orang daripadanya telah membuka purdah dan meneruskan pelajaran mereka di Fakulti Perubatan manakala empat orang lagi telah bertukar ke Fakulti Sains Hayat.

Setakat ini Kerajaan belum menerima sebarang permohonan daripada pelajar-pelajar perubatan untuk bertukar kursus kerana enggan membuka purdah. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menyiasat dan mengambil tindakan selanjutnya mengenai perkara ini.

**KEMPEN ANTI DADAH—
PELANCARAN**

23. **Tuan Hassan bin Nam** mmta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak Kerajaan menjalankan Kempen Anti Dadah kerana dianggapkan salah satu musuh negara kita berapa peratus berkurangan disegi kegiatan pengguna dan pengedar orang terlibat dengan Dadah di negara ini atau sebaliknya bertambah bila dibandingkan sebelum kempen diadakan.
- (b) jumlah peruntukan wang bagi tiap-tiap tahun sejak kempen anti dadah dimulakan; dan
- (c) sama ada kegiatan dadah di negara kita ini merupakan strategi Subversif Komunis (PKM) terhadap negara kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Kempen Anti Dadah Kebangsaan yang dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada Februari, 1983 telah membawa beberapa kejayaan untuk mencegah dan mengawal kegiatan-kegiatan pengedaran dan penggunaan dadah. Kejayaan-kcjayaan tersebut adalah seperti berikut:

(i) *Penumpasan Sindiket Pengedaran Dadah*

Dalam tahun 1983 sebanyak 101 buah sindiket telah ditumpaskan, sementara dalam tahun 1984 sebanyak 124 buah lagi tclah dilumpuh dan dihancurkan.

(ii) *Tangkapan/Tahanan Pengedar Dadah*

Di samping itu beberapa tangkapan ke atas pengedar-pcngedar

dan penjual (pusher) seperti berikut telah juga dibuat sejak kempen tersebut dilancarkan:

A. Di bawah Akta Berbahaya 1952

	1975-1982	1983	1984	1985 (Jan.-Mac)
SeksyenWB ..	917	363	462	161
Seksyen.WA ..	1.071	255	208	53
Lain-lainSeksyen	48.345	10.263	9.938	2.639

B. Di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

	1975-1982	1983	1984	1985 (Jan.-Mac)
Seksyen300	1,819	397	554	119
Seksyen400	1,381	361	438	
Seksyen 183	272	6	16	

(iii) *Rampasan Dadah*

Rampasan dadah juga telah bertambah sejak pelancaran kempen. Dalam tahun 1983 sejumlah 110.73 kg. candu mentah telah dirampas, sementara dalam tahun 1984 rampasan terhadap jenis dadah yang sama telah meningkat lapan kali lebih banyak iaitu 870.93 kg. Di antara tahun 1980 hingga 1982 jumlah rampasan candu mentah ialah 391.9kg. Bagikanja pula rampasan dalam tahun 1983 adalah 386.37 kg. sementara dalam tahun 1984 sejumlah 1766.42 kg. telah dirampas. Jumlah rampasan ganja dalam tahun 1980 ke 1982 ialah 1230.08 kg. Bagi dadah heroin pula sejumlah 200.08 kg. telah dirampas dalam tahun 1983 sementara 242.94 telah dirampas dalam tahun

1984. Di antara tahun 1980 dengan 1982 hanya sejumlah 147.54 kg. heroin telah dirampas. Akibat daripada tindakan agensi-agensi penguatkuasaan ketu- lenan dadah yang dirampas juga telah menurun sebanyak 50%.

(lv) *Penemuan Makmal- makmal Haram*

Dari tahun 1973 hingga tahun 1982 sejumlah 8 buah makmal haram telah dijumpai dan dihapuskan sementara itu, dalam tahun 1983, dan 1984, 9 buah lagi telah diketemui dan dimusnahkan.

(v) *Penagih Dadah Yang Telah Dikesan*

Bilangan penagih dadah yang telah dikesan sejak pelancaran kempen juga telah meningkat berikutan daripada tindakan-tindakan tegas yang dijalankan oleh agensi-agensi penguat- kuasaan. "Sebelum tahun 1983, bilangan yang telah dikesan ialah seramai 77,686 orang, sementara dalam tahun-tahun 1983 dan 1984 sejumlah 26,539 orang lagi telah dikenalpasti menjadikan bilangan terkumpul sehingga penghujung tahun 1984 seramai 104,255 orang.

(vi) *Bilangan Penagih Yang Dimasukkan Ke Pusat- pusat Rawatan Dan Pemulihan Dadah*

Dalam tahun 1975 hingga 1982, sejumlah

7,417 orang penagih telah dimasukkan ke Pusat Rawatan Pemulihan Dadah Kerajaan sementara sehingga akhir tahun 1984 bilangan yang telah menjalani pemulihan telah meningkat ke 10,505 orang. Bilangan yang diletak di bawah pengawasan juga meningkat daripada 9,754 pada akhir tahun 1982, kepada 15,256 orang pada penghujung 1984.

- (b) Jumlah peruntukan kewangan adalah seperti berikut:

<i>Agensi 1983/1984</i>		
1. Cawangan Anti Raja Malaysia Dadah Padi	19,400,000	25,089,878
2. Bahagian Rawatan Dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri	5,613,000	6,235,000

- (c) Setakat ini belum ada lagi terdapat sebarang tanda-tanda yang mengaitkan kegiatan dadah di Malaysia dengan strategi subversif Parti Komunis Malaya atau Parti Komunis Malaysia terhadap negara kita.

PELAJAR DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

24. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil terhadap segolongan para-pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negara ini yang telah menjadikan gelanggang pertentangan antara berbagai golongan di samping menyemaikan fahaman bencikan Kerajaan.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap aktiviti pelajar-pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi dalam negara adalah dikawal dan diawasi oleh pihak berkuasa Hal Ehwal Pelajar di setiap institusi itu. Jika didapati kegiatan mereka melanggar peraturan-peraturan tertentu seperti menjadikan pusat pengajian tinggi gelanggang pertentangan antara berbagai golongan di samping menyemaikan fahaman bencikan Kerajaan, tindakan akan diambil terhadap pelajar-pelajar tersebut berdasarkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Universiti dan Kolej.

PENGELUARAN INDUSTRI PADI

25. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan kejayaan yang dicapai menerusi penyelidikan terhadap teknik pengeluaran industri padi, khususnya dalam pengendalian selepas tuai; dan sama ada Kementerian akan memperbesarkan khidmat MARDI bagi mempertingkatkan hasil pengeluaran padi, sesuai dengan Dasar Pertanian Negara.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kejayaan yang dicapai setakat ini menerusi penyelidikan terhadap sistem pengeluaran padi di negara ini adalah baik, di mana purata hasil pengeluaran padi bagi tiap-tiap sehektar di Malaysia adalah sebanyak 3.26 ton/ha. Walaupun terdapat beberapa masalah yang dihadapi di dalam pengendalian selepas tuai padi, tahap pencapaian teknologi yang dimajukan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Kementerian lain adalah memuaskan dan dapat mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara. Penyelidikan akan

seksyen 360, Akta Syarikat 1965, dokumen-dokumen ini boleh disediakan di dalam Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris mengikut kesesuaian dan keperluan penaja-penaja syarikat tersebut. Jika dokumen-dokumen ini tidak disediakan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, penaja-penaja syarikat dihendaki menterjemahkannya ke dalam satu bahasa tersebut.

Walau bagaimanapun, mengikut pindaan Akta Syarikat yang telah pun dibentang di Dewan Rakyat baru-baru ini, Pendaftar Syarikat adalah diberi kuasa untuk menghendaki mana-mana syarikat memfailkan dokumen-dokumen syarikat termasuk Memorandum dan Artikel dalam Bahasa Malaysia apabila pindaan tersebut dikuatkuasakan.

PANEL PENILAI RANCANGAN TV

28. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Penerangan menyatakan siapa yang menjadi ahli Panel Penapis Rancangan T.V. seperti yang diumumkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini, bidang tugas mereka dan nyatakan sama ada setiap pandangan serta nasihat mereka akan dipakai oleh kementerian dalam menentukan corak penyiaran rancangan T.V. nanti.

Dato' Rais Yatim: Panel Penilai Rancangan-rancangan TV dianggotai oleh pakar-pakar dan cerdikpandai dalam beberapa jurusan termasuk bidang pelajaran dan pendidikan, iklan, agama, politik, kemasyarakatan, kebudayaan dan lain-lain. Ahli-ahli panel terdiri dari berbilang keturunan dan" perkhidmatannya adalah secara sukarela. Bidang tugas panel ini ialah umumnya untuk memberi nasihat kepada RTM tentang pelbagai aspek rancangan dan perancangan TV terutama dalam bidang-bidang

pengkhususan ahli-ahli. Dengan hal yang demikian dasar mengenai rancangan TV akan dilihat dan dianalisa menerusi kacamata yang berlainan. Panel ini berupa satu "forum" untuk tukar-menukar fikiran mengenai rancangan-rancangan TV dan kesan-kesan kebaikan atau keburukan dari rancangan-rancangan tersebut. Panel ini juga berfungsi sebagai pengesan balas kepada rancangan-rancangan yang disiarkan oleh TV Malaysia maupun TV3. Pandangan-pandangan serta nasihat yang dibincang dan dipersetujui oleh panel ini akan dilaksanakan oleh Kementerian saya. Tetapi haruslah ditekankan di sini bahawa panel ini berfungsi sebagai panel penasihat (advisory) dan bukannya panel implementasi (implementation).

RANGKAIAN KEDUA RTM SABAH—GANGGUAN

29. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pancaran RTM saluran 2 disetengah kawasan di Sabah tidak begitu memuaskan kerana terdapat "access interference" sejak Saluran 2 mulai dipancarkan; jika sedar nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.

Dato' Rais Yatim: Semasa siaran Rangkaian Kedua RTM diperluaskan ke Sabah, siarannya diterima dengan baik di seluruh negeri tersebut. Bagaimanapun pada bulan Oktober, 1984, beberapa orang penonton (di kawasan Labuan sahaja) mengadu tentang gangguan pada Rangkaian Kedua.

Kajian luar (field tests) dibuat dengan serta merta dan didapati bahawa gangguan antara rangkaian (co-channel-interference) memang berlaku pada Rangkaian Kedua dari

Pemancar TV di Layang-layang, Kota Kinabalu. RTM tidak sedar akan gangguan ini sebelum ini.

Tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Oleh kerana ini melibatkan penukaran peralatan, prosesnya akan mengambil masa.

MEMBEKALKAN KIT KE SEKOLAH-SEKOLAH

30. Puan Hajjah Hafsah binti Osman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada:

- (a) Kerajaan sudah membuat kajian yang menyeluruh tentang baik buruknya dan kesannya ke atas murid-murid yang dibekalkan dengan alat-alat tunjuk ajar (Kit) yang setengah-setengahnya rumit untuk diajar kerana terlalu banyak tidak digunakan; dan
- (b) Kerajaan sudah memastikan keberkesanan satu-satu sistem yang baru telah diuji sebelum dilaksanakan supaya murid-murid tidak menerima akibatnya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Keputusan membekalkan kit-kit ini ke sekolah-sekolah adalah berdasarkan laporan-laporan serta kajian yang teliti mengenai penggunaannya yang dijalankan di beberapa negeri. Dari pengesanan yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran, didapati kit-kit ini telah menimbulkan kesan yang positif ke atas murid dan guru-guru. Kit-kit ini adalah bahan yang asas bagi membolehkan murid melibatkan diri dengan lebih aktif dalam aktiviti pembelajaran serta membantu guru dalam penyediaan bahan yang mencukupi bagi muridnya.

- (b) Setiap rancangan baru yang dilaksanakan terlebih dahulu dicuba dan diuji keberkesannya, kerana ini merupakan sebahagian daripada proses yang perlu dilalui oleh semua rancangan Kementerian Pelajaran. Penilaian juga dijaikan untuk mengetahui keberkesanan, kelemahan dan kekuatan setiap program. Pembetulan dibuat di bahagian-bahagian yang didapati lemah dan kurang sesuai. Selepas proses-proses ini dilakukan dan pihak yang berkenaan berpuas hati, barulah sistem itu dilaksanakan.

LEBUHRAYA SELAT KELANG UTARA—KEROSAKAN

31. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapa lebuhraya yang dibina oleh kontraktor Shapadu mendapat kerosakan dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan tersebut.

Dato Zainal Abidin bin Zin jalan raya yang dibina oleh Syarikat Shapadu Properties Sdn Bhd, iaitu jalan lintas selat kelang utara, hanya mengalami kerosakan di seksyen 4 sahaja. Kebetulan seksyen ini berada dalam kawasan paya dan dengar itu maka terdapat pemendapan tanah akibat dari penambakan dan pembaikan semula jalan. Keadaan ini telah bertambah buruk apabila kenderaan-kenderaan berat menggunakan jalan raya itu. Kini Syarikat Shapadu sedang mengambil tindakan untuk menambak tanah di bahagian bahu jalan berkenaan supaya menentukan bahagian jalan itu tidak mendap lagi. Syarikat berkenaan akan meratakan bahagian jalan yang rosak itu serta menguatkan landasannya. Kerja-kerja pembaikan ini cuma boleh dijalankan

selepas kerja-kerja mengalih saluran paip dan kabel-kabel Lembaga Letrik Negara dilaksanakan. Sementara itu jurutera-jurutera Syarikat berkenaan akan menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa bagi menentukan supaya mana-mana kerosakan yang berlaku tidak akan membahayakan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya tersebut.

**LEBUHRAYA JERANGAU—
JABOR—KEROSAKAN**

32. Puan Hajjah Hasanah binti Haji Mohd. Kassim minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh mana kemajuan yang telah dibuat di Lebuhraya Jerangau—Jabor yang mengalami kerosakan yang begitu teruk dan nyatakan jenis kerja pembaikan yang telah dilakukan oleh kerajaan.

Dato Zainal Abidin bin Zin adalah dimaklumkan sebanyak \$17.1 juta telah diperuntukan bagi kerja-kerja membaiki jalan raya Jerangau—Jabor. Setakat ini sepanjang 22 km telah diperbaiki dan kerja-kerja pembaikan seterusnya sedang dilaksanakan. Kerja-kerja yang diijazkan ialah:

- (a) memasang paip saluran bawah tanah (sub soil drainage);
- (b) membina semula bahagian jalan yang telah rosak;
- (c) memperkuatkan asas jalah; dan
- (d) membaharui muka jalan di bahagian-bahagian yang tertentu.

**TANAMAN PADI—
KEKURANGAN BEKALAN AIR**

33. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan tanah di Kelantan dan Terengganu yang tidak dapat ditanam padi adalah disebabkan oleh

parit-parit taliair tidak dibuat oleh Jabatan Parit dan Taliair, seperti di Jajahan Pasir Mas, Tumpat dan Pasir Puteh; jika sedar sama ada Jabatan Pertanian akan mengambil langkah yang wajar agar petani-petani di kawasan yang tiada kemudahan taliair dapat menanam padi.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kerajaan memang sedar bahawa antara sebab-sebab utama mengapa sawah padi tidak diusahakan ialah kerana bekalan air yang tidak mencukupi dan sistem peparitan serta saluran yang tidak sempurna. Untuk mengatasi masalah ini Jabatan Parit dan Taliair akan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan bagi kawasan-kawasan yang boleh ditanam dua kali setahun dan mempunyai punca air yang mencukupi. Sekiranya kawasan terlibat tidak mempunyai punca air dan tidak dapat diusahakan dua musim setahun, petani-petani akan digalakkan untuk menukar corak tanaman kepada tanaman-tanaman kekal atau lain-lain aktiviti pertanian yang lebih menguntungkan selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Pertanian Negara.

**TOL LEBUHRAYA
TG. MALIM/SLIM RIYER**

34. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lebuhraya Tg. Malim/Slim River yang masih dikenakan tol terdapat keadaan jalan raya berlubang-lubang seolah-olah tidak pernah diperbaiki langsung dan jika sedar sama ada beliau akan mengarahkan pihak yang berkenaan untuk memperbaiki jalan tersebut; dan sama ada beliau ada rancangan untuk mengadakan jalan dua hala di sekitar Slim River/Tg. Malim, memandangkan sering berlakunya kemalangan di jalan raya tersebut.

Dato Zainal Abidin bin Zin Kementerian saya memang sedar tentang keadaan Lebuhraya Tg. Malim/Slim River pada masa ini. Oleh itu urusan tender sedang dijalankan bagi kerja-kerja memperbaharui permukaan lebuhraya tersebut. Adalah dijadualkan kerja-kerja ini akan bermula dalam bulan Ogos tahun ini. Mengenai rancangan untuk jalan dua hala di lebuhraya tersebut, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dalam kajian. Sementara itu kerajaan juga sedang merancang untuk membina Lebuhraya Tol Utara/Selatan yang mana sebahagian daripadanya akan melalui kawasan Lebuhraya Tg. Malim/Slim River ini. Dengan itu pengkajian untuk mengadakan jalan dua hala di lebuhraya yang ada sekarang akan mengambil kiraan lebuhraya tol yang akan dibina kelak.

"TEACHING FACTORY" BAGI JURUTERA

35. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan meningkatkan kemahiran jurutera-jurutera tempatan, dengan memperkenalkan konsep "Teaching Factory" sama seperti yang diamalkan di bidang perubatan, di mana para doktor akan menjalani latihan "Housemanship" di Hospital Universiti yang bertaraf "Teaching Hospital".

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Konsep "Teaching Hospital" memang dapat diamalkan dalam bidang Latihan Kedokteran oleh kerana sesebuah hospital itu biasanya mempunyai berbagai jabatan yang meliputi berbagai cabang ilmu kedokteran. Konsep seperti ini tidak dapat diterjemahkan kepada konsep "Teaching Factory" untuk dilaksanakan dalam bidang latihan

kejuruteraan. Ini kerana adalah sukar untuk mendapatkan sebuah kilang yang operasinya merangkumi semua aspek profesyen kejuruteraan. Adalah juga tidak praktikal untuk menubuhkan sebuah kilang khas bagi maksud ini oleh kerana kosnya amat tinggi. Walau bagaimanapun, perkara ini dapat diatasi oleh semua Pusat Pengajian Tinggi tempatan yang menawarkan kursus kejuruteraan. Caranya ialah dengan menghantar pelajar-pelajar kejuruteraan tersebut menjalani latihan praktikal di firma-firma dan agensi-agensi Kerajaan. Jangka masa latihan ialah dari 3-6 bulan. Dalam jangka masa ini mereka diberi peluang untuk bekerja di bawah penyeliaan jurutera-jurutera profesional sambil melatih diri menggunakan pengetahuan-pengetahuan yang diperolehi di dewan kuliah dan makmal. Dengan cara ini pelajar-pelajar dapat memilih tempat latihan praktik yang paling sesuai dengan bidang pengkhususan mereka masing-masing.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA

36. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapa soalan peperiksaan penilaian darjah lima bagi Bahasa Malaysia diselenggarakan sama semua sekolah tidak kira sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina; dan
- (b) sama ada kerajaan berhasrat mengubah dasar penilaian kebolehan murid dengan mengadakan dua jenis soalan yang berbeza bagi sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan memandangkan kemampuan murid India dan Cina dalam matapelajaran Bahasa Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Ingin saya menjelaskan di sini bahawa mulai tahun 1972 semua jenis aliran sekolah telah mengikuti sukatan pelajaran Bahasa Malaysia yang sama, Semua jenis aliran sekolah juga telah mendapat kemudahan yang sama dari segi guru dan lain-lain keperluan bagi pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Bahasa Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia bagi sekolah Jenis Kebangsaan bermula sejak Darjah Satu lagi, iaitu pada masa yang sama seperti di sekolah kebangsaan. Oleh yang demikian adakah wajar mereka menjawab kertas soalan yang sama.
- (b) Kerajaan tidak bercadang mengubah dasar di atas.

PEKERJAAN UNTUK WANITA

37. **Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa wanita di negara kita mendapat prospek-prospek pekerjaan yang baik dan kukuh dalam semua lapangan, memandangkan bahawa tahun 1985 menandakan tahun yang terakhir dalam Dekad Untuk Wanita di seluruh negara.

Perdana Menteri: Penguatkuasaan Undang-undang Buruh pada masa ini tidak membezakan antara kaum lelaki dan kaum wanita dari segi hak-hak dan kemudahan-kemudahan pekerjaan. Dalam program latihan untuk persediaan bekerja, dan usaha menempatkan pekerjaan yang diberikan, Kerajaan juga tidak membezakan kaum lelaki dan kaum wanita. Prospek peluang-peluang

pekerjaan di masa hadapan bagi kaum wanita di Malaysia adalah dijangka sama baiknya dengan kaum lelaki.

Kerajaan juga sedang melaksanakan satu program yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan wanita secara aktif di dalam bidang sosio-ekonomi dan mendorong mereka dalam meningkatkan taraf penghidupan mereka serta memajukan kesejahteraan keluarga mereka. Satu program bertajuk "Wanita Dalam Pembangunan" telah dijalankan di Kg. Temoh Stesyen, Tapah Perak dan di Kg. Datuk Keramat, Kuala Lumpur sebagai projek perintis dan sedang dipeluaskan di dua belas kawasan lain di seluruh negara. Program ini antara lain menekankan pemberian latihan kemahiran dalam berbagai bidang termasuk pengurusan dan kepimpinan untuk membentuk kelompok yang berdikari. Melalui projek seperti ini, kaum wanita yang tidak bekerja atau mempunyai pekerjaan sampingan dapat juga diserapkan dalam arus masyarakat. Program ini juga telah mengadakan perkhidmatan bagi pekerja kilang yang menghadapi berbagai masalah penyesuaian dalam masyarakat tempatan dan pekerjaan, Perkhidmatan rundingan ini sedang dilaksanakan di empat kilang di Kuala Lumpur dan Negeri Selangor di mana kumpulan-kumpulan yang terdiri dari majikan dan pekerja telah dilatih dalam proses menolong supaya dapat meringankan atau membantu mereka yang mempunyai masalah. Dengan ini, pekerja kilang akan dapat meningkatkan mutu pengeluaran mereka serta memperkukuhkan kedudukan mereka dalam lapangan pekerjaan yang dipilih.

**PENCEN DAN PERSARAAN—
DASAR**

38. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ramai

kakitangan Kerajaan hilang faedah persaraan kerana meletak jawatan untuk bertanding dalam pilihanraya, walaupun ada di antara mereka yang berkhidmat lebih dari 25 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan; jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula dasar pencen atau persaraannya supaya orang-orang seperti ini tidak mengalami kerugian.

Perdana Menteri: Kerajaan sedar bahawa adanya peraturan yang menghendaki kakitangan Kerajaan yang ingin bertanding dalam Pilihanraya meletakkan jawatan jika mereka belum mencapai/mencukupi umur 50 tahun bagi lelaki dan 45 tahun bagi perempuan. Bagi kakitangan yang sudah genap umur 50 tahun (bagi lelaki) dan 45 tahun (bagi perempuan) mereka adalah dibenarkan membuat persaraan atas pilihan sendiri.

Kerajaan tidak berhajat untuk mengubah dasar mengenai perkara tersebut.

PERTUKARAN KAKITANGAN KEMENTERIAN

39. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Penerangan menyatakan dasar Kementerian berhubung dengan pertukaran kakitangan Kementerian dari satu bahagian lain di atas sebab-sebab teknikal dan menyebabkan kegelisahan di kalangan kakitangan sehingga ada kakitangan yang berhenti dan pindah kerja ke sektor swasta dan nyatakan juga rancangan pembangunan RTM untuk masa depan agar RTM tidak menjadi pilihan kedua penonton-penonton di dalam persaingannya dengan TV3, Radio Televisyen Singapura dan Televisyen Thailand.

Dato' Rais Yatim: Penukaran kakitangan dari satu bahagian kepada satu bahagian yang lain adalah satu amalan biasa sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan atau swasta. Dalam Kementerian saya, penukaran kakitangan dilakukan bukan secara melulu tetapi dengan sebab-sebab yang tertentu, antaranya:

- (a) Meluaskan bidang pengalaman seseorang pegawai dengan cara memberi pendedahan kepada aspek-aspek kemahiran yang berlainan dari yang dimiliki oleh pegawai yang berkenaan.
- (b) Penukaran yang dilakukan atas permohonan pegawai itu sendiri atas sebab-sebab peribadi yang dianggap patut oleh Ketua Jabatan.
- (c) Pegawai yang dianggap oleh Ketua Jabatan sebagai lebih sesuai bertugas dalam bahagian yang lain dari bahagiannya sekarang.
- (d) Untuk mengisi kekosongan yang berlaku dalam sesuatu bahagian yang tertentu, sedangkan bahagian-bahagian yang lainnya mempunyai kakitangan yang lebih.
- (e) Dan lain-lain sebab demi kepentingan perkhidmatan dan pegawai-pegawai itu sendiri.

Mengenai rancangan pembangunan RTM masa depan untuk bersaing dengan stesen-stesen TV yang lain, sukalah saya nyatakan bahawa strategi RTM ialah menambahkan bilangan serta meningkatkan mutu penerbitan rancangan-rancangan tempatannya. RTM tidak akan berganjak dari matlamatnya untuk memberi penerangan, pendidikan serta hiburan dan bukan semata-mata untuk bersaing dengan stesen-stesen lain. RTM akan terus memainkan peranannya sebagai media penerangan Kerajaan kepada rakyat dan menyalurkan rungutan rakyat kepada Kerajaan.

JALAN RAYA MANTIN— PEMENDAPAN

40. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab yang mengakibatkan berlakunya kemendapan jalan raya di Mantin, Negeri Sembilan beberapa bulan yang lalu dan sudahkah Kementerian membuat persediaan kemungkinan kejadian seperti itu berulang lagi di situ atau di tempat-tempat lain dari kejadian di Mantin itu dan beberapa banyak kos pembaikan diperlukan.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Bahagian jalan raya di Mantin, Negeri Sembilan, yang mendap baru-baru ini adalah berlaku di atas tanah yang separuh dipotong dan separuh ditimbus (Half-cut and half-fill section). Pemendapan ini disebabkan air yang mengalir dalam tanah telah melemutkan struktur tanah jalan raya tersebut dan penyusupan air (Seepage Flow) itu pula telah menyebabkan berlakunya hakisan di bahagian kaki cerun jalan tersebut. Proses itu telah dipercepatkan oleh timbunan sampah sarap di tepi jalan yang menghalang pengaliran air. Akibatnya, bahagian tanah yang ditimbus menjadi lemah dan runtuh. Kerosakan yang berlaku di jalan raya ini telah dibaikki dengan perbelanjaan sebanyak \$1.5 juta. Dengan kerja-kerja pembaikan yang menyeluruh, saya menyatakan bahawa kemungkinan pemendapan tanah ini berlaku lagi adalah tipis. Kerosakan seperti ini tidak mungkin berlaku di jalan-jalan raya lain, oleh kerana pembinaannya adalah mengikut spesifikasi yang lebih baik. Walau bagaimanapun bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang lagi, pemeriksaan yang lebih kerap dan lebih teliti akan dilakukan dari masa ke semasa untuk mengesan mana-mana bahagian jalan yang mengalami hakisan tanah dan pembaikan dilaksanakan sebelum

berlakunya pemendapan tanah atau lain-lain kerosakan.

KERETA MAYAT DI HOSPITAL-HOSPITAL

41. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya ingin membuat peraturan untuk membeli kereta-kereta keranda am untuk semua Hospital-hospital Besar dan Daerah, termasuk Hospital Besar Kuala Lumpur untuk memberi pengangkutan percuma bagi mayat-mayat yang datang dari keluarga-keluarga miskin.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Hospital Besar dan kebanyakan Hospital-hospital Daerah mempunyai perkhidmatan kereta mayat. Hanya sebilangan hospital-hospital yang kecil sahaja tidak mempunyai perkhidmatan ini. Kementerian sedang mengaturkan tindakan yang wajar dalam perkara ini, dalam kemampuannya. Biasanya, bayaran tidak dikenakan untuk membawa balik mayat yang terdiri daripada pesakit yang dirujuk dari hospital ke hospital asalnya. Walau bagaimanapun, bayaran adalah dikenakan untuk membawa mayat pesakit dari hospital ke rumah mereka. Sungguhpun demikian, bayaran ini boleh dikecualikan bagi kes-kes di mana waris-waris si mati tidak berkemampuan untuk membuat bayaran.

DADAH PEMERIKSAAN PRAMUGARI/PRAMUGARA

42. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada terdapat pramugari dan pramugara kita yang mengambil peluang dalam urusan pekerjaan mereka keluar dan

masuk negara ini, untuk membawa dadah kerana pemeriksaan di lapangan-lapangan terbang terhadap mereka ini tidak begitu ketat disebabkan mereka telah kenal biasa dengan pegawai-pegawai Kastam dan Imigresen; jika ya, adakah mereka akan dilucutkan daripada jawatan dan didakwa di mahkamah.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman

Semua penumpang-penumpang yang membuat penerbangan keluar atau yang kembali dari penerbangan dari luar negeri adalah diwajibkan menjalankan pemeriksaan kastam dan imigresen dan aturan ini adalah juga dikenakan kepada semua anak-anak kapal Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan anak-anak kapal syarikat-syarikat penerbangan lain. Setakat yang diketahui, pihak saya tidak mempunyai sebarang maklumat bahawa terdapat kejadian di mana anak-anak kapal tidak menjalani pemeriksaan kastam dan imigresen dan terlibat dalam perbuatan penyeludupan dadah. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penyeludupan dadah adalah satu perbuatan yang dianggap serius mengikut perundangan negara kita dan dengan itu, kerajaan dan pihak MAS tidak teragak-agak mengambil tindakan atas pihak-pihak yang terlibat dalam perbuatan penyeludupan dadah sekiranya penyiasatan mendapati benar berlakunya perbuatan sedcmikian.

Dalam hal ini, sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat mengenai kejadian perbuatan penyeludupan dadah, silalah memberi butir-butir mengenai kejadian perbuatan tersebut agar satu penyiasatan rapi dapat dijalankan dengan segeranya.

PERPADUAN RAKYAT

43. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada perpaduan di

kalangan rakyat Malaysia sudah tidak irat lagi memandangkan beliau terpaksa memberi amaran jika perpaduan tidak irat Malaysia akan menjadi Vietnam semasa beliau berucap di Pulau Pinang baru-baru ini dan sama ada ini bererti perpaduan di kalangan rakyat Malaysia sudah begitu teruk; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk memulihkan perpaduan rakyat.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tersebut sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa ucapan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Dalam Negeri pada 1-3-1985 di Majlis Jamuan Makan Malam Perpaduan UMNO Pulau Pinang baru-baru ini, tidaklah bermaksud bahawa perpaduan di kalangan rakyat negara ini sudah merosot tetapi ucapan tersebut adalah sekadar untuk mengingatkan tentang betapa pentingnya perpaduan di kalangan rakyat negara ini dikekalkan, malah kalau boleh ditingkatkan lagi demi untuk pembangunan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

**PESAKIT DI HOSPITAL
DAERAH BUKIT
MERTAJAM—KEPERLUAN**

44. Datuk Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar ibu-ibu yang bersalin di Hospital Daerah Bukit Mertajam, diminta memberi barang-barang berikut sebelum ibu-ibu pulang ke rumah:

- (a) 5 ketul sabun mandi;
- (b) 1 biji timba plastik;
- (c) 2 tin susu pekat (2 tin susu tepong);
- (d) 2 kotak kertas (tissues);
- (e) 4 gulong kertas pengesat najis;
- (f) 1 kati kertas lapik tilam;

Jika benar sama ada Kementerian bercadang akan menghentikan ini yang memberatkan orang ramai terutama kepada penduduk di luar bandar.

Dato Chin Hon Ngian: Adalah tidak benar bahawa pesakit-pesakit di Hospital Daerah, Bukit Mertajam diminta membawa semua barang-barang yang disebutkan itu. Memandangkan dengan langkah jimat cermat dalam tahun 1982, pesakit-pesakit kelas tiga di wad bersalin telah dinasihatkan untuk membawa 2 kati kertas lapik tilam dan 2 kotak tuala wanita "Sanitary Pads" untuk kegunaan sendiri di dalam wad; manakala pesakit-pesakit kelas satu dan dua dinasihatkan membawa seketul sabun di samping kertas lapik tilam dan tuala wanita "Sanitary Pads". Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit yang tidak berupaya adalah dikecualikan.

SIARAN TV FILEM YANG DIIMPORT

45. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah filem-filem yang dibawa masuk setiap tahun untuk siaran Televisyen Malaysia dan jumlah wang yang dibelanjakan untuk filem-filem tersebut.

Dato' Rais Yatim Jumlah filem import yang disiarkan menerusi TV Malaysia Rangkaian Pertama dan Kedua ialah lebihkurang 45% dari jumlah waktu siaran keseluruhannya, iaitu kira-kira 54 jam dalam seminggu. Oleh itu jumlah waktu siaran filem-filem yang dibawa masuk setiap tahun ialah lebih kurang 2,808 jam. Perbelanjaan sewaan filem-filem ini adalah dalam lengkongan 10 juta setahun.

PERUNTUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN

46. **Puan Rokiah Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama

ada beliau sedar bahawa peruntukan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amat sedikit jika dibandingkan dengan Kementerian yang lain, memandangkan kaum belia merupakan aset negara dan peringkat umur belia juga yang banyak terlibat dengan masalah anti nasional, dadah dan fahaman agama yang salah maka perhatian yang lebih patut diberi kepada Kementerian ini untuk mengawal aset negara ini supaya menjadi warganegara yang sihat dan taat; jika sedar nyatakan tindak usaha yang telah dan sedang ambil untuk mengatasi perkara ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Peruntukan yang disediakan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta lain-lain Kementerian dan agensi Kerajaan adalah berdasarkan kepada fungsi, program serta prestasi Kementerian dan Jabatan itu sendiri. Memandangkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan sekarang dan dua tiga tahun yang lepas adalah difikirkan bahawa peruntukan yang disediakan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah berpatutan untuk membolehkannya menjalankan operasinya serta program-program yang "dirancang" dengan memuaskan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan perbelanjaan mengurus yang telah disediakan untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tempoh tahun 1983 hingga 1985 berjumlah \$102.2 juta iaitu sebanyak \$34.0 juta pada tahun 1983, \$32.4 juta pada tahun 1984 dan \$35.8 juta pada tahun 1985. Daripada peruntukan sebanyak \$34.0 juta yang telah disediakan pada tahun 1983, sebanyak \$29.8 juta sahaja dibelanjakan dan daripada peruntukan sebanyak \$32.4 juta yang disediakan pada tahun 1984 sebanyak \$30.5 juta sahaja yang telah dibelanjakan.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula, sebanyak \$123.6 juta telah

diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Peruntukan tersebut disediakan bagi projek-projek yang dirancang khas untuk meningkatkan penyertaan kaum belia baik di dalam bidang ekonomi mahupun bidang sosial seperti mengadakan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi, skim bantuan kewangan untuk belia berniaga dan bertani, dan juga memberi latihan kemahiran, disiplin dan sebagainya.

Bagi maktuman Ahli Yang Berhormat, program-program pembangunan ekonomi dan sosial kaum betia bukanlah dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja tetapi ianya dijalankan juga oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain terutamanya Kementerian Pelajaran, Kementerian Buruh dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

KILANG GAS BERACUN

47. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah industri di negara ini yang menggunakan gas beracun bagi pengeluaran barangan mereka;
- (b) dasar Kerajaan dalam memberi kebenaran kepada industri-industri menggunakan gas-gas merbahaya ini; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan kebocoran gas beracun seperti yang berlaku di Syarikat Union Carbide, Bhopal, India.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):

- (a) Jumlah kilang yang menggunakan gas beracun sebagai bahan asas untuk proses

yang telah dikenalpasti dalam negara kita adalah 10 buah sahaja. Kilang-kilang tersebut adalah kilang-kilang yang besar dan ditempatkan di kawasan-kawasan perindustrian.

- (b) Beberapa undang-undang, peraturan dan prosedur untuk mengelakkan berlakunya malapetaka seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam penggunaan gas beracun di kilang-kilang. Undang-undang tersebut ialah Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984, Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-peraturan (Kualiti Alam Sekeliling) (Udara Bersih) 1978 dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan juga Jabatan Perkhidmatan Bomba. Adalah hasrat Kerajaan untuk mengawal daripada berlakunya segala malapetaka di kilang-kilang dan alam sekitar dengan adanya undang-undang di atas yang dikuatkuasakan oleh Jabatan-jabatan dan badan-badan tertentu.
- (c) Akta Kilang dan Jentera 1967 mempunyai peruntukan-peruntukan yang mencukupi untuk mengawal keselamatan dan kesihatan para pekerja pada masa ini tetapi Kerajaan akan senantiasa mengulangkaji undang-undang berkenaan supaya ia sesuai dengan keadaan semasa. Namun begitu, penguatkuasaan undang-undang akan lebih bermakna dan berkesan lagi jika pihak majikan dan pekerja dapat bekerjasama untuk menjaga keselamatan tempat kerja sebagai tanggungjawab bersama kedua-dua pihak.

MURID DALAM KELAS— MENGURANGKAN

48. Puan Hajjah Hafsah binti Osman minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan bilangan murid di dalam satu kelas daripada 50 ke 30-50 orang sahaja.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mengurangkan bilangan murid di dalam satu kelas kepada 35 orang sahaja adalah merupakan salah satu objektif Kementerian Pelajaran ke arah meningkatkan mutu pelajaran di sekolah kerana ini adalah bilangan yang ideal. Pada tahun 1984 purata bilangan murid di dalam setiap kelas di sekolah rendah ialah 33.58 dan sekolah menengah pula ialah 36.82.

SURAT PERJANJIAN DALAM BAHASA INGGERIS

49. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa surat-surat perjanjian dan dokumentasi-dokumentasi lain adalah ditulis dalam Bahasa Inggeris, jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk mematuhi perkara 152 Perlembagaan Malaysia.

Perdana Menteri: Kerajaan sedar tentang adanya beberapa jenis surat perjanjian dan dokumentasi-dokumentasi yang masih dalam Bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kebanyakan surat perjanjian yang masih dalam Bahasa Inggeris itu adalah dibenarkan untuk digunakan menurut peraturan atau undang-undang tertentu, terutamanya surat-surat perjanjian di antara Kerajaan dengan Kerajaan-kerajaan asing dan antara Kerajaan dengan pihak-pihak swasta antarabangsa. Mengenai surat-surat perjanjian dan dokumentasi-dokumentasi di sektor swasta, belum

ada peraturan atau undang-undang yang mewajibkan atau memaksa pihak swasta menggunakan Bahasa Malaysia sahaja apabila berurusan dengan orang ramai atau Kerajaan.

KELULUSAN EMPAT SENAWI

50. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang menyamatarafkan kelulusan empat senawi dengan kelulusan STPM; jika benar nyatakan sama ada pengecualian akan diberi kepada pelajar yang lulus empat senawi bagi memasuki pengajian Tahunan Pertama di UIA atau yang setaraf dengannya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan masih mengkaji perkara ini dan belum lagi membuat keputusan.

HARI PAHLAWAN

51. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Pertahanan menyatakan upacara-upacara rasmi yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan sempena Hari Pahlawan pada 31hb Julai yang akan datang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Upacara-upacara rasmi yang dirancang sempena Hari Pahlawan pada 31hb Julai yang akan datang ini sedang dalam pertimbangan oleh Kerajaan Persekutuan.

PEJABAT PENERANGAN MAKANAN

52. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan satu Pejabat Penerangan Makanan yang

akan menyelaraskan maklumat-maklumat di antara petani-petani, pekilang-pekilang, pelabur-pelabur dan agensi-agensi Kerajaan untuk meninggikan penghasilan pengeluaran negara.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Ya, Kementerian Pertanian telah menubuhkan sebuah unit yang dikenali sebagai Urusetia Pelaburan dan Pensiwaan. Di antara tugas-tugas penting yang dijalankan oleh Urusetia Pelaburan dan Pensiwaan ialah menyelaraskan maklumat-maklumat di antara petani-petani, pekilang-pekilang, pelabur-pelabur dan agensi-agensi Kerajaan untuk penghasilan pengeluaran negara terutamanya dalam pengeluaran dan pemrosesan makanan.

KANAK-KANAK JOHOR BERSEKOLAH DI SINGAPURA

53. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kanak-kanak dari negeri Johor yang bersekolah di Singapura dan apakah pendirian Kerajaan tentang perkara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak ada maklumat berkenaan bilangan kanak-kanak dari negeri Johor yang bersekolah di Singapura. Kementerian Pelajaran tidak menghalang rakyat Malaysia untuk menghantar anak-anak mereka belajar di luar negeri termasuk Singapura, kecuali ke Negara-negara Komunis dan negara yang Kerajaan Malaysia tidak ada hubungan diplomatik.

Walau bagaimanapun Kementerian suka menasihati ibu bapa supaya memasukkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah tempatan, supaya anak-anak itu dapat pelajaran dan pendidikan dari sistem pelajaran kita

sendiri dan di samping itu juga dapat pengalaman, pergaulan dan peluang menjalin persahabatan sesama mereka rakyat Malaysia. Ini adalah penting sekali untuk mencapai perpaduan nasional.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA—MEMPERLUASKAN TEKNOLOGI

54. Tuan D. P. Vijandran minta Perdana Menteri menyatakan jenis teknologi yang tinggi Malaysia bercadang untuk membuat dan memperluaskan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML).

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Ekonomi negara tidak akan terus berkembang dengan pesatnya jika negara tidak memperluaskan skop pengeluaran bahan-bahan eksportnya. Memandangkan pertumbuhan sektor perindustrian pembuatan (manufacturing sector) yang menggalakkan semenjak tahun-tahun tujuh puluhan, Kerajaan akan memberi lebih perhatian dan keutamaan kepada perkembangan sains dan teknologi di negara ini, terutamanya dalam hal-ehwal penyelidikan dan perkembangan dalam sektor pembuatan " yang berasaskan kepada bahan-bahan keluaran tempatan.

Dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kelima, beberapa bidang teknologi tinggi telah dikenalpasti antara lain termasuk teknologi mikroelektronik, teknologi-hayat (biotechnology), teknologi bahan (materials technology), teknologi laser dan elektro-optik, teknologi alam sekitar, teknologi laut, dan sains dan teknologi perubatan.

Untuk menampung perkembangan sains dan teknologi di negara ini, penyediaan RML ini juga telah menetapkan bahawa kerjasama yang rapat antara semua sektor adalah

penting dan menentukan beberapa strategi antara lain juga termasuk:

- (i) penubuhan taman sains di sekitar universiti tempatan dan berhampiran dengan pusat-pusat pengeluaran atau estet perindustrian dan zon perdagangan;
- (ii) pembangunan pusat maklumat saintifik dan teknologi;
- (iii) penubuhan pusat-pusat pemindahan teknologi di institusi-institusi penyelidikan; dan
- (iv) penyediaan garis panduan-garis panduan dalam pembentukan infrastruktur dan mekanisma mengurusniagakan hasil-hasil penyelidikan.

PERUMAHAN—MATLAMAT YANG DISASARKAN

55. **Tuan Kee Yong Wee:** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada peratusan matlamat perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keempat telah dicapai dan strategi Kerajaan di atas dasar perumahan dalam Rancangan Malaysia Kelima memandangkan keadaan ekonomi negara yang kurang memuaskan;
- (b) sejauh mana "system standardization" perumahan yang akan digunakan dalam pembinaan rumah kelak akan mendatangkan faedah kepada industri perumahan dan bila sistem ini dapat dilaksanakan.

Dato' Dr Neo Yee Pan:

- (a) 1. Kemelesetan ekonomi dunia yang bermula pada awal tahun 80an telah melembabkan aktiviti-aktiviti perumahan pada keseluruhannya di bawah

Rancangan Malaysia Keempat. Akibat daripada itu, peratusan matlamat yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat tidaklah dapat dicapai sepenuhnya. Bagaimanapun, pencapaian sektor perumahan dalam tempoh tersebut adalah menggalakkan, berbanding dengan pencapaian dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, setakat bulan Jun 1984, lebih daripada 1/2 (suku) iaitu 269,639 unit atau 29.2% daripada jumlah sasaran sebanyak 923,300 unit telah siap dibina.

2. Pencapaian sektor awam sehingga tempoh tersebut (Jun 1984) iaitu sebanyak 132,993 unit (33.4%) telah melebihi jumlah unit yang dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.
3. Pencapaian sektor swasta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat tidaklah begitu menggalakkan kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa kini. Setakat bulan Jun 1984, sektor ini telah dapat menyiapkan sejumlah 136,646 unit iaitu 26.1% daripada jumlah sasaran sebanyak 524,730 unit.
4. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima, di samping memberi penekanan kepada program-program perumahan yang komprehensif, kerajaan juga akan mengkaji semula dan mengemaskinikan strategi-strategi dan program perumahan untuk memenuhi keperluan tempat tinggal bagi penduduk yang semakin bertambah.

(b) Bagi jawapan soalan (b), sekiranya "Sistem Standardization" yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bermaksud penggunaan Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) dengan menggunakan Konsep Koordinasi Modular dalam Bangunan, maka jawapan saya adalah seperti berikut:

Prinsip-prinsip Koordinasi Modular ini boleh digunakan di dalam bidang perancangan, rekabentuk, pembinaan dan pengeluaran komponen-komponen perumahan serta alat-alat kelengkapan berkaitan dengan kedudukan dan dimensi dalam bangunan. Di antara faedah-faedah yang boleh didapati oleh industri perumahan dan pembinaan adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan produktiviti dalam proses pengeluaran;
- (ii) Mengurangkan kos pembinaan perumahan apabila standardisasi dalam pengeluaran komponen-komponen dapat dikeluarkan "mass production";
- (iii) Meningkatkan kualiti dalam pengeluaran komponen-komponen bangunan oleh kerana pengawasan kualiti di kilang boleh dijalankan dengan lebih berkesan; dan
- (iv) Mengurangkan potong-memotong bahan-bahan binaan ditapak. Ini akan menjimatkan kegunaan bahan-bahan binaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah memperkenalkan konsep Koordinasi

Modular ini kepada pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan perumahan. Jawatankuasa-jawatankuasa Pemandu dan Teknikal telah ditubuhkan untuk menyelaras pelaksanaan konsep tersebut. Jangka masa sepuluh tahun adalah dikehendaki untuk melaksanakan dengan sempurna konsep ini di Malaysia.

DADAH—MENJATUHKAN HUKUMAN

56. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan mengapa masalah dadah belum dapat dikurangkan di negara ini. Seterusnya menghapuskan kesemuanya sekali dan nyatakan sama ada Kerajaan sering bertolak ansur dalam menjatuhkan hukumannya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Masalah dadah di negara ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor bekalan (supply) dan permintaan (demand) terhadap dadah. Bekalan dadah adalah merupakan satu "independent variable" kerana ianya dikeluarkan di kawasan Tiga Segi Emas yang terletak di luar kekuasaan undang-undang negara kita. Namun demikian usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk mencegah kemasukan dadah dari kawasan utara Semenanjung Malaysia. Di antara usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk mencegah kemasukan dadah ke dalam negara ini ialah untuk meningkatkan usaha penguatkuasaan di perbatasan darat dan laut Malaysia dengan Thailand dengan memberi latihan-latihan khusus tentang mengawal dan mencegah penyeludupan dadah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan agensi-agensi penguatkuasaan, khususnya Unit Pencegah Penyeludupan.

Di samping itu usaha-usaha juga dijalankan untuk terus menumpaskan sendikit pengedaran dadah dalam negara. Permintaan bagi dadah juga sedang dikawal dan dicegah melalui program rawatan dan pemulihan bagi penagih dadah, aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan dadah di sekolah-sekolah serta penerangan umum tentang bahaya dan ancaman dadah kepada masyarakat.

Akibat daripada usaha-usaha ini, bilangan penagih dadah yang dikenalpasti dalam tahun 1984 telah berkurangan sebanyak 18.5% jika dibandingkan dengan perangkaan dalam tahun 1983.

Kerajaan tidak pernah menunjukkan sikap bertolakansur terhadap pesalah-pesalah dadah, kerana hukuman gantung ke atas mereka yang didapati bersalah mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah mandatori.

**KAMPUCHEA—PERTEMUAN
PERDANA MENTERI—
PRESIDEN SUHARTO**

57. Dato' S. Govinda Raj minta Perdana Menteri menyatakan hasil pertemuan beliau dengan Presiden Suharto baru-baru ini, terutamanya berhubung dengan perkembangan terbaru di Kampuchea.

Perdana Menteri: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Mohd. Yusof bin Kassim pada 15-4-85. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

**LAWATAN PERDANA MENTERI
KE RUSSIA**

58. Dato S. Govinda Raj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang untuk

membuat lawatan ke Soviet Russia untuk mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin negara itu mengenai isu-isu Afghanistan dan Vietnam.

Perdana Menteri: Saya ingin memaklumkan bahawa buat masa ini Y.A.B. Dato Seri Perdana Menteri belum lagi mempunyai rancangan untuk membuat lawatan ke Soviet Russia dan mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin negara itu mengenai isu-isu Afghanistan dan Vietnam. Walau bagaimanapun, pandangan Malaysia ke atas isu-isu tersebut sering dikemukakan menerusi forum-forum antarabangsa yang diadakan.

LEBUHRAYA DISWASTAKAN

59. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah lebuh raya yang telah diswastakan setakat ini dan firma-firma yang terlibat dalam penswastakan lebuh raya ini.

Hasil kepada Kerajaan akibat penswastakan ini; dan langkah Kerajaan untuk menyelenggara lebuh raya-lebuh raya setelah tamatnya kontrak dengan syarikat-syarikat swasta yang tertentu ini.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Setakat ini hanya satu lebuh raya atau jalan raya sahaja yang telah diswastakan oleh Kerajaan di bawah konsep penswastakan. Jalan Raya ini ialah jalan lintas Selat Kelang Utara, yang mana pembukaannya kepada lalulintas telah dirasmikan pada 2hb Januari, 1985. Firma yang mengendaiikan projek ini ialah Syarikat Shapadu Properties Sdn. Bhd.

Sebenarnya hasil yang diperolehi oleh Kerajaan akibat dari penswastakan ini, tidaklah merupakan wang ringgit. Mengikut perjanjian di antara Firma tersebut dengan Kerajaan, Firma ini

akan memperbaiki semula dan menaikkan taraf jalan raya tersebut dengan perbelanjaannya sendiri. Seterusnya jalan raya tersebut akan diselenggara oleh Firma itu sehingga jalan raya itu diserahkan balik kepada Kerajaan apabila tamat perjanjian. Dengan peraturan sedemikian rupa, maka bermaknalah Kerajaan telah dapat mengurangkan sedikit bebanannya bagi menyediakan infrastruktur untuk rakyat sementara usaha-usaha pembangunan dapat diteruskan. Seterusnya Kerajaan akan dapat juga menjimatkan perbelanjaan terhadap penyelenggaraan infrastruktur, yang merupakan jalan raya yang diwastakan ini.

Setelah tamatnya perjanjian di antara Firma-firma dengan Kerajaan mengikut konsep penswastaaan, Kerajaan akan menimbang semula sama ada perjanjian tersebut akan disambung semula atau Kerajaan sendiri akan mengambil alih lebuh raya atau jalan raya berkenaan dan menyelenggarakannya sendiri.

DASAR LIBERAL KERAJAAN

60. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan dasar liberal Kerajaan akan ditimbang semula dan apakah langkah-langkah yang akan diambil agar sikap-sikap dan pembawa-pembawa fanatik, ekstremisma dan canvinisma dapat disekat sebelum terlambat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Apa yang dimaksudkan dengan "dasar liberal Kerajaan akan ditimbang semula" itu ialah bahawa Kerajaan sedang menimbang untuk mengkaji semula sikap liberalnya terhadap akhbar. Langkah ini perlu kerana ada di antara akhbar-akhbar yang telah memainkan peranan menyebabkan negara ini menuju ke arah canvinisme, rasialisme dan ekstremisme. Kegiatan

seperti ini akan menjejaskan sikap bertoleransi dan perpaduan di antara rakyat dan jika sekiranya dibiarkan berterusan berpotensi untuk menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membendung dan membenters segala kegiatan yang bersifat fanatik, cauvinis dan ekstremis bagi menjamin supaya ketenteraman awam dan keselamatan negara sentiasa terpelihara. Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan terus diambil oleh Kerajaan ialah:

- (a) memberi nasihat atau "persuasion" kepada mereka yang terlibat dengan memberikan kesedaran dan orientasi sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui aktiviti-aktiviti ceramah, dailog dan sebagainya;
- (b) memberi kefahaman Islam yang sebenar kepada masyarakat umum dan relevannya dengan masyarakat Islam di Malaysia; dan
- (c) menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang ada seperti Enakmen Kediamair Terhad, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi Negeri-negeri yang berkenaan.

Langkah-langkah lain termasuklah amalan prinsip Rukun Negara, Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Jawatankuasa Muhibbah di sctiap peringkat daerah, pelaksanaan Skim Rukun Tetangga, rancangan penerapan nilai-nilai Islam, penubuhan Lembaga Bersama Penyelarasan Kegiatan Islam Malaysia dan sebagainya.

Untuk menjayakan usaha-usaha ini supaya lebih berkesan, Kerajaan berharap kepada pemimpin-pemimpin

masyarakat dan tokoh-tokoh agama supaya memainkan peranan yang lebih positif dan padu ke arah menyemaikan kesedaran dan kesefahaman sikap bertoleransi dan perpaduan di kalangan semua lapisan masyarakat di negara ini.

KUTIPAN JUALAN NOMBOR KERETA

61. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kutipan dari penjualan nombor-nombor kereta (tendered car registration) dan sama ada beliau berpuashati dengan kutipan tersebut; dan sama ada beliau akan menenderkan semua nombor untuk mengutip lebih banyak hasil lagi.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sistem tempahan dan tawaran (tender) untuk nombor-nombor pendaftaran kenderaan motor telah dilaksanakan mulai daripada bulan November 1978 di semua negeri.

Jumlah kutipan daripada tawaran nombor-nombor pendaftaran kenderaan motor itu sejak tahun 1979 hingga 1984 ialah sebanyak \$4,463,027 dan pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah kutipan</i>
1979	209,732
1980	104,132
1981	103,762
1982	650,080
1983	,162,173
1984	2,233,148

Menerusi sistem tempahan dan tawaran bagi nombor-nombor pendaftaran kenderaan motor, Kerajaan telah memperolehi satu lagi sumber hasil dan pungutan hasil tersebut sehingga kini adalah memuaskan. Sistem tempahan dan tawaran nombor pendaftaran

kenderaan motor dengan berasaskan harga tawaran yang tertinggi telah pun diperluaskan untuk meliputi semua nombor pendaftaran kenderaan motor, mulai daripada bulan November 1984 yang lalu.

PELAJAR KEJURUTERAAN BUMIPUTERA DI LUAR NEGERI

62. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang akan mengurangkan atau terus memberhentikan penghantaran pelajar-pelajar bumiputera ke luar negeri memandangkan adanya Kursus-kursus Kejuruteraan di dalam negeri, jika ya, nyatakan kesannya kepada keseimbangan bilangan Jurutera mengikut kaum di negara ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan atau memberhentikan penghantaran pelajar-pelajar bumiputera untuk mengikuti kursus-kursus kejuruteraan di luar negeri oleh kerana masih terdapat jurang perbezaan antara Jurutera bumiputera dengan bukan bumiputera.

VIETNAM MENCEROBOH THAILAND

63. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh anggota Negara-negara Asean jika keadaan Tentara Vietnam terus menceroboh Wilayah Negeri Thai.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sekiranya tentera Vietnam terus menceroboh Wilayah Negeri Thai dan keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea tersebut menjadi bertambah terancam yang mungkin menjejaskan pula

keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia dan Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam diri sahaja dan akan memberi apa saja sokongan kepada Thailand dalam menghadapi ancaman yang bertambah serius itu.

DASAR ANTI-NUKLEAR NEGARA

64. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Luar Negeri menjelaskan Dasar Anti-Nuklear Negara.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Apa yang telah dibangkitkan oleh Tuan Mohd Noor bin Bedah adalah berkaitan dengan Konsep Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).

Sepertimana yang kita sedia maklum, Konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) bagi rantau Tenggara Asia telah diisytiharkan oleh ASEAN melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada tahun 1971. ZOPFAN bertujuan untuk menjadikan rantau ini sebagai satu kawasan aman, berkecuali dan bebas dari persaingan kuasa-kuasa besar termasuk juga bebas dari senjata-senjata nuklear demi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan penduduk-penduduknya.

Buat masa ini, kajian-kajian yang mendalam sedang dijalankan terhadap berbagai-bagai aspek dan unsur-unsur ZOPFAN seperti konsep zon bebas dari senjata-senjata Nuklear di Asia Tenggara. Kajian-kajian ini akan menimbangkan semua cara-cara bagi memajukan lagi konsep ZOPFAN dalam konteks keadaan geopolitik di Asia Tenggara.

Kita telah mencungahkan konsep ZOPFAN ini di forum-foram antarabangsa dan telah mendapat

sokongan positif dari sebilangan besar masyarakat antarabangsa seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Komonwel dan EEC.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa cadangan ZOPFAN ini adalah merupakan satu objektif jangka masa panjang ASEAN dan pelaksanaan sepenuhnya akan mengambil masa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (22hb April, 1985).

3.34ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Pindaan pada Akta Majlis Pempriksaan Malaysia 1980.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini bersama dengan sahabat-sahabat saya yang telah turut membahaskan pada sebelah petang kelmarin, saya perhatikan adalah pindaan-pindaan yang kecil yang dibuat ini ada munasabah tetapi saya bcrasa terkilan dengan pindaan di bawah fasal 5 iaitu bagi seksyen 26 (1) di mana di bawah seksyen 26 (1) ini tidak memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memaksa pihak Majlis ataupun, dengan izin, saya bacakan: ".....no Court shall compel the Council or any member, officer or servant thereof to make any such disclosure to any person".

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, keadilan demokrasi yang kita telah wujudkan di negara ini setelah kita mempunyai sistem demokrasi berparlimen 25 tahun, begitu juga kita mewujudkan sistem keadilan Mahkamah dan juga ada kuasa-kuasa, dengan izin, Executive, tetapi dengan kita menghapuskan campur-tangan Mahkamah di dalam bidang-bidang ini bererti kita menutup suatu langkah-langkah menghalusi keadilan jika berlaku sebarang kemusykilan, berlaku perkara-perkara kesalahan yang rumit untuk diselesaikan oleh pihak Majlis ataupun juga daripada pihak calon-calon, dalam bahasa Mahkamah disebutkan "an aggrieved person". Bagaimanakah kita memberi peluang kepada pihak-pihak yang merasa musykil ini? Jadi saya menyokong Usul Pindaan Akta ini sekiranya fasal 26 yang baru dipinda ini dengan subseksyen kecil (1), (2), perlulah mendapat perhatian serta halusi oleh pihak Kerajaan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mempertingkatkan taraf dan kualiti pemeriksaan ini kita dapati setelah beralih kepada corak tempatan yang kita ambilalih oleh Lembaga Peperiksaan di tanahair kita ini kita dapati walaupun manusia ini ada kelemahan-kelemahannya tetapi setiap tahun perkara-perkara yang seperti dibangkitkan oleh sahabat saya semalam sangatlah kita berasa aib terhadap petugas-petugas di dalam Lembaga Peperiksaan yang mengendalikan peperiksaan seperti SPM.

Contohnya di dalam keputusan tahun 1985 ini di mana keputusan Bahasa Malaysia yang ditanda "X" itu beribu-ribu angkanya, kenapakah terjadinya kehilangan sementara ini. Walaupun perkara itu dapat dipulihkan tetapi rakyat biasa merasakan sesuatu yang tidak kena, sesuatu yang boleh was-was dan syak-wasangka yang boleh memburukkan

imej Lembaga dan kualiti peperiksaan kita ini.

Kemudian yang anih dan cerita ini pun benar. Saya rasa tidak sampai keluar di dalam akhbar tempatan, di dalam keputusan tahun 1985 ini iaitu ada seorang calon itu telah meninggal dunia dua bulan sebelum peperiksaan tetapi keputusannya ada, ada kelulusannya kredit di dalam beberapa matapelajaran. Bagaimana perkara ini boleh berlaku. Kita tahu ada kelencungan bila membaiki jalan raya dan lebuhraya sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi markah ini dikelencungkan kepada calon yang telah mati. Ini suatu perkara yang sangat memilukan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pindaan-pindaan Akta ini kecil, saya menyokong sekiranya pertimbangan-pertimbangan khusus yang saya sentuh tadi di dalam membaiki sistem serta konsep pentadbiran dan perjalanan Lembaga Peperiksaan kita ini dipertingkatkan disiplinnya, dipertingkatkan keupayaannya supaya mereka ini benar-benar menjadi suatu petugas yang jujur dan dihormati serta sebaliknya mereka menghormati ketinggian serta hasrat negara kita.

Saya amat bimbang sepatutnya Kementerian Pelajaran perlulah meneliti dan memerhati setiap individu atau tokoh yang kita letakkan lantik amanah di dalam tiap-tiap Lembaga yang mengendalikan peperiksaan. Janganlah mereka banyak yang terlibat dengan tokoh-tokoh, kadang-kadang ada yang terlibat secara langsung aktif di dalam politik. Ini boleh melemahkan bidang mereka ini yang khusus di dalam keilmuan dan juga menyimpan rahsia serta dalam memandang berat akan kewajipan di dalam mengendalikan peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira inilah hujah-hujah yang penting yang dapat saya bentang dan dibahas agar mendapat perhatian yang serius

daripada pihak Kerajaan untuk memperbaiki lagi Akta ini dan juga untuk mempertimbangkan bagi kaedah-kaedah serta tindakan-tindakan untuk menyelaras dan memperbaiki sistem Lembaga Peperiksaan ini. Terima kasih dan saya menyokong dengan syarat Kerajaan memperhalusi lagi terhadap pindaan baru kepada seksyen 26 itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

3.41ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas satu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 sebagai menyokong rakan-rakan yang telah memberi pandangan-pandangan di dalam membahaskan Undang-undang ini.

Saya berpendapat bahawa pindaan ini memang baik dan sebagai langkah di atas berlakunya pembocoran pada tahun 1983 yang lalu dalam kertas-kertas peperiksaan STPM maka Akta ini adalah satu jalar. bagi mengatasi supaya jangan berlakunya perkara ini berulang kali dan ada tindakan-tindakan yang wajar yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menyelesaikan amanah ini adalah satu masalah yang amat rumit kepada kita walau apa bentuk atau apa cara yang kita buat kalau mereka yang kita berikan tugas atau berikan amanah ini tidak mahu mematuhi dan mentaati peraturan-peraturan yang kita buat. Selagi kita bernama manusia dan manusia ini harus diikat dengan perundangan dan diikat dengan peraturan-peraturan maka dalam keadaan yang seperti itupun masih banyak penyelcwegian-penyelcwegian yang berlaku kerana kertas undang-undang yang sedang

dibahaskan sekarang ini adalah menekankan di atas sifat-sifat amanah yang harus diamalkan oleh mereka yang kita beri amanah dan kita tekankan supaya. mereka jangan melakukan penyelewengan.

Jadi saya suka menyentuh sedikit walaupun dalam seksyen 28 ini menyatakan di atas pembocoran yang dilakukan kepada kertas-kertas soalan dan draf-draf dan sebagainya tetapi saya masih memandang ada satu perkara yang paling hebat daripada ini iaitu penyelewengan-penyelcwegian yang dilakukan oleh pemeriksa-pemeriksa kertas peperiksaan.

Setahu saya beberapa ramai dilantik untuk memeriksa kertas-kertas peperiksaan ini sama ada di peringkat SRP, SPM ataupun STPM dan masa-masa yang diuntukkan kepada pemeriksa-pemeriksa ini terlalu singkat untuk diserahkan balik kertas-kertas jawapan yang telah ditashihkan ataupun yang telah diperiksa kepada ketua-ketua unit masing-masing.

Apa yang saya perhatikan masa yang begitu singkat dan kadangkala pemeriksa-pemeriksa kertas ini terlibat di dalam tugas hariari dan manakala tarikh yang diperuntukkan kepada mereka itu supaya menyerahkan balik kertas-kertas jawapan itu terlalu singkat maka pemeriksaan yang dilakukan tidak begitu teliti dan tidak begitu menepati.

Sebab itu agak saya sebagaimana yang dibayangkan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi tentang kertas peperiksaan Bahasa Malaysia yang memerlukan penelitian dan ketenangan di dalam memeriksa kertas-kertas ini tetapi kalau mereka yang diamanahkan memeriksa kertas-kertas yang seperti ini yang perlu dibaca iaitu kertas-kertas Bahasa Malaysia ataupun Kesusasteraan dan sebagainya perlu diteiti dan diamati. Oleh kerana kurangnya masa untuk digunakan pada kertas-kertas itu maka

tidak dapat dielakkan ada penyelewengan-penyelewengan dan kadang-kadang dia menilai dari segi tulisan kerana tulisannya baik dan teratur walau isinya di dalam itu tidak begitu baik dan teratur dan yang sepatutnya, tetapi oleh kerana tulisan itu baik maka pemertksa ini meletakkan markah yang lebih baik daripada kertas-kertas yang tulisannya yang kurang baik, tetapi isinya menepati sebagaimana dikehendaki oleh soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu langkah patut diadakan oleh pihak Kementerian iaitu pemeriksa-pemeriksa kertas ini sepatutnya diberikan kursus yang tertentu tidak boleh ditawarkan begitu sahaja untuk memeriksa kertas-kertas yang saya maksudkan tadi. Setakat yang saya faham dan saya tahu bahawa kursus-kursus kepada pemeriksa-pemeriksa kertas ini tidak begitu sungguh diberi, hanya kita berikan panduan jawapan dalam satu mesyuarat satu atau dua hari, kemudian kita serahkan beberapa timbunan kertas jawapan untuk diperiksa dalam masa yang saya katakan tadi. Oleh sebab itu harapan kita untuk melahirkan penuntut yang benar-benar baik di dalam memberikan jawapan ini mungkin ada penyelewengan kerana tidak jujurnya pemeriksa-pemeriksa ini menggunakan pena untuk memeriksa dalam suasana yang kurang aman, dalam suasana masa yang pendek maka terkorbanlah beberapa penuntut-penuntut yang terbaik.

Sebab itu pernah kedapatan murid yang selalunya kita dapati baik dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan sebagainya, yang saya maksudkan tadi di hari-hari peperiksaan yang diadakan dan di pihak sekolah dan sebagainya dan guru-guru menaruhkan harapan bahawa murid ini adalah murid yang baik dan Bahasa Malaysianya baik, Kesusasteraannya baik atau pelajaran agamanya baik. Sebab saya tengok

dalam kertas peperiksaan bagi jawapan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam terpaksa memberikan huraian yang panjang dan terpaksa memberikan penelitian yang begitu teliti, tetapi manakala dua calon yang kita kemukakan, satu calon daripada pihak yang mereka mendapat didikan agama secara tulin dan satu lagi penuntut yang mendapat pelajaran agama hanya satu matapelajaran itu sahaja, tetapi manakala penilaian yang kita dapat bahawa murid yang tidak mempelajari agama dengan secara tulin itu iebih baik keputusannya daripada calon-calon yang diberi didikan agama secara menyeluruh maka jawapannya tidak begitu memuaskan hati.

Jadi dengan sebab itu saya suka mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya pemeriksa-pemeriksa kertas-kertas yang seperti ini harus diberikan penelitian dan dibekalkan kertas-kertas semampu yang terdaya oleh mereka, tidak boleh diperuntukkan sampai 500 kertas calon untuk seorang pemeriksa sedangkan masa yang digunakan terlalu sedikit.

Saya perna mendapati beberapa orang pemeriksa kertas terpaksa menyudahkan pemeriksaannya sampai pukul 2 pagi atau pukul 3 pagi dan terpaksa membasahkan kepala dengan kain kerana panas. Jadi dengan sebab itu tindakan yang diperiksa daripada pukul 12 malam sampai pukul 3 pagi itu sudah tidak ada lagi ketenangan dan tidak ada lagi penelitian dan kadang-kadang dicuri oleh perasaan mengantuk tetapi penna berjalan untuk memberi markah kepada kertas tadi. Mereka yang menjadi mangsa kepada keadaan ini maka itulah agak saya dalam pemeriksaan kertas peperiksaan Bahasa Malaysia ini berlaku keadaan yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara ini sebahagian sahaja supaya ia dapat diberi penelitian

walaupun kita menekankan dalam Akta atau Rang Undang-undang kita ini pembocoran markah tetapi kita tidak mendedahkan kebocoran di dalam pemeriksaan kertas-kertas peperiksaan ini. Saya amat hairan dalam keadaan ini bertambah dari satu masa ke satu masa dan perbandingan yang saya buat tadi seumpama kertas peperiksaan Pengetahuan Agama Islam memang seialu kita dapati bahawa orang yang mendetil jawapan tidak dapat markah yang baik tetapi mereka yang menjawab dengan ringkas, dapat markah yang paling baik. Ini haruslah mendapat perhatian.

Jadi rasa saya cukup untuk saya menyatakan ini dan saya adalah menyokong Akta meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1980. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada lagi perbincangan, diminta Menteri yang berkenaan sila jawab.

3.53 *ptg.*

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Majlis ataupun Akta Majlis Peperiksaan Malaysia, 1985 (Pindaan) yang dibentangkan di sidang ini.

Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan begitu banyak hujah, namun didapati bahawa apa yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu memang dalam perhatian Kementerian. Namun demikian ada juga yang dikemukakan adalah tiada hubungan dengan Rang Undang-undang ini, dan ingin saya jelaskan bahawa Akta Majlis Peperiksaan Malaysia ataupun Majlis Peperiksaan Malaysia adalah satu badan yang diwujudkan untuk

mengendalikan Peperiksaan Tingkatan Enam (STPM), sedangkan perkara-perkara yang disentuh mengenai SPM, SRP dan sebagainya adalah jatuh di bawah kelolaan Lembaga Peperiksaan Malaysia yang juga di bawah jagaan dan kelolaan pihak Kementerian Pelajaran.

Namun demikian ingin saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa walaupun apa yang dikemukakan itu tidak ada hubungan dengan apa yang dibincangkan mengenai Akta (Pindaan) ini, namun pihak Kementerian berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas cadangan-cadangan, atas keluhan-keluhan, atas kemungkinan komplek-komplek yang telah dikemukakan, kerana maklumlah kita ini manusia biasa, seperti daam apa yang pernah dikatakan oleh Shakespeare, *to err is human, to forgive is divine.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Senator Nasir Manap, Yang Berhormat Senator Dato K. Kumaran, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar dan juga yang akhir sekali Yang Berhormat Senator Ibrahim Ujang yang telah dengan ikhlas mengemukakan hujah-hujah mereka mengenai apa yang sepatutnya dibuat oleh Kementerian Pelajaran atas kesedaran untuk memperbaiki mutu peperiksaan, untuk membaiki prestasi Majlis Peperiksaan Malaysia dan sebagainya.

Izinkan saya memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, hampir keseluruhan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap menyentuh mengenai perlunya pihak Kementerian mempertingkatkan prestasi Majlis Peperiksaan Malaysia dan juga disentuh pula mengenai Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Memanglah kita di pihak Kementerian sentiasa memandang berat akan prestasi majlis dan juga lembaga-lembaga ini kerana kita yang ditugaskan untuk menjaga perkara ini merasai bahawa sekiranya perkara-perkara yang tidak baik berlaku, ketidak licinan, ketidak lancar terhadap perjalanan aktiviti-aktiviti, kerja-kerja Majlis dan juga Lembaga-lembaga ini maka kitalah yang dipertanggungjawabkan, kita sentiasa dipersoalkan oleh pihak rakyat dan bukanlah senang untuk memuaskan kehendak begitu ramai ibubapa yang mengharapkan sesuatu yang berjalan dengan licin dan lancar oleh pihak Kementerian, yang mengharapkan sesuatu daripada anak-anak mereka. Jadi sebab itulah semua langkah-langkah yang kita ambil ialah bertujuan untuk menentukan supaya prestasi Majlis Peperiksaan Malaysia dan juga supaya prestasi Lembaga-lembaga Peperiksaan dan supaya perkara-perkara seperti yang disentuh iaitu yang berlaku dalam tahun 1983 tidak berulang lagi dan peristiwa pahit mengenai kebocoran yang begitu luas dipamirkan, dipublisitikan tidak berulang lagi. Jadi sebab itulah secara umumnya kita mengemukakan pindaan ini dan hendak mendapat sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan tujuan semata-mata untuk menentukan prestasi Majlis Peperiksaan Malaysia ini akan dapat kita perbaiki supaya peristiwa pahit tidak lagi berulang dan supaya semua ibubapa yang mengharapkan perjalanan peperiksaan yang licin dan lancar daripada pentadbiran Majlis Peperiksaan Malaysia yang mengendalikan kerja-kerja ini akan dapat memuaskan kehendak semua yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mengucapkan terima kasih atas pandangan serius oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian secara umumnya yang begitu memandang berat

terhadap kelicinan, kelancaran dan juga kebersihan, kecekapan semua yang terlibat di dalam mengendalikan kerja-kerja Majlis Peperiksaan Malaysia dan insya Allah kita sentiasa berusaha untuk menentukan yang Majlis ini akan berjalan dengan lancar dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, secara spesifik ingin saya sentuh mengenai apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Nasir Manap yang mahu semua kertas soalan digubal secara teliti dengan menggunakan istilah-istilah yang betul dan tepat. Dalam perkara ini suka saya menjelaskan bahawa tiap-tiap kertas soalan peperiksaan STPM disusun oleh seorang para akademik yang pakar dalam bidang yang berkenaan. Sebenarnya semasa Cambridge Examinations Syndicate mengendalikan peperiksaan STP dahulu, para akademik ini juga yang menyusun soalan-soalan tersebut. Dan oleh kerana kita tidak banyak menghadapi masalah mengenai kertas-kertas yang disediakan oleh para akademik itu dahulu, maka sudah tentulah mereka yang kita gunakan sekarang juga boleh mengendalikan kerja-kerja yang begitu rupa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggunaan istilah, suka saya menjelaskan bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia menggunakan istilah-istilah yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pihak sekolah telah diberitahu oleh Kementerian Pelajaran untuk menggunakan istilah-istilah ini. Buku-buku teks dan rujukan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang digunakan oleh murid-murid juga adalah menggunakan istilah-istilah yang berkenaan. Dengan itu jelas bahawa langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil supaya istilah yang tepat boleh kita gunakan dan telahpun kita gunakan.

Yang Berhormat Senator Dato K. Kumaran, yang banyak mengemukakan hujah-hujah, yang banyak menimbulkan perkara-perkara yang perlu dibuat oleh pihak Kementerian, walaupun seperti yang saya katakan tadi banyak daripadanya juga menyentuh mengenai bukan Majlis Peperiksaan Malaysia tetapi perkara-perkara di bawah jagaan Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator K. Kumaran mencadangkan supaya semua pengawas peperiksaan STPM diminta mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah atau Magistret supaya mereka menjalankan tanggungjawab yang diberi kepada mereka dengan jujur dan amanah. Ingin saya jelaskan bahawa dalam perkara ini, Majlis Peperiksaan Malaysia memang memberi keutamaan kepada soal memelihara keselamatan dan kesulitan peperiksaan STPM. Oleh itu yang dilantik untuk menjadi pengawas peperiksaan ialah pengawas-pengawas yang berkecuali iaitu mereka mengawas di pusat-pusat yang tidak terdapat saudara mereka mengambil peperiksaan dan pusat-pusat yang lain dari sekolah mereka sendiri. Pengawas-pengawas ini juga dikehendaki mengangkat sumpah selaras dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan. Dengan itu, tidaklah perlu mereka mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah atau Magistret.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendapat Yang Berhormat Senator Dato K. Kumaran juga bahawa denda yang diperuntukkan dalam seksyen 28 (c) tidak mencukupi dan di samping itu Yang Berhormat Senator Abdul Wahab pun menyentuh perkara ini di samping yang lain yang menyentuh sedikit-sedikit, ingin saya menyatakan bahawa denda itu ditetapkan mengikut keadaan sekarang. Saya percaya ia sudah mencukupi untuk menjadi

sebagai "deterrent", dengan izin, kepada sesiapa yang berminat hendak membocorkan kertas soalan pada masa hadapan. Sebenarnya apa yang kami bentangkan di sini ataupun kemukakan sebagai hasrat untuk meminda Akta ini adalah berasaskan kepada pertimbangan yang amat teliti dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran setelah mengambil kira berbagai-bagai faktor. Walau bagaimanapun, kita sentiasa meneliti perkara ini dari masa ke semasa. Maklumlah kita ini di suatu ketika mungkin tidak boleh membuat sesuatu itu dengan lengkap. Dan setelah kita mengalami ataupun mengumpul . pengalaman-pengalaman dari apa yang pernah kita lakukan dan kita sentiasa berusaha untuk mengubahsuaikan mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah yang perlu dalam perkara ini perlu saya sentuh ialah bukan hanya langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan itu, langkah-langkah yang diambil yang perlu. Yang perlu saya rasa ialah keikhlasan, kejujuran seluruh rakyat. Tidak seharusnya mereka mementingkan hak kehendak mereka sendiri. Kalau kita hanya memikirkan yang anak kita sahaja yang harus lulus, orang lain tidak perlu lulus, jadi ini mendorong kita berbuat perkara seperti ini. Yang perlu disedari oleh kita seluruh rakyat Malaysia ialah untuk mengamalkan sifat-sifat jujur, bertanggungjawab, bukan hanya kepada kita sendiri tetapi kepada orang lain kerana kalau kita berhasrat untuk membocorkan kertas ataupun tidak bertanggungjawab melakukan sesuatu yang akan membawa huru-hara terhadap seluruh negara maka bukan sahaja kita seorang yang menderita. Yang menderita ialah seluruh rakyat dan seluruh negara. Misal kata dalam tahun 1983 yang berlaku ialah kebocoran, jadi bukan sahaja yang membocorkan perkara itu mungkin menghadapi kesulitan. Yang menghadapi kesulitan ialah seluruh negara terpaksa anak-anak mereka itu

menduduki peperiksaan sekali lagi. Jadi, yang penting, saya rasa ialah kerjasama dari semua pihak untuk menentukan supaya perkara ini berjalan dengan lancar dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang disentuh ialah Yang Berhormat Senator K. Kumaran juga mencadangkan supaya kemerosotan keputusan STPM dalam beberapa matapelajaran diberi perhatian yang serius. Beliau juga mencadangkan supaya mutu bahasa Inggeris dikatakan di kalangan pelajar-pelajar kita ditingkatkan dan cara menyoal seperti soalan objektif itu ataupun dengan izin "objective question" ataupun "optional question" ataupun "multi-choice question", dikaji semula.

Ingin saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa kita ini perlu juga membuat sesuatu berasaskan kepada kehendak masa, kehendak keadaan. Masalah mengenai soalan multi-choice ini ialah berhubung rapat dengan tenaga-tenaga yang perlu memeriksa kertas-kertas itu. Memang kita ingin hendak mengadakan kertas-kertas yang perlu di soalan-soalan tulis-jawab oleh pelajar secara subjektif dengan bentuk karangan. Namun demikian, kalau kita buat macam itu, terpaksa kita mengambil banyak pemeriksa-pemeriksa dan perlu mereka itu makan masa yang begitu panjang, sedangkan jumlah pelajar-pelajar, candidates, dengan izin, calon menduduki peperiksaan itu makin hari makin bertambah.

Jadi, mungkin kalau kita gunakan cara itu, tiga empat bulan atau setahun mungkin tidak cukup untuk mereka memeriksa. Sebab itulah oleh kerana ada keadaan kita ini, jumlah murid-murid ataupun calon-calon menduduki peperiksaan begitu ramai, kemudian kita perlu cepat untuk memeriksa ini maka tidak ada jalan lain melainkan kita gunakan cara objektif dan dibantu juga dengan komputer yang

menentukan jawapan mana yang betul, jawapan mana yang salah. Jadi, dapatlah kita apabila murid-murid, calon-calon menduduki peperiksaan dalam bulan Oktober misal kata dapatlah kita mendengar keputusan dalam bulan Januari ataupun bulan Disember. Jadi, sudah tentu ini akan dapat diberitahu kepada calon-calon itu dengan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Ujang telah menyatakan penyelewengan ada dilakukan oleh pemeriksa kertas-kertas jawapan dan mereka ini mestilah dikaji semula. Mungkin saya ini silap, Haji Ibrahim Ujang.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ujang: Betul.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Alhamdulillah, dari jauh Tuan Yang di-Pertua, muka ini kadang-kadang silap. Tidak ada cermin mata itulah susah.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Ujang telah memperkatakan bahawa pemeriksa-pemeriksa kertas perlu kita kaji, perlu kita pilih yang betul-betul jujur, yang betul-betul berkaliber, yang betul-betul amanah, yang betul-betul konsisten. Kita manusia ini kadang-kadang tidak konsisten, hari ini lain kita punya penilaian, esok mungkin berubah penilaiannya lain, memang berlaku. Saya dahulu pun pernah menjadi pemeriksa kertas-kertas ini.

Sejauh mana yang saya ketahui walaupun sifat manusia begitu namun apabta diberi tugas kita berusaha untuk menjadi orang yang konsisten dalam apa yang kita lakukan. Sama jugalah dengan pemeriksa-pemeriksa ini, pihak Kementerian Pelajaran memang dalam memilih pemeriksa-pemeriksa ini, dalam melantik mereka kita mengambilkira banyak perkara

termasuklah pengalaman mereka itu, termasuk jugalah kejujuran, termasuk juga sumbangan-sumbangan mereka yang lepas dan termasuk juga pengalaman dalam memeriksa di masa lepas dan setelah mengambil kira semua ini kita pilih dan lantik mereka itu menjadi pemeriksa.

Saranan Ahli Yang Berhormat yang meminta pihak Kementerian Pelajaran untuk memanjangkan masa ataupun untuk mengurangkan kertas-kertas diberi kepada tiap-tiap pemeriksa itu, ini memang saya sanjung tinggi tetapi masalahnya kita ini kadang-kadang kekurangan duit. Yang memeriksa itu perlu juga kita beri sedikit-sedikit elaun macam Yang Berhormat juga, mungkin kalau tidak diberi elaun saya rasa sedikit-sedikit senyum pun kurang. Begitu jugalah pemeriksa-pemeriksa kita perlu beri sedikit elaun kepada mereka supaya dapat dijalankan kerja itu dengan lancar dan licin. Walaupun mereka tidak minta kita beri supaya senyuman mereka itu lebih lagi daripada masa biasa. Kita beri elaun, kita perlu wang. Kemudian jumlah itu kalau banyak sangat wang dibelanja perlu banyak. Yang satu lagi ialah kadangkala kalau kita beri sedikit sangat kepada seseorang itu mungkin perlu banyak pemeriksa-pemeriksa. Kalau banyak sangat mungkin masa itu perlu kita panjangkan dan kalau banyak sangat itu masalah kata Yang Berhormat ialah mungkin mereka itu tidak boleh mempertimbangkan dengan waras terpaksa tidur sampai pukul 2, pukul 3 pagi, kadang-kadang kalau dia lelaki isterinya marah—merajuk, kalau dia perempuan mungkin suaminya pun merajuk dan sebagainya. Kemudian bangun pagi anak dahulu bangun ibubapa belum bangun lagi. Jadi, ini kita ambil kira semuanya. Kita ambil kira seluruh faktor-faktor ini untuk menentukan pemeriksaan ke atas kertas-kertas ini boleh dijalankan dengan lancar dan licin supaya keputusan yang keluar nanti akan dapat memuaskan

perasaan, kehendak seluruh calon-calon yang menduduki peperiksaan tersebut.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajatah yang boleh saya perkatakan mengenai apa yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Abdul Wahab bin Abu Bakar juga tadi mengatakan kita mesti meminda Seksyen 26. Jadi, saya rasa oleh kerana kepada pihak Kementerian apa yang telah kita kemukakan itu saya rasa memadai dan saya fikir kita kekalkan seksyen itu tanpa dipinda sebab saya rasa yang terkandung dalam seksyen itu adalah bertujuan untuk kita mengetatkan, untuk menentukan supaya perjalanan aktiviti-aktiviti oleh pihak Majlis ini akan terkawal dan akan berjalan dengan lancar dan licin.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Akta ini. Insya Allah mana-mana komen, cadangan-cadangan, ulasan-ulasan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh dan tidak dapat diulas secara sepenuhnya, memuaskan akan juga diambil kira sama ada ianya menyentuh mengenai Akta ini ataupun mengenai tugas dan tanggungjawab agensi-agensi yang lain di bawah Kementerian saya. Insya Allah, kita akan ambil tindakan terhadap perkara-perkara yang disebutkan itu tadi. Saya rasa tidak ada lagi hendak dicakapkan, itu sahaja sekali lagi diucapkan terima kasih dan moga-moga apa-apa tindakan yang kita ambil ini akan melicinkan perjalanan Majlis Peperiksaan Maiaaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *memper-
negerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
4.16 ptg.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Puan Hajjah Rahmah binti Othman):**
Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1985 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Pada masa ini Lembaga Pelabuhan Kelang, Lembaga Pelabuhan Johor dan Lembaga Pelabuhan Kuantan adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Bagi menyesuaikan dengan dasar penswastan yang diumumkan oleh Kerajaan, adalah didapati bahawa beberapa perkara di dalam Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan perlu dipinda.

Pindaan-pindaan ini adalah dengan tujuan untuk membolehkan sesuatu aktiviti Pelabuhan dapat diurus dan dikendalikan oleh pihak swasta. Dalam hubungan ini, pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (1) Peruntukan subseksyen baru (2A) dalam Seksyen 3 adalah bertujuan membolehkan Lembaga-Lembaga Pelabuhan menubuhkan syarikat dan memiliki ekuiti dalam syarikat. Pindaan ini diadakan bagi membolehkan pihak Pelabuhan menyertai dalam rancangan penswastan itu.
- (2) Peruntukan seksyen baru 5A bertujuan membolehkan tanah pelabuhan dipajak kepada syarikat.
- (3) Peruntukan seksyen baru iaitu 16A adalah bagi membolehkan syarikat yang mengambilalih operasi atau aktiviti pelabuhan mengenakan kadar bayaran kepada mereka yang menggunakan perkhidmatannya. Selain dari itu syarikat juga boleh mengemukakan cadangan bagi meminda kadar bayaran.
- (4) Peruntukan baru Bahagian VIIB adalah untuk membolehkan Kerajaan mengambilalih pengendalian pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan jika timbul keadaan yang mengancam kedudukan ekonomi dan keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan, 1963. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1985 ini tidak melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.20 ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil masa sedikit bagi membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) yang mana saya ingin memanjangkan beberapa pertanyaan ataupun pendapat untuk diberi penjelasan semula oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Pada dasarnya saya sebenarnya menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang ini yang mana akan membolehkan pelabuhan-pelabuhan kita yang sedia ada di Johor, di Kelang dan di Kuantan agar dapat diswastakan. Perkara-perkara yang ingin saya tahu ialah pertamanya, apakah dasar-dasar Kerajaan yang mengutamakan Lembaga-Lembaga Pelabuhan ini untuk diswastakan dahulu daripada yang lain-lainnya.

Yang keduanya, setakat ini saya ingin tahu juga tentang prestasi ketiga-tiga buah pelabuhan yang sedia ada itu, adakah prestasinya nampaknya menguntungkan pihak yang mengendalikan ketiga-tiga buah pelabuhan itu ataupun sebaliknya, terutamanya berkenaan dengan Pelabuhan Kuantan yang mana kita dapat tahu bahawasanya ada banyak

masalah sehingga ke hari ini pun masih terdapat lagi cerita-cerita yang mana keadaan dan viability, dengan izin, Kuantan Port itu masih lagi menjadi tandatanya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan perkara yang tersebut.

Seperkara lagi tentang peruntukan subseksyen baru (2A) dalam Seksyen 3 yang bertujuan membolehkan Lembaga-lembaga Pelabuhan menubuhkan syarikat dan memiliki ekuiti dalam syarikat. Saya ingin juga bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang dasar Kerajaan berapa banyakkah ekuiti yang akan dipegang oleh pihak Lembaga ataupun Kerajaan dalam syarikat-syarikat yang bakal ditubuhkan oleh suatu kumpulan ataupun suatu joint-venture di antara pihak Kerajaan dengan pihak swasta. Kita perlu tahu juga oleh kerana ada peruntukan lain pula yang baru dalam Bahagian VIIB yang mana pihak Kerajaan boleh mengambil balik pengendalian pelabuhan-pelabuhan yang berkenaan yang telah pun diswastakan sekiranya timbul keadaan-keadaan yang mengancam kedudukan ekonomi dan keselamatan awam.

Dengan adanya peruntukan yang terakhir ini nampaknya dalam keadaan untuk kita bagi pihak Kerajaan mempunyai ekuiti dalam syarikat yang bakal ditubuhkan itu, tidak perlulah pihak Kerajaan mempunyai ekuiti yang majoriti ataupun yang menguasai syarikat-syarikat yang bakal ditubuhkan, memadai pada pendapat saya Kerajaan hanya mempunyai mungkin setakat 30% dalam ekuiti syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh kerana ini akan dapat menjimatkan lagi wang Kerajaan yang mana boleh digunakan bagi membangunkan pula lain-lain bidang bagi mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi mahupun prestasi pendapatan rakyat keseluruhannya.

Saya fikir lebih baik ekuiti yang lebih diberikan kepada pihak swasta agar dapat pihak swasta sama-sama menyumbangkan tenaga, wang ringgit dan kepakaran mereka dengan pihak Kerajaan bagi membangunkan negara ini sebagai rakan kongsi yang benar-benar berkeupayaan, yang benar-benar tulus yang kita harap-harapkan dalam Dasar Penswastaan. Oleh kerana biasanya pihak swasta lebih berpengalaman, lebih praktikal dan lebih profit conscious, dengan izin, dalam mereka menentukan cara-cara sesebuah syarikat itu dikendalikan dan juga dengan cara-cara mereka menentukan strateginya bagi mengendalikan mana-mana syarikat yang dikendalikan.

Itu sebab mengapa saya ingin mengesyorkan agar ekuiti yang majoriti itu diberikan kepada pihak swasta oleh kerana pada pengalaman kita biasanya kalau sekiranya pihak Kerajaan yang menjadi pemegang saham yang terbanyak, yang menjadi controlling majority, maklum sahajalah dengan kesibukan pegawai-pegawai Kerajaan dan juga dengan perasaan-perasaan yang tidak berdasarkan persaingan dalam dunia perniagaan, maka terdapat beberapa kelemahan yang mana kita semua maklum dan pernah kita tahu dan pernah kita lihat banyak agensi-agensi Kerajaan yang tidak dapat menghasilkan keuntungan yang baik.

Itu sebab mengapa saya ingin mengesyorkan dan menekankan agar ekuiti yang baik, yang banyak, yang majoriti itu diberikan kepada pihak swasta agar keuntungan pelabuhan itu akan dapat lebih dijamin oleh kerana pihak swasta telah melaburkan berpuluh-puluh juta ringgit Malaysia, mungkin, dalam usaha-usaha untuk menubuhkan syarikat pelabuhan ini tentu sekali ingin melihatkan agar pelabuhan mereka itu akan dapat dikaup balik secepat mungkin. Maka dengan hasrat itu mereka akan

menentukan perjalanan pentadbiran syarikat ditentukan berjalan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak Kerajaan mengamalkan dasar ataupun sikap sanggup memberi peranan yang lebih penting, yang lebih besar lagi kepada pihak swasta, saya lebih yakin dan percaya bukan sahaja Dasar Penswastaan itu dapat kita jayakan bahkan juga prestasi dan keadaan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada ini akan dapat diperbaiki lagi.

Dengan ini saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan yang baru tadi dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

4.29 ptg.

Puan Hafshah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan, 1963 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sekejap tadi. Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya Akta tersebut dipinda memandangkan Akta yang sedia ada telah diperbuat atau dikuatkuasakan sejak tahun 1963 lagi.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai metnpengerusikan Mesyuarat).

Mengenai subseksyen baru (2A), dengan kelulusan Menteri Pengangkutan dan Menteri Kewangan dapatlah pihak Lembaga Pelabuhan menceburi apa-apa jua bidang urusniaga, sama ada orang perseorangan atau juga syarikat-syarikat, pada pandangan saya amatlah baik sekali yang mana dapat memberi peluang kepada Lembaga Pelabuhan menjalankan aktiviti-aktiviti yang menguntungkan dengan pemulangan balik kos pembangunan, pembinaan dan lain-lain kos ke atas sesuatu atau mana-mana pelabuhan akan lebih

terjamin. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan beban belanjawan pihak Kerajaan. Begitu juga di atas Fasal 3 yang membolehkan Persekutuan menjalankan tanah yang telah dilupuskan oleh pihak Lembaga Pelabuhan ini akan memberi peluang kepada Kerajaan untuk melaksanakan sebarang perancangan negara dengan lebih berkesan dan dengan lebih licin lagi.

Mengenai Fasal 5 pula, adalah wajar sekali Perdana Menteri atau pegawai-pegawai yang tertentu diberi kuasa di dalam hal berlakunya darurat awam. Ini akan memberi jaminan yang lebih baik ke atas harta benda dan juga nyawa orang-orang awam. Di samping alasan-alasan yang telah disebutkan itu, maka dengan ini saya menyokong penuh Akta Lembaga Pelabuhan yang telah dibentangkan tadi. Sekian terima kasih.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Mesyuarat).

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap? Kalau tiada, saya mempersilakan Timbalan Menteri yang berkenaan untuk menjawab.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat daripada Perak dan Kelantan yang telah menunjukkan minat mereka dengan membahas dan membincangkan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) yang telah saya bentangkan sebentar tadi dengan mengemukakan beberapa pertanyaan.

Sebenarnya untuk menjawab soalan ataupun pertanyaan yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi, sukalah saya menyatakan bahawa satu daripada

perkara yang perlu saya sebutkan kenapa kita mendatangkan pindaan kepada Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan ini ialah kerana kita hendak meningkatkan prestasi dari segi pertumbuhan dan produktiviti di pelabuhan-pelabuhan di seluruh negara ini.

Sukalah saya sebutkan misalnya di Pelabuhan Kelang, prestasinya begitu baik tetapi Kerajaan memikirkan dengan penswastaan ini prestasinya akan lebih baik lagi. Umpamanya, bagi tahun 1984, Lembaga Pelabuhan Kelang telah dapat mengendalikan kira-kira 235,000 TEUS-container boxes, dengan izin, tetapi dengan penswastaan ini kita jangka akan dapat meningkat kepada 350,000 container boxes pada tahun 1990. Begitu juga dengan Johor. Kargo bagi kedua-dua pelabuhan ini telah bertambah lebih daripada 10% dan mencapai keuntungan.

Menyebut berkenaan dengan Kuantan, Yang Berhormat sedia maklum. Kuantan ini walaupun kita telah mula operasinya pada tahun 1982, nampaknya ada sedikit masalah yang timbul sebelum pada-itu. Dengan keretakan pelabuhan itu, maka ianya menghadapi sedikit kekurangan dari segi prestasi pertumbuhan perjalanan dan perniagaan di pelabuhan itu. Walau bagaimanapun, kita mendatangkan pindaan kepada Rang Undang-undang ini adalah bagi membolehkan supaya ianya meningkat terus sehingga pada satu masa kalau kita dapat menguasai perjalanan dan setanding dengan pelabuhan-pelabuhan di dunia.

Dasar penswastaan adalah untuk mengurangkan beban Kerajaan. Maka dengan adanya usaha Kerajaan menswastakan pelabuhan ini akan mengurangkan kos pentadbiran Kerajaan di pelabuhan-pelabuhan. Menyentuh berkenaan dengan Peruntukan 7B ialah untuk menjamin

keselamatan negara kerana memahdangkan pelabuhan ini adalah merupakan sesuatu yang amat mustahak, sesuatu yang amat penting untuk meningkatkan ekonomi di samping itu memberi jaminan kepada rakyat di negara ini terutama sekali kepada pekerja-pekerjanya dapat memberikan jaminan dan negara dapat meningkatkan pertumbuhan ekonominya.

Berhubung dengan saham ataupun akuiti, pandangan Yang Berhormat tadi supaya Kerajaan tidak mengambil ekuiti yang terbesar dan sebagainya, sebenarnya saya telah sebutkan sewaktu membentangkan pindaan-pindaan ini dengan tujuan ialah persediaan supaya dalam masa Kerajaan melibatkan diri sepenuhnya dalam penswastan ini, ia dapat menimbangkan semua cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan:

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Jawatankuasa).

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN PIHAK-PIHAK
BERKUASA BERKANUN DAN
TEMPATAN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.38 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pecen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dibaca kali kedua sekarang.

Akta ibu iaitu Akta Pecen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 yang dicadangkan dipinda ialah pindaan kepada seksyen 13 bagi memperluaskan pemakaiannya bukan sahaja bagi pertumbuhan perniagaan di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung ataupun tidak langsung tetapi juga bagi membolehkan pegawai tetap bersara atas sebab penswastan.

Seksyen 13 Akta Pecen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 membolehkan seseorang pegawai berpencen dalam Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang belum meningkat umur 50 tahun bagi lelaki dan 45 tahun bagi wanita dipersarakan untuk berkhidmat dalam syarikat perniagaan di mana Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan atau mana-mana pertumbuhan antarabangsa di mana Malaysia menjadi anggotanya. Perlantikan ke syarikat perniagaan atau pertumbuhan antarabangsa hendaklah dibuat oleh/atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Dalam hal persaraan ini pencen dan ganjaran adalah dihitung berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gaji akhir yang diterima sebelum meninggalkan perkhidmatannya, akan tetapi faedah persaraan ini akan ditangguhkan bayarannya sehingga pegawai berkenaan mencapai 50 tahun atau 45 tahun bagi wanita.

Dalam hal kematian sebelum mencapai umur 50 tahun, bayaran akan dibuat kepada tanggungannya berkuatkuasa sehari selepas kematiannya.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan Kerajaan yang dimaksudkan dalam Seksyen 13 telah ditetapkan sebagai kepentingan yang nyata dan secara langsung dan peruntukan yang ada sekarang adalah terlalu sempit dalam pemakaiannya dan ianya tidak boleh dipakai bagi perlantikan untuk berkhidmat dengan mana-mana pertubuhan yang Kerajaan tidak terlibat secara langsung tetapi menerusi badan-badan yang ditubuhkan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 13 adalah seperti berikut:

(a) *Keluasan Seksyen 13—*

Ungkapan yang berbunyi "dalam mana Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan" adalah dikeluarkan. Perkataan "perniagaan" selepas perkataan "pertubuhan" juga dikeluarkan supaya persaraan tidak dihadkan hanya kepada pertubuhan perniagaan selain daripada pertubuhan antarabangsa seperti yang terdapat sekarang. Persaraan boleh dilakukan apabila seseorang pegawai yang sedang berkhidmat diperlukan oleh pertubuhan lain seperti Universiti Islam Antarabangsa.

Dengan keluasan pemakaian seksyen ini mana-mana pihak tidak perlu bimbang ke atas kemungkinan menyalahgunakan peruntukan. Ini bagi mempersarakan seseorang pegawai untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan. Ini adalah kerana kawalan rapi akan dibuat dan hanya pegawai yang dilantik oleh/atau dilantik dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan sahaja boleh dipersarakan.

(b) *Kelayakan Untuk Faedah Persaraan—*

Dengan pindaan kepada Seksyen 13, adalah dicadangkan supaya pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan tetap tetapi belum diberi taraf berpencen yang dipersarakan atas pengswastaan disifatkan sebagai pegawai berpencen. Dalam hal ini mereka layak menerima pencen sebanyak 1/5 daripada gaji akhir yang dikira seperti yang diperuntukkan sekarang iaitu seperti pegawai yang telah disahkan dalam jawatan yang dikehendaki bersara atas sebab kesihatan atau kepada tanggungan pegawai yang mati dalam perkhidmatan sebelum diberi taraf berpencen.

(c) *Syarat-syarat Pembayaran—*

Seseorang pegawai yang telah diluluskan persaraan di bawah Seksyen 13 hendaklah berkhidmat dalam pertubuhan atau anak syarikatnya bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun ataupun sehingga meningkat umur persaraan pilihan sendiri. Bagi pegawai wanita umur persaraan pilihan sendiri ialah 45 tahun manakala bagi pegawai lelaki ialah 50 tahun. Syarat ini digunakan untuk memastikan bahawa

pegawai berkenaan akan menyumbangkan perkhidmatannya kepada pertubuhan berkenaan dan persaraan melalui Seksyen ini tidak akan digunakan sebagai satu cara keluar dari perkhidmatan Kerajaan tanpa menggugurkan kelayakan kepada faedah persaraan. Syarat untuk berkhidmat selama 5 tahun telah ditetapkan bagi pegawai yang dipersarakan demi kepentingan negara. Bagi seseorang yang mana perkhidmatannya ditamat oleh pertubuhan atas sebab kesihatan adalah dicadangkan supaya bayaran faedah persaraan diuruskan kepadanya walaupun masih belum meningkat umur persaraan pilihan sendiri. Faedah persaraan itu akan juga dibuat walaupun belum mencapai umur 50 tahun apabila perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan atas langkah syarikat berkenaan mengurangkan perbelanjaan. Ini disebabkan penamatan perkhidmatannya dalam pertubuhan berkenaan bukan merupakan atas kehendak diri sendiri tetapi oleh sebab kehendak syarikat dalam keadaan yang tertentu.

(d) *Perkiraan Faedah Persaraan—*

Pencen dan ganjaran adalah dikira berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan Kerajaan dan gaji akhir yang telah diterima.

Dalam usaha meminda Seksyen 13 persoalan yang timbul ialah mengenai tempoh perkhidmatan seseorang pekerja yang akan diambil kira bagi faedah pencen dan ganjaran.

Bagi mreka yang bersara atas sebab pengswastaan dan ditawarkan gaji serta syarat-syarat perkhidmatan

Kerajaan tidak melebihi dua tahun adalah dicadangkan diambil kira. Pada hakikatnya apabila berkhidmat dengan pihak swasta pekerja berkenaan telah terputus tarafnya sebagai pekerja Badan Berkanun atau Kuasa Tempatan. Ini bermakna bahawa persaraan seseorang pekerja adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dilantik oleh pihak swasta tetapi tempoh perkhidmatannya atas gaji dan syarat perkhidmatan Kerajaan boleh diambil kira.

Penentuan gaji akhir bukanlah berdasarkan gaji pada masa ia meninggalkan perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan tetapi gaji pada akhir sebelum diberi tanggagaji pihak swasta. Oleh itu tafsiran gaji akhir dan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira hendaklah diubahsuai. Walau bagaimanapun, swasta adalah dikehendaki membayar caruman atas kadar tujuh belas setengah peratus dari gaji pekerja berkenaan bagi menampung kos pencen selama tempoh perkhidmatan di pihak swasta yang akan diambil kira bagi maksud bayaran pencen dan ganjaran. Kuasa untuk meluluskan persaraan di-bawah Seksyen 13 adalah tertakluk di bawah Kerajaan Persekutuan dan kuasanya dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi di dalam kes organisasi di mana pegawai tetap dan berpencen dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan dicadangkan supaya kelulusan am dan menyeluruh diberi apabila dan bila-bila masa Kerajaan membuat keputusan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengulangi bahawa segala pindaan yang dicadangkan kepada Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 iaitu pindaan kepada Seksyen 13 adalah bagi memperluaskan pemakaiannya bukan sahaja bagi pertubuhan perniagaan tetapi juga untuk membolehkan

pegawai letap dan berpencen dilantik ke sebarang organisasi di mana Kerajaan mempunyai kepentingan negara secara langsung atau tidak langsung. Sekian.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa" Berkanun dan Tempatan 1980, dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.48 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengalu-alukan suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar huraian yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan pindaan ini sebentar tadi, saya nampak bahawa ini adalah satu peluang keemasan yang diberi oleh Kerajaan kepada kakitangan berkanun dan tempatan yang mempunyai kaliber yang tinggi dan daya usaha dan daya pengeluaran yang baik untuk dibawa dan untuk dipindah daripada Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan kepada mana-mana satu agensi atau organisasi yang Kerajaan memikirkan untuk meningkatkan lagi prestasi perkembangan dan pembangunan negara sama ada dalam apa bidang sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan yang kita akan pinda di dalam beberapa Seksyen tertentu ini adalah untuk kepentingan negara

dengan kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentukannya. Kerana sekarang ini banyak rakyat kita ada di dalam golongan rakyat kita yang mempunyai satu-satu kelebihan dalam satu-satu bidang tetapi ianya takut-takut hendak meninggalkan bidang ataupun keadaan yang ada padanya pada hari ini untuk dibawa atau dipindah kepada mana-mana organisasi baru kerana faedah-faedah pencen ataupun ganjaran yang dikhuatiri akan hilang.

Jadi dengan adanya pindaan ini membolehkan seseorang itu tidak akan hilang faedah-faedah persaraan dan ganjarannya, maka kita mengalu-alukan pindaan kepada Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan ini supaya diluluskan untuk kepentingan negara. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai satu masalah yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana dengan seseorang yang diminta oleh pihak yang berkuasa atau pihak Perdana Menteri untuk meletakkan jawatan bertanding dalam pilihanraya, kemudian di dalam pertandingan pilihanraya itu ianya sebagai calon Kerajaan, tetapi dia kalah, sedangkan dianya belum masuk ke taraf umur 50 tahun bagi lelaki atau 45 tahun bagi wanita untuk mendapat pencen dan garijan di dalam perkhidmatannya. Jadi ini sepatutnya difikirkan oleh pihak yang berkuasa, oleh pihak Kerajaan kerana orang yang terlibat ini dikehendaki bertanding dalam pilihanraya sebagai calon Kerajaan adalah untuk kepentingan negara, untuk kepentingan parti.

Adakah orang yang seperti ini akan diberi peluang untuk mendapatkan pencennya atau ganjarannya sewaktu ianya berkhidmat dengan Kerajaan dalam Jabatan Kerajaan berbelas-belas atau 20 tahun, kemudian sewaktu umurnya belum meningkat 50 tahun bagi lelaki dan belum meningkat 45

tahun kepada wanita, diminta untuk meletakkan jawatan. Sungguhpun di dalam surat perletakan jawatan itu tidak dikatakan untuk kepentingan negara hanya: Saya meletakkan jawatan dengan notis 24 jam dan membayar gaji sebulan. Tetapi hakikatnya perletakan jawatan itu ialah dengan kehendak kepentingan negara, kehendak ketua parti yang memerintah untuk ianya bertanding, ini melibatkan beberapa kes yang sepatutnya difikirkan untuk kebajikan mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memikirkan bahawa pengswastaan ini juga memerlukan kepada orang-orang yang memahami perjalanan Badan-badan Berkanun dan Tempatan, jadi ada eloknya orang-orang yang mempunyai pengalaman di dalam Badan-badan Berkanun dan Tempatan ini dipindahkan ke pihak swasta dalam dasar pengswastaan kita supaya tidak akan berlaku dinding-dinding pemisah untuk mempercepatkan lagi usaha-usaha Kerajaan di dalam pengswastaan, di dalam satu-satu pertubuhan atau dalam satu-satu tujuan Kerajaan untuk lebih cepat lagi melaksanakan dasar pengswastaan ini. Namun demikian, apa yang kita perlukan ialah di dalam melaksanakan pindaan ini nanti, mereka yang benar-benar mempunyai keyakinan kepada dirinya dan mereka yang benar-benar mempunyai kesanggupan di dalam melaksanakan dasar Kerajaan diberikan peluang ini. Kita tidak mahu peluang ini hanya diberikan sekadar kepada mereka yang sudah penat atau sudah jemu di dalam Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang ingin melepaskan diri daripada beban fail yang banyak untuk lari kepada pihak swasta, kepada syarikat misalannya sama ada dalam negeri atau antarabangsa yang Kerajaan ada mempunyai kepentingan di dalamnya, maka dia dapat peluang untuk melepaskan beban ini kepada satu bidang baru yang akan diterokai.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pindaan Akta ini akan mendatangkan kebagusan kepada negara, kepada rakyat dan kepada mereka yang terlibat. Maka dengan ini saya menyokong untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) yang dibentangkan tadi. Terima kasih.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab jika tidak ada bahas.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom di atas penerangan, pandangan dan syor yang telah diberikan mengenai dengan cadangan pindaan undang-undang ini.

Saya sedar bahawa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu adalah merupakan satu bahagian daripada masalah-masalah yang difikirkan oleh semua pihak dan saya percaya perkara itu akan diberikan atau dibuat penyelidikan secara lebih mendalam untuk mengelak daripada beberapa implikasi yang mungkin timbul dalam pindaan terhadap sebarang undang-undang yang dibuat.

Persaraan di bawah seksyen 13 Akta Pencen Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 hanya untuk membolehkan seseorang pekerja berkhidmat di mana-mana organisasi sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan. Itulah maksud daripada cadangan ini.

Saya percaya dalam masa-masa yang akan datang bagi sebuah masyarakat Malaysia yang sentiasa berkembang ini, mungkin banyak perkara-perkara yang timbul dari satu masa ke satu masa yang saya percaya kita memerlukan kepada kajian yang mendalam sebelum daripada kita membuat keputusan yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada perkara ini adalah perkara yang jelas dan penting untuk dibuat pindaan, maka saya fikir tidaklah perlu lagi saya menegaskan perkara yang sudah begitu jelas dan penting ini.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLEUM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
5.00ptg.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974 dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini tidaklah rumit dan ia mudah difahami dan, walau bagaimanapun, ia tidak bermaksud hendak menimbulkan sebarang kontravensi. Perbadanan yang digelar Petroleum Nasional Berhad atau, dengan nama ringkasnya, PETRONAS yang disebutkan dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965- Peruntukan yang nyata telah dibuat di dalam Seksyen 21 Akta Kemajuan Petroleum 1974 berkenaan dengan penubuhan sebuah Perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965. Jelaslah dari mula-mula lagi yang Parlimen bermaksud supaya PETRONAS dikawal selia, bukan sahaja oleh peruntukan-peruntukan Akta Kemajuan Petroleum 1974, bahkan juga oleh peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan seterusnya oleh peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya. Peruntukan-peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 yang tidak dikehendaki dipakai baginya hanyalah perkara-perkara yang berkenaan dengan penggunaan perkataan "Nasional" bagi nama perbadanan itu dan lagi berkenaan dengan kuasa-kuasa Perdana Menteri untuk mengeluarkan arahan-arahan yang mengikati Perbadanan.

Dengan demikian, Seksyen 3 Akta Kemajuan Petroleum, 1974 dengan khususnya memperuntukkan seperti berikut:

3. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Seksyen 22 Akta Syarikat, 1965 berhubung dengan nama-nama syarikat, Perbadanan itu hendaklah dinamakan Petroleum Nasional Berhad, atau ringkasnya PETRONAS.

(2) Pertubuhan itu hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Perdana Menteri, dan Perdana Menteri boleh, dari semasa ke semasa mengeluarkan

apa-apa arahan yang difikirkannya patut. Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berlawanan, Perbadanan itu hendaklah terikat kepada arahan yang dikeluarkan sedemikian.

Selain dari dua perkara yang tersebut di atas tadi, Tuan Yang di-Pertua, di mana peruntukan-peruntukan Akta Kemajuan Petroleum, 1974 hendaklah mengatasi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan tidaklah pernah dimaksudkan oleh Parlimen semasa mengkanunkan Akta Kemajuan Petroleum, 1974 untuk membataskan aktiviti-aktiviti PETRONAS mengikut bidang Akta itu pada menjalankan kuasa-kuasa yang ada padanya di bawah Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, semasa perdebatan pada peringkat Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum, 1974 dalam Dewan yang mulia ini pada 24hb dan 25hb Julai, 1974 dahulu, ramai dari Ahli-ahli Yang Berhormat menyambut baik penubuhan PETRONAS di bawah Akta Syarikat, 1965 dan mengakui bahawa bidang kendaliannya itu lebih luas lagi daripada Perbadanan-perbadanan lain yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang tertentu.

PETRONAS ialah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965. Tidak ada perbezaannya antara PETRONAS sebagai sebuah syarikat yang didaftarkan sebagai sedemikian dengan mana-mana syarikat lain yang didaftarkan serupa itu. Sepertimana sebuah syarikat, PETRONAS boleh melakukan apa jua yang dibenar dilakukan oleh Memorandum dan Perkara-perkara Persatuannya dan oleh yang demikian ia mempunyai dan

menikmati segala hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah sesebuah syarikat.

Akta Kemajuan Petroleum, 1974 tidaklah bermaksud untuk menyekat atau menggariskan skop hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah itu. Oleh yang demikian, maksudnya daripada Rang Undang-undang ini ialah untuk menghapuskan sama sekali sebarang keraguan tentang kuasa-kuasa yang dipunyai dan dinikmati oleh PETRONAS selain dari hak, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang dipunyai dan dinikmatinya dan, yang sentiasa dipunyai dan dinikmati, samalah juga dengan apa yang mungkin dipunyai dan dinikmati oleh mana-mana syarikat lain yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965.

Pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Kemajuan Petroleum, 1974 adalah dikehendaki supaya berkuatkuasa kebelakangan. Ini adalah logik disebabkan PETRONAS telah pun mempunyai kuasa-kuasa ini sejak mula-mula ditubuhkan lagi. Jika dibuat peruntukan yang selainnya, maka ia akan mengurangi konsep sifat kuasa-kuasa PETRONAS yang luas sebagaimana yang telah diharapkan oleh Parlimen pada mula-mula lagi.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Tajuk Panjang kepada Akta Kemajuan Petroleum, 1974 untuk memperuntukkan di dalamnya suatu sebutan mengenai kuasa-kuasa PETRONAS..

Fasal 3 memasukkan seksyen baru 3A kepada Akta Kemajuan Petroleum, 1974. Subseksyen (1) dalam seksyen itu memperuntukkan bahawa PETRONAS hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil alih atau memperolehi melalui perjanjian, penyerah-hakan, pembelian atau dengan apa jua cara lain keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada

apa jua pengusahaan perdagangan, perniagaan atau enterpris dalam apa jua bentuk kepunyaan mana-mana orang atau kumpulan orang (diperbadankan atau tak diperbadankan) dan menjalankan atau melibatkan diri dalam apa jua aktiviti sama ada yang disebutkan dalam Akta Kemajuan Petroleum, 1974 ataupun tidak yang sebelum pengambilan alih atau pemerolehan itu telah dijalankan oleh, dan bagi maksud, pengusahaan, perniagaan atau enterpris itu.

Subseksyen (2) dalam seksyen itu pula menetapkan bahawa kuasa-kuasa yang diberi kepada PETRONAS di bawah subseksyen (1) adalah sebagai tambahan kepada dan bukannya mengurangkan kuasa-kuasa yang lain dan juga hak, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang diberikan kepadanya oleh Akta Kemajuan Petroleum, 1974 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Ini difikirkan perlu untuk membolehkan PETRONAS memainkan peranannya dalam memaju dan membangunkan negara selaras dengan hasrat Parlimen yang disuarakan semasa meluluskan Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum dalam tahun 1974 dahulu.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini ialah suatu peruntukan akuan yang bermaksud hendak mengelakkan sebarang keraguan tentang pemakaian Akta Kemajuan Petroleum, 1974 untuk membolehkan mereka yang terlibat dengan hal ehwal PETRONAS supaya lebih berkebolehan untuk menguatkuasakan Akta itu sebagaimana yang diharap-harapkan oleh Parlimen tanpa gangguan daripada setengah-setengah orang yang menyusahkan, yang suka sibuk hendak meramalkan niat Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga hendak menghuraikan perkara ini dengan lebih lanjut lagi, tetapi oleh

kerana tindakan telah dibawa dalam Mahkamah untuk mencabar kesahihan perjalanan kuasa-kuasanya oleh PETRONAS, maka saya tersekat oleh Peraturan Mesyuarat 35 (2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan yang mulia ini dari berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum, 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat.

5.09ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil masa sedikit bagi membahaskan Suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum, 1974 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hanya ingin mengambil peluang ini untuk membawa satu perkara sahaja yang mana saya fikir amat penting sekali bagi pihak kita menjelaskan sejelas-jelasnya, sedalam-dalamnya kepada umum oleh kerana selepas sahaja Rang Undang-undang ini dibentang dalam Dewan Rakyat pada bulan yang sudah banyak timbul cerita-cerita, berita-berita baik di dalam mahupun di luar negeri tentang kewibawaan pemimpin negara kita dalam membawa Rang Undang-undang ini konon-kononnya telah pun melanggar dasar-dasar ataupun peraturan-peraturan yang tertentu.

Mereka mengatakan bahawasanya pembentangan Rang Undang-undang ini oleh pihak Kerajaan adalah merupakan satu perkara, dengan izin, sub judice, justeru itu telah pun

menyalahi Peraturan Mesyuarat 36 (2) [Dewan Rakyat]. Ini bersabit dengan suatu kes yang masih lagi berjalan di mahkamah yang mana telah pun ditangguhkan kepada 22hb Julai, 1985, satu kes mahkamah yang dibawa oleh seorang yang bernama K. C. Cheah terhadap Kerajaan dan PETRONAS dalam Kes 254/84 yang mana mendakwakan bahawa Kerajaan telah pun bersalah melalui PETRONAS setelah mengambilalih ekuiti majority dalam Bank Bumiputra di mana ini melanggar syarat-syarat yang ditentukan oleh Petroleum Development Act 1974 dan juga yang mana suatu deklarasi bagi membeli ataupun mengambilalih sebanyak lebihkurang M\$2.5 billion sebagai wang-wang yang terhutang kepada Bank Bumiputra oleh PETRONAS juga melanggar Petroleum Development Act -1974, di antara beberapa perkara yang telah pun dibawa oleh K. C. Cheah ini terhadap PETRONAS dan Kerajaan.

Saya fikir pihak Kerajaan perlu mengambil suatu daya usaha bagi menjelaskan dan menerangkan keadaan ini agar rakyat seluruh negara malah semua orang baik dalam mahupun di luar negeri faham dan tahu sebenarnya mengapa Rang Undang-undang ini perlu dibawa ke dalam kedua buah Dewan yang mulia ini.

Saya sebenarnya dan sesungguhnya menyokong dasar Kerajaan dan PETRONAS bagi mengubahsuai dan meminda segala dasar-dasar bagi membangunkan negara. Itu kita tak persoalkan. Yang pentingnya yang perlu dijelaskan di sini dan pihak Kerajaan perlu saya fikirkan agar tohmahan dan prasangka di khalayak ramai ini dapat dihentikan buat selama-lamanya tentang pertikaian kewibawaan Kerajaan dalam membawa pindaan Rang Undang-undang Akta Kemajuan Petroleum 1974 ini.

Walaupun seperti yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pihak beliau terikat dengan beberapa syarat ataupun peruntukan tetapi dalam Dewan yang mulia ini saya fikir pihak Kerajaan boleh sekurang-kurangnya menerangkan kepada pihak kami sebagai ahli-ahli Dewan untuk memahami sedalam-dalamnya, seluas-luasnya tentang mengapa Rang Undang-undang ini dibawa sekarang ini agar dapat pihak kami meneruskan penjelasan dan penerangan kepada umum selepas mendengar penjelasan-penjelasan yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya tidak ada hajat untuk berucap lebih daripada itu, hanya itu sahaja keinginan dan harapan saya agar mendapat seluas-tuas penerangan dan penjelasan berkenaan dengan kontroversi yang telah timbul bersabit dengan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

5.14ptg.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan) ini. Saya dapat menyedari kepentingan awam yang membawa kepada pindaan yang dicadangkan ini.

Pindaan-pindaan undang-undang yang retrospective, dengan izin, pada biasanya adalah satu yang harus tidak digalakkan. Tindakan seperti itu biasanya merupakan bad law, dengan izin, khasnya jika pindaan itu menjejaskan hak keistimewaan atau harta dan keuntungan orang ramai atau sebahagian daripadanya.

Akta-akta yang dirangkakan harus difikir sedalam-dalamnya pada awal juga untuk mengelakkan daripada kejadian seperti itu. Tetapi dalam keadaan-keadaan yang tertentu sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab harus juga

mempunyai hak untuk menjelaskan syarat-syarat yang tidak begitu jelas dan membawa kepada keraguan atau syak. Apabila ternampak kelemahan dalam aspek-aspek tertentu dalam satu-satu Akta Kerajaan saya merasa mempunyai kewajiban untuk membetulkannya supaya melindungi kepentingan awam (public interest). Tindakan seperti itu sering berlaku di negara-negara yang maju juga dan tindakan itu dipertahankan dari segi kepentingan awam.

Dalam pindaan ini saya tidak nampak pihak sesiapa pun yang akan terjejas haknya dengan berkuatkuasanya pindaan yang retrospective ini. Tidak siapa yang akan rugi atau dihaiang dengan penerimaan pindaan ini yang sebenarnya bertujuan memberrsegala kuasa syarikat-syarikat biasa yang lain kepada PETRONAS. Tidak ada sebab-sebab yang berat untuk kita menafikannya kepada PETRONAS. PETRONAS merupakan satu syarikat gergasi (giant corporation) dengan modal yang besar dan kegiatan yang luas. Jika ada kelemahan dalam Akta Ibu yang menyekat atau menghadkan bidang kuasa PETRONAS, saya rasa adalah tanggungjawab kita untuk memperbaikinya.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka membangkitkan satu, dua aspek pelaksanaan rancangan-rancangan PETRONAS sebagai sebuah corporation yang diamanahkan dengan kuasa mengawal dan mengeksploitasi sumber minyak petroleum kita.

PETRONAS haruslah melangkah dan merupakan satu corporation yang benar-benar Malaysian. Sumber asli petroleum ini adalah untuk semua rakyat dan bagi generasi-generasi yang akan datang tetapi saya melihat bahawa dalam dasar menggajikan kakitangan, memberi biasiswa latihan

di peringkat kemahiran teknikal dan di universiti, meluluskan lesen stesyen minyak dan pengangkutan PETRONAS tidak mencerminkan hak semua rakyat. Saya tidak menafikan kepentingan PETRONAS membantu kaum bumiputera. Itu adalah mustahak. Saya bersukacita terhadap pertolongan yang diberi oleh PETRONAS kepada kaum bumiputera untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah adil atau wajar jika rakyat Malaysia yang lain dinafikan bantuan dan peluang-peluang di PETRONAS.

Keadaan perseimbangan kaum dalam para kakitangan PETRONAS adalah langsung tidak memuaskan, pemberian lesen stesyen minyak pun begitu juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berdukacita untuk mengatakan kaum Malaysian Indians di tanahair kita pada setakat ini masih belum menerima peluang yang secukup di dalamnya. Saya dengan penuh harapan menyatakan bahawa Malaysian Indians serta kaum-kaum laia juga akan mendapatkan peluang ini dari PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa PETRONAS diminta mengkaji semula dasar pelaksanaannya untuk dapat lebih mencerminkan kepentingan secara seimbang sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum ini diluluskan. Sekian.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Jika tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

521 ptg.

Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu yang pertama Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan dan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Nyanapandithan.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah perkara yang mudah ini tidak terkeliru kalau sekiranya kita dapati semua pihak berkenaan sentiasa suatu perkara ini kepada "source" dengan izin yang asal berkaitan dengan perkara ini. Sesiapa yang merujukkan urusan-urusan ini kepada muka surat 3 huraian dalam Akta yang berkenaan jelas menunjukkan bahawa saya quote, Tuan Yang di-Pertua:

"Perbadanan yang dinamakan Petroleum Nasional Berhad atau, dengan nama ringkasnya, PETRONAS yang disebut dalam Akta Ibu telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Oleh yang demikian, ia mempunyai dan menitikberatkan segala hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah sesuatu syarikat yang ditubuhkan dengan cara begitu. Akta Ibu tidak menghadkan atau menggariskan bidang hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang dipunyai atau dinikmati oleh PETRONAS di bawah Akta Syarikat 1965".

Tuan Yang di-Pertua, masalah *sub judice* tidak timbul dalam Kerajaan sewaktu membawa Rang Undang-undang ini kerana seperti yang terkandung dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini pada muka surat 3 yang saya sebutkan tadi adalah sangat jelas sekali dan penjelasan

sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan tadi, kita tidak nantikan daripada segi keperluannya dan saya percaya perkara ini sejak-sejak yang terakhir telah menjadi lebih jelas lagi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perjalanan PETRONAS, sebenarnya tidak ada kelemahan atau percanggahan dengan public interest seperti yang dikatakan. Ini adalah jelas dan mengenai dengan pindaan ini sebenarnya telah boleh disifatkan sebagai satu penjelasan kepada Akta Ibu sama ada ia dianggap sebagai dengan izin, bersifat undur ke belakang, sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ia tetap merupakan satu penjelasan dan menambahkan keyakinan kepada masyarakat umum mengenai dengan kedudukan perkara ini.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

**(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Jawatankuasa)**

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
1984**

Bacaan Kali Yang Kedua

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$1,374,800,110 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1984.

Rang Undang-undang ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat mengikut kehendak. Perkara 101 Perlembagaan dan telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 11hb April, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1984 ini adalah berjumlah \$1,591,727,910 tetapi sebanyak \$1,374,800,110 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana bakinya daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$216,927,800 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya

dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1984 yang asal dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984.

Dari jumlah peruntukan tambahan yang dikehendaki di bawah perbelanjaan perbekalan sebanyak \$16,843,664 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen dan bakinya sebanyak \$1,357,956,446 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai lain-lain perbelanjaan pengurusan.

Tambahan terbesar sebanyak \$1,300,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 32, peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Dengan tambahan ini, jumlah peruntukan bagi pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 1984 ialah \$2,300,000,000 iaitu termasuk \$1,000,000,000 yang telah diluluskan dalam Tambahan Pertama.

Di samping itu, tambahan sebanyak \$30.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 59, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menampung kekurangan peruntukan bagi menyelesaikan tuntutan subsidi yang dibuat oleh Lembaga Letrik Negara sehingga akhir tahun 1984 ke atas kerugian stesen diesel dan stesen elektrik luar bandar, bayaran diskaun 20% ke atas penggunaan elektrik oleh industri-industri besar dan subsidi kepada pelesen-pelesen awam.

Tambahan sebanyak \$20.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 67, Kementerian Kehakiman untuk membiayai Emolumen, Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan serta Pemilikan Harta Modal. Dengan pengwujudan Kementerian ini pada 17hb Julai, 1984, semua program dan

aktiviti di bawah Jabatan Kehakiman, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh, Jabatan Pemegang Harta dan aktiviti Perkhidmatan Bantuan Guaman di bawah Jabatan Peguam Negara adalah diletakkan di bawah Kementerian baru ini.

Selain daripada itu, tambahan peruntukan adalah dikehendaki bagi Maksud-maksud Bekalan seperti berikut:

Sebanyak \$8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 22, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus.

Sebanyak \$4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 64, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, bagi menampung perbelanjaan mengurus berkaitan dengan kerja-kerja ukur dan pemetaan serta bayaran tunggakan gaji kepada Pembantu dan Penyelia Pembangunan Peneroka.

Sebanyak \$3.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 7, Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus.

Sebanyak \$2.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 30, Perbendaharaan untuk membiayai perbelanjaan membeli alat-alat kelengkapan komputer.

Sebanyak \$2.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 29, Kementerian Luar Negeri untuk membiayai pelbagai perbelanjaan mengurus.

Sebanyak \$1.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 35, Kementerian Perusahaan Awam

untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai emolumen dan lain-lain perbelanjaan mengurus bagi Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan di Sarawak dan Sabah.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1984 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5/1985 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6/1985.

Dengan tambahan sebanyak \$1,374,800,110 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1984 berjumlah \$14,895,147,215. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$6,868,775,393 maka jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1984 menjadi \$21,763,922,608.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi

perkhidmatan tahun 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua. sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Abang Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53 (2), Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.38ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah berbangkit daripada cadangan-cadangan cukai dalam Belanjawan, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan tentang beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab II Rang Undang-undang adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Subseksyen (6) kepada seksyen 45 Akta ini merujuk kepada paras pengecualian cukai keuntungan berlebihan sebanyak \$100,000 yang dibahagikan dengan sewajarnya antara suami-isteri jika isten telah memilih untuk cukai yang ditaksir secara berasingan.

Fasal 4 meminda subseksyen ini dengan menaikkan had pengecualian untuk cukai keuntungan berlebihan dari \$100,000 kepada \$300,000. Ini adalah selaras dengan pindaan yang telah dibuat kepada seksyen 3 (a) Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui Belanjawan 1985.

Bab III, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967. Fasal 6 meminda seksyen 18 ini dengan memasukkan perenggan baru (m) selepas perenggan (l) untuk menghadkan potongan yang dibenarkan bagi bayaran sewaan motokar kepada \$25,000. Pindaan ini akan mengimbangkan dengan perbelanjaan kelayakan bagi kenderaan tersebut yang akan dinaikkan kepada \$25,000 dengan pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 7. Pindaan-pindaan ini akan menyelaraskan Akta dengan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dalam Belanjawan 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Persila jikalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai *mempengerusikan Jawatankuasa*),

Pasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAKAFUL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang

bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Takaful 1984 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan kepada Akta Takaful 1984 telah dicadangkan sebagai usaha untuk mengatasi kekurangan tertentu bagi membolehkan syarikat takaful menjalankan urusniaganya dengan licin. Pindaan-pindaan ini bertujuan mengadakan peruntukan supaya syarat menjadi ahli persatuan takaful sebelum menjalankan perniagaan takaful ditangguhkan dahulu mengatasi kesilapan typography dan bertujuan menerangkan dengan lebih jelas lagi kedudukan Akta Takaful berhubung dengan undang-undang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai cadangan pindaan Akta Takaful ini, saya akan menerangkan sedikit setiap Fasal dalam Rang Undang-undang ini.

Kehendak-kehendak Bagi Menjalankan Perniagaan

Menurut seksyen 4 (2) (d) Akta Takaful 1984, sesebuah syarikat takaful adalah dikehendaki sebagai suatu pra-syarat baginya sebelum dapat menjalankan urusniaganya di bawah Akta tersebut menjadi ahli persatuan takaful yang diluluskan oleh Menteri. Memandangkan bahawa hanya satu sahaja syarikat takaful akan dilesenkan buat permulaan supaya menentukan kelicinan dan kejayaan pelaksanaan konsep takaful ini, maka suatu peruntukan peralihan perlu diadakan. Bagi maksud ini, Fasal 2 Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 1985 membuat peruntukan untuk memasukkan satu proviso ke dalam seksyen 4 (2) (d) supaya pemakaian keperluan seksyen 4 (2) (d) itu ditangguhkan sehingga satu persatuan takaful ditubuhkan.

Pendaftaran Pengendali Takaful

Maksud yang sebenar seksyen 8 (4) Akta Takaful 1984 ialah bahawa Ketua Pengarah Takaful boleh enggan mendaftarkan syarikat takaful sekiranya nama syarikat itu mungkin memperdaya disebabkan persamaan namanya dengan nama mana-mana badan lain.

Satu kesilapan typography telah berlaku di mana perkataan "tidak" telah terdapat di barisan 3 kepada seksyen 8 (4) dan ini telah memberikan maksud sebaliknya. Perkataan "tidak" di barisan 3 itu perlu dibatalkan dan bagi maksud ini fasal 3 kepada Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 1985 membuat peruntukan untuk membatalkan perkataan itu.

Mengenai pemakaian undang-undang lain, seksyen 67 Akta Takaful 1984 menerangkan kedudukan Akta ini berhubung dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Kontrak 1950, Akta Insurans 1963, Ordinan Pengangkutan Jalan 1958 dan Akta Koperasi telah pun diperuntukkan supaya Akta Takaful 1984 mengatasi peruntukan-peruntukan Akta-akta dan Ordinan yang tersebut di atas. Bagi menerangkan dengan lebih jelas dan mengelak keraguan terhadap peruntukan tersebut, satu peruntukan baru yang terkandung di dalam fasal 4 (b) Rang Undang-undang telah diadakan.

Fasal 4 (b) Rang Undang-undang mencadangkan peruntukan baru iaitu bahawa peruntukan Akta Insurans 1963 tidaklah terpakai berhubung dengan syarikat atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Takaful. Seterusnya peruntukan baru ini menetapkan bahawa syarikat atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Takaful masih dikehendaki mematuhi kehendak undang-undang lain di dalam menjalankan perniagaan

takafulnya. Kecualilah terdapat pengecualian tertentu dalam undang-undang lain itu.

Mengenai Jadual Pertama, Tuan Yang di-Pertua, satu kesilapan typography telah berlaku di dalam perenggan 4. Jadual Pertama kepada teks Bahasa Malaysia di mana perkataan "pusaka" telah terdapat di barisan 1 dan 4 dan ini perlu dibatalkan. Fasal 5 Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 1985 membuat peruntukan bagi membatalkan perkataan itu.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pindaan-pindaan ini adalah perlu untuk membolehkan Syarikat Takaful menjalankan perniagaannya dengan lincin supaya ianya dapat memenuhi hasrat Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai Islam dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Takaful tahun 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.,

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13, Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) ditangguhkan perbahasannya kepada masa lain dalam mesyuarat ini dan digantikan dengan No. 9 Rang Undang-undang Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13, Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan)

ditangguhkan perbahasannya kepada masa lain dalam mesyuarat ini dan digantikan dengan No. 9 Rang Undang-undang Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing.

RANG UNDANG-UNDANG KONVENSYEN MENGENAI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN AWARD TIMBANGTARA ASING

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.58ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing, 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini Malaysia telah mengadakan perhubungan perdagangan dengan beberapa negara ini. Lazimnya kontrak-kontrak perdagangan tersebut memperuntukkan penyelesaian bagi sebarang pertikaian mengenai kontrak itu dengan cara timbangtara sama ada di Malaysia ataupun negara lain.

Menurut Jazimnya sesuatu award timbangtara yang dibuat di dalam suatu negeri tidak dapat dikuatkuasakan di satu negeri yang lain melainkan jika negeri yang kedua itu mempunyai undang-undang yang memberi pengiktirafan kepada award tersebut untuk membolehkan ianya dikuatkuasakan di negeri itu.

Satu cara yang biasa dibuat untuk tujuan pengiktirafan tersebut ialah dengan mengadakan Undang-undang Bersaling (Reciprocal Legislation) di antara negara-negara tersebut untuk

mengiktiraf dan menguatkuasakan award-award timbangtara yang dibuat di negara masing-masing.

Cara yang kedua pula ialah dengan menandatangani atau menjadi pihak kepada Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing, 1958. Sehingga kini sebanyak 62 buah negara telah menandatangani dan mengesahkan atau menjadi pihak kepada Konvensyen tersebut yang telah dimeterikan pada IOhb Jun, 1958 di New York, Amerika Syarikat.

Tujuan utama Konvensyen ini ialah bagi memperuntukkan pengiktirafan dan penguatkuasaan award-award timbangtara yang diperolehi di dalam sesuatu negeri ke dalam satu negeri yang lain. Masalah yang boleh timbul jika Malaysia tidak menjadi pihak kepada Konvensyen ini, ialah jika sebarang award dibuat di Malaysia, ianya tidak dapat diiktiraf dan dikuatkuasakan di negeri yang telah menjadi pihak kepada Konvensyen. Demikian juga award-award yang diperolehi di negeri lain tidak dapat diiktiraf dan dikuatkuasakan di Malaysia.

Dengan wujudnya keadaan seperti ini, ianya boleh merupakan satu halangan kepada perkembangan perhubungan perdagangan antarabangsa di antara Malaysia dan negara-negara tersebut. Ini ialah kerana setiap pedagang, sama ada di luar negeri ataupun di Malaysia, memerlukan kepastian dan keyakinan bahawa jika berlakunya sebarang pertikaian hasil dari penyelesaian pertikaian tersebut dapat dikuatkuasakan dengan efektifnya.

Pada 1hb April, 1984 satu Pusat Timbangtara Serantau telah ditubuhkan di Kuala Lumpur di bawah naungan Asian-African Legal Consultative Committee (AALCC). Tugas-tugas Pusat ini, antara lain, ialah untuk menggalakkan dan memajukan

timbangtara perdagangan antara-bangsa di rantau ini menyelaras dan membantu aktiviti-aktiviti institusi-institusi timbangtara di rantau ini, membantu perjalanan timbangtara secara ad-hoc terutama sekali timbangtara yang dijalankan di bawah UNGITRAL Rules, membantu penguatkuasaan award-award timbangtara dan memberi khidmat timbangtara di bawah naungannya sendiri.

Di dalam keadaan undang-undang yang sedia ada, pada masa ini award-award yang dibuat oleh Pusat Timbangtara tidak dapat diiktirafkan dan dikuatkuasakan di negara-negara lain. Oleh yang demikian, khidmat Timbangtara Pusat ini adalah terhad dan ini menjejaskan perkembangan dan kejayaan Pusat tersebut.

Adalah mustahak bagi pihak-pihak yang bersetuju mengadakan penyelesaian pertikaian di bawah Pusat ini mendapat kepastian dan keyakinan bahawa award-award yang diperolehi dari Pusat ini dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya.

Jika Malaysia menjadi pihak kepada Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Awards, maka dengan sendirinya keyakinan dan kepastian tersebut bukan sahaja bagi award-award yang diperolehi dari Pusat Timbangtara Serantau tersebut bahkan juga award-award timbangtara tempatan akan wujud kerana award-award tersebut akan dapat diiktiraf dan dikuatkuasakan di negara-negara lain.

Malaysia akan menjadi pihak kepada Konvensyen 1958 itu berdasarkan prinsip pesalingan dan dengan demikian Malaysia akan hanya mengiktiraf dan menguatkuasakan award-award dari negara-negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen 1958 itu sahaja. Adalah difikirkan wajar bagi Malaysia menghadkan penggunaan Konvensyen ini kepada

pertikaian perdagangan sahaja seperti yang diperuntukkan di Perkara 1 (3) Konvensyen itu kerana tujuan Malaysia menimbang menjadi pihak kepada Konvensyen itu ialah atas sebab-sebab perdagangan.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan award-award timbangtara asing dikuatkuasakan apabila Malaysia menjadi pihak kepada Konvensyen itu.

Fasal 3 memperuntukkan bahawa sesuatu award yang diperolehi menurut peruntukan-peruntukan Konvensyen boleh dikuatkuasakan di Malaysia dan dikira sebagai mengikatkan di antara orang-orang yang membuat perjanjian timbangtara untuk sama tujuan,

Fasal 4 menetapkan keperluan-keperluan keterangan yang mesti dikemukakan oleh mereka yang memohon untuk award tersebut dikuatkuasakan.

Fasal 5 memperuntukkan keadaan-keadaan di mana jika dapat dibuktikan bahawa keadaan-keadaan tersebut wujud, award tidak akan dikuatkuasakan.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa jika sesuatu pihak kepada sesuatu perjanjian timbangtara, yang mana Konvensyen ini boleh dipakai, memulakan sesuatu perbicaraan di Mahkamah terhadap satu pihak yang lain, pihak yang kedua ini boleh memohon kepada Mahkamah untuk menangguhkan perbicaraan tersebut, melainkan jika Mahkamah berpuashati bahawa penangguhan tidak akan dibenarkan atas sebab-sebab yang terkandung di dalam Fasal ini.

Jadual di dalam Rang Undang-undang ini menjelaskan dengan lengkap semua peruntukan Konvensyen 1958 itu bagi memudahkan rujukan dari pemakaian peruntukan Konvensyen bagi mereka yang memohon untuk sebarang award dikuatkuasakan.

Sebelum Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan mengikut peruntukan perenggan 2 Fasal 1, Malaysia akan terlebih dahulu meletakkan, dengan izin, deposit instrumen penerimaan dan Konvensyen itu akan mula berkuatkuasa 90 hari selepas instrumen diletak di Urusetia Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan demikian tarikh perundangan Rang Undang-undang dikuatkuasakan akan diselaraskan kelak dengan tarikh Konvensyen itu berkuatkuasakan bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memberi kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Konvensyen mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing, yang dibuat di New York pada 10hb Jun 1958, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Datuk Abang Haji Ahmad Urai
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan akan terus menimbangkan Rang Undang-undang Kanun Kesiksaan (Pindaan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Timbalan Menteri Dalam Negeri hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Disetujui,

Bahawa Dewan akan terus menimbangkan Rang Undang-undang Kanun Kesiksaan (Pindaan).

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESIKSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan

Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Kesiksaan (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab 45) dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab 6) dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di awal tahun 1983, Akta Kanun Kesiksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1983 telah meminda Kanun Kesiksaan untuk memasukkan seksyen baru 298A ke dalam Kanun Kesiksaan itu.

Seksyen baru ini telah dimasukkan ke dalam Bab 15 Kanun Kesiksaan yang membuat peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan agama dan yang telah pun mengandungi seksyen-seksyen 295 hingga 298 yang membuat peruntukan mengenai pelbagai kesalahan yang berhubung dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menyinggong perasaan keagamaan orang lain dan boleh mengganggu ketenteraman awam.

Di dalam Jadual - Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam termasuk di dalam senarai Persekutuan, iaitu perkara-perkara itu adalah perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan yang mengenainya, Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang. Oleh yang demikian apa-apa perbuatan atau aktiviti mana-mana orang atau kumpulan orang dari mana-mana agama yang memudaratkan ketenteraman awam, keamanan, kesejahteraan dan keselamatan dalam negeri di negara ini atau di mana-mana bahagian negara ini hanya boleh dilarang dan dijadikan satu kesalahan jenayah yang boleh dihukum melalui satu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen.

Agama merupakan satu perkara yang boleh dieksploit dan digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk mengelirukan dan membangkitkan emosi supaya keamanan dan ketenteraman awam akan terganggu secara dan setakat yang boleh mengancam keselamatan negara ini.

Selalunya anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab ini didorong oleh matlamat-matlamat yang sempit dan mementingkan diri sendiri iaitu matlamat untuk mendapatkan kuasa politik. Pengalaman yang didapati daripada peristiwa-peristiwa di tempat-tempat lain di dunia menunjukkan bahawa kecuali jika segala usaha dibuat oleh Kerajaan dengan cepat dan berkesan bagi mencegah berlakunya hetak harmonian dan perpecahan di antara orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang menganut agama yang sama, maka satu ancaman yang serius terhadap keamanan, kestabilan, perpaduan dan keselamatan negara ini mungkin timbul.

Seksyen 298A yang ada sekarang memperuntukkan bahawa seseorang yang disabitkan atas satu kesalahan di bawah seksyen itu boleh dihukum penjara bagi satu tempoh yang boleh mencapai tiga tahun. Sebagai ganti kepada hukuman penjara atau sebagai tambahan kepada hukuman penjara, dia boleh juga dihukum denda. Amaun denda itu terpulanglah kepada budibicara Mahkamah. Jadi peruntukan mengenai hukuman yang ada sekarang memberi Mahkamah budibicara untuk mengenakan sama ada hukuman penjara atau denda atau kedua-dua hukuman penjara dan hukuman denda. Ini bererti bahawa Mahkamah dalam menggunakan budibicaranya boleh mengenakan hukuman denda tanpa denda penjara dan hukuman itu mungkin denda yang sedikit sahaja.

Jika Mahkamah memilih untuk mengenakan hukuman penjara, hukuman itu mungkin juga hanya hukuman isyarat sahaja selama satu hari. Ini bermakna pesalah itu akan dibebaskan oleh Mahkamah apabila tawat proceeding Mahkamah pada hari yang berkenaan. Malah Mahkamah juga boleh menjalankan kuasanya untuk meringankan hukumannya di bawah Seksyen 173A atau Seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah. Di bawah Seksyen 173A, pesalah itu boleh dibebaskan tanpa satu sabitan dicatatkan sama ada dengan satu amaran sahaja atau mengikat satu "bond" supaya berkelakuan baik bagi satu tempoh yang boleh mencapai 3 tahun. Tetapi biasanya tempoh itu jauh lebih pendek daripada 3 tahun.

Di bawah Seksyen 294, walaupun jika sesuatu sabitan itu dicatatkan terhadap pesalah, Mahkamah masih boleh membebaskan dengan syarat ia mengikat satu "bond" supaya berkelakuan baik bagi apa-apa tempoh sebagaimana diarahkan oleh Mahkamah tanpa mengenakan apa-apa hukuman.

Di bawah Seksyen 298A (2), kini terdapat peruntukan bagi mengenakan tempoh penjara tambahan sehingga 5 tahun jika kesalahan itu berlaku berhampiran dengan satu tempat ibadat atau satu perhimpunan yang sedang menjalankan kerja ibadat atau upacara agama. Tetapi di sini sekali lagi adalah terletak kepada budibicara Mahkamah sama ada hendak mengenakan denda atau penjara dan amaun denda atau tempoh penjara itu adalah juga terletak kepada budibicara Mahkamah.

Di samping itu, kuasa-kuasa untuk meringankan hukuman di bawah Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah yang saya sebutkan dahulu masih terbuka kepada Mahkamah. Maka oleh yang demikian, setelah mengkaji dengan teliti, Kerajaan berpendapat bahawa hukuman yang

diperuntukkan oleh undang-undang bagi kesalahan itu hendaklah mencerminkan keseriusan kesalahan tersebut dan ancaman kepada ketenteraman, kesejahteraan, ketenangan, kestabilan dan keselamatan awam yang boleh ditimbulkan oleh kesalahan-kesalahan sedemikian.

Hukumannya hendaklah sedemikian rupa supaya boleh menjadi satu pencegah yang berkesan kepada mereka yang berkemungkinan melakukan kesalahan atau yang rela dijadikan alat oleh kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai tujuan dan rancangan yang jahat untuk mengucar kacirkan negara dan menyebabkan huru-hara dan pertumpahan darah supaya mereka ini boleh merebut kuasa dalam keadaan-keadaan sedemikian.

Justeru itu di bawah Fasal 2 (a) Rang Undang-undang ini adalah dicadangkan untuk meminda hukuman bagi kesalahan di bawah Seksyen 298A (1) yang ada sekarang kepada hukuman minimum penjara selama 2 tahun dan hukuman maksimum penjara selama 5 tahun. Dengan pindaan ini, jika mahkamah dapati seseorang itu bersalah di bawah Seksyen 298A (1), mahkamah mempunyai kewajiban di sisi undang-undang untuk mengenakan satu hukuman penjara yang tidak kurang daripada 2 tahun tetapi mempunyai budi bicara untuk mengenakan hukuman penjara yang lebih tinggi dengan syarat tempoh tersebut tidak lebih daripada 5 tahun. Untuk memastikan supaya sesuatu tempoh penjara di antara 2 tahun hingga 5 tahun dikenakan ke atas seseorang pesalah yang didapati bersalah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Seksyen 298A(1).

Fasal 2 (b) Rang Undang-undang ini menggantikan subseksyen (2) Seksyen

298A yang ada sekarang dengan subseksyen 2 baru yang memperuntukkan bahawa peruntukkan-peruntukkan Seksyen 173A dan 294 Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai bagi kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 298A (1). Kesannya ialah bahawa kuasa mahkamah untuk meringankan hukuman di bawah seksyen-seksyen tersebut telah dikeluarkan. Dalam lain-lain perkataan, jika sesuatu pertuduhan bagi kesalahan di bawah Seksyen 298A (1) dibuktikan terhadap seseorang pesalah, adalah tidak mungkin bagi mahkamah untuk tidak mensabitkan pesalah itu dan tidak mencatatkan sabitan terhadapnya atau untuk melepaskannya dengan hanya memberi amaran atau setelah ianya menyempurnakan suatu bond kelakuan baik. Dalam setiap kes di mana pertuduhan itu dibuktikan terhadap seseorang pesalah mahkamah haruslah menghukum pesalah itu menjalankan hukuman penjara yang tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun. Berikutan dengan peruntukan bagi hukuman penjara yang mandatory, peruntukan yang ada sekarang dalam Seksyen 298A (2) bagi hukuman tambahan sehingga 5 tahun penjara mengenai kesalahan di bawah Seksyen 298A (1) yang dilakukan berhampiran dengan sesuatu tempat ibadat atau suatu perhimpunan yang menjalankan kerja ibadat atau upacara ibadat adalah dikeluarkan.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi pindaan-pindaan tertentu kepada Jadual Pertama Kanun Prosedur Jenayah berkenaan dengan kesalahan di bawah Seksyen 298A berikutan dengan peruntukan baru mengenai hukuman dan pengeluaran hukuman tambahan di bawah Seksyen 298A (2) yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan (Negeri-negeri Melayu Bersekutuan Bab 45) dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah (Negeri-negeri Melayu Bersekutu Bab VI) dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas.

6.24ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Akta meminda Kanun Keseksaan (NMB Bab 45) dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Kanun Prosedur Jenayah (NMB Bab 6).

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan syabas kepada Kerajaan yang sudi membentangkan pindaan ini di Dewan yang mulia ini untuk diluluskan memandangkan bahawa hukuman yang ada selama ini tidak mendatangkan takut, tidak mendatangkan gerun dan tidak dapat memberhentikan kegiatan-kegiatan yang dimaksudkan di dalam Kanun Keseksaan 298A ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita lihat sekarang ini perkembangan di dalam masyarakat kita hari ini kalau tidak salah saya suratkhbar hari ini juga menulis satu berita yang berlaku di Johor bagaimana mereka yang melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama Johor menikahkan orang tanpa menggunakan saksi. Ini kalau kita huraikan. Tuan Yang di-Pertua, adalah melibatkan kepada perpecahan di dalam masyarakat orang yang seagama

sesama orang Islam, akan menimbulkan rasa tidak aman di dalam masyarakat itu, akan timbul rasa persengketaan, akan timbul rasa permusuhan, merendahkan sesama Islam di dalam perbuatan-perbuatan yang melibatkan keimanan, akidah, peraturan-peraturan syarak dan merendah-rendahkan kuasa pihak berkuasa agama di dalam negeri yang telah pun kita jalankan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat bahawa perkembangan di dalam masyarakat kita, masyarakat orang-orang yang seagama khususnya kita sesama orang Islam sekarang ini daripada perbuatan-perbuatan yang boleh menimbulkan rasa tidak tenteram tadi, menimbulkan perasaan-perasaan yang boleh melakukan perpecahan di dalam masyarakat berlaku di banyak tempat dan berlaku di dalam berbagai cara dan berbagai bidang.

Jadi dengan adanya pindaan baru 298A (2) ini yang menentukan hukuman penjara tidak kurang dari 2 tahun buat masa ini adalah sebaik-baik hukuman yang kita laksanakan dalam negara kita ini, sekurang-kurangnya akan boleh mendatangkan keinsafan kepada mereka atau kepada orang-orang yang digunakan oleh golongan-golongan tertentu atau oleh mereka yang sengaja menyalahgunakan di dalam bidang agama ini untuk kepentingan dirinya supaya ianya dianggap sebagai seorang tok alim baru yang sanggup mengeluarkan tatwa, sedangkan fatwanya itu akan menimbulkan perpecahan di dalam masyarakat atau untuk pengaruh kewangan. Kalau dia nanti dianggap sebagai orang alim atau tok guru atau wali, dia akan mempunyai pengikut-pengikut yang ramai dan pengikut yang ramai ini akan patuh dan taksab kepadanya maka berbagai keuntungan peribadi yang akan didapati olehnya maka dengan keuntungan peribadi daripada segi wang ringgit dan juga kepentingan yang lain.

Saya rasa denda atau penjara dua tahun; tidak kurang dari dua tahun ini tidak memadai kepada mereka-mereka yang bersikap seperti ini. Penjara tidak kurang dua tahun ini memadai kepada mereka yang menimbulkan kekecohan yang berdekatan dengan rumah ibadat, yang dilakukan berhampiran dengan sesuatu tempat ibadat misalnya golongan yang menegakkan dua jumaat atau satu jumaat yang ditegakkan oleh orang awam biasanya di masjid, kemudian dia menegakkan satu jumaat di satu bangunan yang lain sama ada di surau atau di kelab ataupun di bangunan yang baru dibina. Atau dia menimbulkan sesuatu perbuatan di dalam mana-mana satu perhimpunan yang boleh menjalankan perhimpunan yang menjalankan kerja ibadat misalnya katalah dalam masa itu Majlis

Maulud yang dianjurkan oleh satu kumpulan maka ada satu kumpulan mengatakan Majlis Maulud ini bidaah, kerana Nabi tidak suruh berarak, kerana Nabi tidak suruh berkompang, kerana Nabi tidak suruh bercampur lelaki-perempuan . . .

Datuk Abang Haji Ahmad Urai: Ahli Yang Berhormat. saya mohon maaf masa kita untuk berbahas sudahpun cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada esok hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 24hb April, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.